

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KEENAM	KHAMIS, 4 JULAI 2019	BIL. 5 TAHUN 14
--------------------	-----------------------------	------------------------

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan
dan Koperasi**
Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar**
YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar**
Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Nanning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, GPDk., PIS., PSI., AMN., KMN.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor

Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. (Bacaan selawat). Alhamdulillah kita panjatkan kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bertemu semula pada pagi ini untuk menyambung Persidangan kita.

Selepas soalan lisan, kita akan bersama-sama mendengar ulasan dan juga penggulungan daripada para EXCO. Kita bermula daripada Pengerusi Jawatankuasa YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur; kemudian Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar; seterusnya Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi; Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan; Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia dan diakhiri dengan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi.

Jika kita boleh selesai semua pada hari ini, maka pada hari ahad kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning jemput.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Adakah keselamatan pangkalan data negeri terjamin akan keselamatan data kerajaan negeri dan nyatakan senarai pencegahan bagi membendung ancaman dizaman data terbuka ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Harapan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan dari Bukit Naning. Adakah keselamatan pangkalan data negeri terjamin akan keselamatan data kerajaan negeri dan nyatakan senarai pencegahan bagi membendung ancaman di zaman data terbuka ini?

Pusat data Kerajaan Negeri Johor terletak di Bahagian Sains dan Teknologi dan ICT (USTICT), Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar dengan keluasan 900 kaki persegi. Pusat data ini menempatkan semua server, sistem-sistem milik kerajaan negeri dan telah mula beroperasi sejak perpindahan pusat pentadbiran kerajaan dari Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan ke Kota Iskandar pada tahun 2009.

Pusat data lama di BSI (Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan) telah dijadikan pusat pemulihan bencana yang menyimpan sandaran (backup) sistem-sistem utama kerajaan negeri Johor sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan data di pusat utama. Bagi memastikan keselamatan maklumat dan kawalan capaian kepada sistem-sistem dan data-

data kerajaan lebih terjamin, kerajaan negeri telah menggubal Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Johor Versi 2.0 (DKICT 2.0) pada November 2017 sebagai penambahbaikan Dasar Keselamatan ICT sedia ada. Dengan berkuat kuasanya DKICT 2.0 ini, semua urusan berkaitan ICT kerajaan negeri adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap polisi-polisi yang telah ditetapkan dan perlu mendapat pengurusan ICT Jabatan.

Kerajaan negeri Johor juga telah menubuhkan pasukan pengendali insiden keselamatan ICT (Computer Emergency Respond Team) atau CERT Johor pada tahun 2010. Keahlian CERT Johor adalah terdiri daripada kalangan pegawai daripada skim perkhidmatan sistem maklumat yang sedang berkhidmat di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Johor, dan mereka bertanggungjawab dalam mengendalikan insiden keselamatan ICT, agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Johor.

Kawalan keselamatan pusat data Kerajaan terbahagi kepada dua iaitu:

1. Keselamatan rangkaian; dan
2. Keselamatan pelayar siber aplikasi.

Rangkaian Johornet dilengkapi dengan perkakasan keselamatan seperti *firewall*, *web application firewall*, *intuition detection system* dan *intuition prevention system*, yang bertindak menghalang ancaman daripada luar. Aliran trafik pusat data juga sentiasa dipantau sepanjang masa oleh sistem operasi DSTICT dan dibantu oleh *resident engineer* yang dikhaskan dari Telekom Malaysia.

Selain kawalan keselamatan di peringkat rangkaian, sewa aplikasi juga dilengkapkan dengan perisian keselamatan seperti *firewall* bagi mengekalkan sebarang kemungkinan ancaman dari luar dan dalaman. Sekian.

YB Speaker : Ya Bukit Naning, soalan tambahan.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan yang terperinci tentang keselamatan data Negeri Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan Bukit Naning, adakah atau pernahkah sistem data Kerajaan Negeri digodam? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Sejak tahun 2010, tiada insiden keselamatan ICT berlaku melibatkan rangkaian atau sistem-sistem Kerajaan Negeri walaupun negara berdepan dengan serangan-serangan siber yang berlaku di peringkat global. Dalam memastikan data-data Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan selamat, Kerajaan Negeri tidak menghalang perkongsian terbuka kepada rakyat untuk dimanfaatkan. Hanya data yang boleh dikongsi umum sahaja yang dibenarkan dan diberi akses untuk kegunaan bersama. Data-data rahsia yang boleh diakses oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan sahaja. Perkongsian data dalam konsep data terbuka itu adalah hak kerajaan negeri.

YB Speaker : Ya Mahkota.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya berapakah kos yang diperuntukkan untuk mengawal selia keselamatan pangkalan data kerajaan di negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Terima kasih Mahkota. Kalau kita lihat bahawa oleh kerana kepentingan Kerajaan dan

maklumat-maklumat penting Kerajaan yang keseluruhannya berada di bawah data berkenaan, maka Kerajaan telah memperuntukkan RM294,000.00 pada tahun 2019, di mana kos ini merangkumi bayaran perkakasan keselamatan seperti *firewall*, *web application firewall*, *intuition detection system* dan *intuition prevention system*, yang bertindak menghalang ancaman daripada luar ataupun digodam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Program Galakan Usahawan (PGU) kini telah bertukar nama kepada Perintis Keusahawanan Johor (PKJ). Apakah bantuan kepada usahawan yang baru di perkenalkan dengan penjenamaan baru yang lebih baik?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi : Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya saya ucapkan terima kasih juga kepada Sungai Balang atas soalan yang telah diajukan berkaitan dengan Program Galakan Usahawan yang kini telah dijenamakan semula kepada Program Perintis Keusahawanan Johor atau ringkasannya kita sebut sebagai PKJ.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang kita ketahui umum, di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang baru, Program Galakan Usahawan telah dijenamakan semula menjadi Perintis Keusahawanan Johor dengan ringkasannya PKJ.

Bagi mendepani masa hadapan dan pola ekonomi yang kian mencabar, fokus utama Jabatan Pertanian adalah untuk terus memperkasakan bidang keusahawanan khususnya dalam bidang pemprosesan makanan. Hal ini terus menjadi utama bagi memastikan negeri Johor sebagai pengeluar makanan utama negara dan seterusnya menyumbang kepada kerancangan pertumbuhan ekonomi negara umumnya.

Oleh yang demikian, PKJ pada era ini tampil dengan pembaharuan ataupun dengan nafas baru, dengan menjadikan aktiviti pemprosesan makanan dan juga pembangunan tanah-tanah terbiar menjadi fokus yang utama.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri tetap akan meneruskan bantuan projek-projek industri kecil (PIK) dan juga pembangunan projek-projek pertanian (PPP) bagi memastikan hasrat Negeri Johor menjadi negeri termaju dalam pembangunan produk-produk hiliran. Terima kasih.

YB Speaker : Ya jemput Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan tambahan. Di bawah program PKJ, apakah masih ada lagi peruntukan untuk Fertigasi dan pertanian bandar bagi masyarakat yang berkecukupan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Untuk 2 bantuan yang dipersoalkan tadi, masih diteruskan namun suka juga untuk saya tegaskan di sini bahawa pada kali ini juga, bantuan-bantuan seperti berbentuk mesin ataupun kelengkapan-

kelengkapan bengkel juga menjadi keutamaan untuk kita berikan kepada para pengusaha yang menjalankan program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang bersifat pemprosesan makanan, kerana ini yang ingin kita ketengahkan pada kali ini. Justeru apa-apa juga bentuk bantuan seperti bantuan berbentuk pembungkusan, ini juga masih kita berikan keutamaan dan kita memberi nilai tambah kepada produk-produk usahawan ini.

Sebagai tambahan juga jika boleh saya katakan di sini, sekiranya usahawan sampai ke satu tahap dia menunjukkan satu perkembangan positif dan baik selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan dan juga mereka ini memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan, maka usahawan ini boleh memohon bantuan termasuklah sehingga ke tahap bantuan meminta bengkel pemprosesan untuk menyediakan usahawan ke arah pensijilan Halal dan juga MESTI ini.

Selain itu bantuan bagi membangunkan juga dikekalkan untuk membangunkan kapasiti mereka dalam meneruskan bidang keusahawanan ini juga dikekalkan dan juga kita terus memperkasakan mereka. Permohonan khususnya bagi mereka yang memiliki tanah-tanah terbiar sebagai contoh ataupun mereka ini telah pun mencukupi syarat-syarat yang telah digariskan, mereka boleh meminta bantuan untuk mendapatkan input-input seperti input-input pertanian seperti bantuan benih, bantuan untuk pembersihan kawasan dan juga pengairan sebagai contoh. Namun begitu, bantuan-bantuan bagi tanaman semula seperti tanaman semula sawit, adalah di luar skop tugas Jabatan Pertanian, sebaliknya perkara-perkara pertanian seperti yang bersifat *related* dengan izin kepada sawit dan sebagainya adalah tertakluk untuk dirujuk kepada FELDA atau MPOB pada ketika ini. Terima kasih.

YB Speaker : Saya ingin mengalu-alukan pelawat ataupun apa nama... pelawat daripada peserta Program Johor EdScape, Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS), dari Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) seramai 40 orang pada hari ini. Terima kasih. Tahniah kerana dapat hadir. Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih. Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat EXCO. Ya masih soalan berkaitan dengan keusahawanan. Berkaitan dengan apa... tumpuan kerajaan baru ini, Pakatan Harapan tentang kreatif ekonomi. Saya ingin bertanya selain daripada penganjuran festival dan sebagainya dan seumpama dengan itu, apakah lagi langkah-langkah yang telah ataupun akan dilakukan untuk kita pastikan apa tumpuan ini berjaya? Dan semenjak ia dilancarkan, apakah contoh kejayaan, mungkin daripada segi nilai jualan ataupun perniagaan yang boleh dinyatakan di dalam Dewan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi : Terima kasih saya ucapkan kepada Panti. Yang Berhormat Speaker, saya cukup menghargai soalan yang diajukan ini dan juga saya rasa soalan ini penting sebagai rekod di Dewan yang mulia ini.

Yang Pertamanya, suka untuk saya nyatakan suka atau tidak suka bahawa selepas daripada pertukaran Menteri Besar dan juga rombak semula Jawatankuasa EXCO, maka Portfolio Ekonomi Kreatif ini telah pun dihapuskan, dengan izin, ataupun telah pun dimansuhkan. Namun elemen-elemen ekonomi kreatif ini dimasukkan di bawah portfolio keusahawanan. Namun bezanya ialah ketara sekali sebagai contoh sewaktu portfolio ekonomi kreatif masih wujud sebenarnya ada beberapa perkara yang telah di usahakan di peringkat jawatankuasa ekonomi kreatif termasuklah kita telah mengadakan berkunjung hormat dengan UNESCO untuk membangunkan beberapa projek-projek yang berkaitan dengan ekonomi kreatif. Namun apabila portfolio ini sudah tidak ada, wetnya dengan izin, sudah menjadi agak kurang berbanding satu portfolio ini berdiri sendiri atas nama ekonomi kreatif dan juga sebenarnya ada beberapa perancangan telah kita rancang di bawah portfolio ekonomi kreatif, namun selepas portfolio ini tidak ada ia menjadi sub kepada keseluruhan elemen keusahawanan. Namun apa yang ingin saya tegaskan sebagai rekod di Dewan yang mulia ini, ekonomi kreatif pada khidmat saya sendiri, saya yakin pada dunia

hari ini, ekonomi kreatif adalah satu elemen yang sangat penting justeru dalam membangunkan portfolio keusahawanan saya masih lagi menekankan elemen-elemen ekonomi kreatif khususnya melibatkan penglibatan anak-anak muda dan belia.

Justeru untuk masa ke depan nanti, antara perkara yang saya akan tetap teruskan di bawah portfolio keusahawanan ialah elemen-elemen gital dan kreativiti kerana dua elemen ini menjadi pemangkin ekonomi masa akan datang. Ramai sarjana-sarjana telah pun berbicara dan berwacana pada hari ini bahawa *the next economic is creative economic* dengan izin. Maka perkara ini insya-Allah tidak akan kita tinggalkan dan kita akan teruskan cuma mungkin dalam skala yang dahulunya ia duduk di barisan hadapan. Pada kali ia bukan lagi berdiri di atas kaki sendiri dia atas nama portfolio ekonomi kreatif. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Larkin, jemput.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Apakah pelan perancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah perumahan setinggan dalam jangka masa pendek?

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada Larkin yang bertanya apakah pelan kerajaan dalam menyelesaikan masalah perumahan setinggan dalam jangka masa pendek.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sepatutnya soalan daripada Larkin ini tidak perlu dijawab dalam sidang yang mulia ini sebab kerajaan Barisan Nasional sebelah sana telah mengisytiharkan negeri Johor mencapai status sifar setinggan pada tahun 2018. Tapi tak apa, kita sebagai manusia hanya mampu merancang, tetapi Allah jua yang menentukan. (Bacaan Surah Al-Imran Ayat 54). Untuk makluman Yang Berhormat...

YB Speaker : Paloh minta *off*, Paloh. Terus, terus.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Untuk makluman Yang Berhormat dan sidang Dewan yang dihormati sekalian. Pencerobohan dan penerokaan tanah kerajaan atau tanah rizab merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara yang mana jika disabit kesalahan, pesalah-pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak lebih 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Tanah kerajaan termasuklah semua tanah yang dimiliki oleh kerajaan persekutuan dan juga pihak kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada masa sekarang, penyelarasan dan pemantauan kawasan-kawasan setinggan dikendalikan oleh Pejabat Daerah bersama kerjasama Pejabat Tanah Daerah masing-masing, ADUN dan Ahli Parlimen di mana kawasan setinggan tersebut berada. Sekarang sedang dilakukan pengemaskinian data-data setinggan bagi merangka masalah perumahan setinggan. Data bancian setinggan tersebut nanti boleh digunakan oleh pihak kerajaan negeri bagi merangka strategi penyelesaian setinggan dan perancangan jangka masa panjang dan pendek untuk menentukan lokasi program perumahan rakyat PPR untuk disewa dan juga Rumah Mampu Biaya Johor di seluruh negeri Johor. Jadual di bawah menunjukkan tentang bilangan setinggan 20 Jun 2019 di negeri Johor.

Daerah Johor Bahru terdapat 5,158 keluarga, Batu Pahat, 474; Muar, 7; Mersing, 401; Kota Tinggi, 71; Segamat, 19; Pontian, 480; Kulai, 267; Kluang, 0; Rengit, 0; Tangkak, 90; Penggerang, 0; Labis, 5.

Bagi pelan jangka pendek kawasan setinggan yang mungkin digunakan oleh kerajaan dalam masa jangka pendek atas kawasan setinggan yang tidak berisiko tinggi, penduduk setinggan yang layak boleh diperakukan untuk diberikan lesen pendudukan sementara atau ringkasnya LPS. Berdasarkan sokongan dan ulasan Jabatan *telecast* seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagainya. Contoh penempatan yang diberikan LPS ialah Kampung Plentong Baru, Kampung Seri Paya dan Kampung Senibong di dalam daerah Johor Bahru.

Bagi setinggan yang menduduki kawasan yang berisiko tinggi dan kawasan yang terlibat dan kawasan yang terlibat dalam perancangan kerajaan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara akan dilaksanakan bagi memindahkan penduduk setinggan ke kawasan penempatan baru yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai contoh penempatan semula kawasan setinggan yang melibatkan 8 kampung yang terlibat di dalam pembangunan projek EDL iaitu meliputi kawasan Kampung Hajah Hasnah, Kampung Belantik, Kampung Bakar Batu, Desa Melayu, Desa Makmur, Kampung Tengah dan Bunga Raya dan Kampung Tok Siak yang melibatkan 2,932 keluarga.

Bagi kawasan setinggan di Larkin, pihak KPRJ telah membina sebanyak 248 unit rumah kos rendah yang berharga RM25,000.00 di pembangunan Desa Larkin ataupun Aman Larkin. Bagi menempatkan setinggan yang merangkumi 4 kampung iaitu Kampung Aman, Kampung Seri Kenangan, Kampung Rajawali dan juga Kampung Seri Paya.

Terdapat beberapa penempatan semula setinggan khususnya daerah Johor Bahru yang telah dan dalam proses penyelesaian. Pertama, Kampung Desa Perwira, yang merupakan tanah milik kerajaan yang telah kita anugerahkan 120 lot tanah kepada 120 keluarga yang majoritinya adalah bekas tentera. Kedua, tanah milik Daifoo Development, 39 keluarga yang menduduki tanah ini yang terletak bersebelahan PPR Kempas, PPR Melana, sebahagian mereka dipindahkan ke PPR Setia Indah dan juga Uda Utama. Yang ketiga, Kampung Plentong Tengah. Tanah dimiliki oleh Iskandar Waterfront Holdings (IWH) dan telah bersetuju untuk membina perumahan penempatan semula bagi setinggan di atas tanah mereka. Yang keempat, Kampung Ladang Darat melibatkan 46 keluarga di atas tanah milik Sunway di Gelang Patah. Penempatan semula ini dekat Iskandar Investment Berhad. Kelima, Kampung Teluk Serdang Pinggir, 41 keluarga di mana 30 keluarga telah dipindah di PPR Uda Utama. Yang keenam, Kampung Pulau Mutiara yang melibatkan 280 permohonan di atas tanah rizab milik Jabatan Hutan yang melibatkan keluasan 28 ekar di kawasan Gelang Patah. Yang Ketujuh, Kampung Seri Perling, Kampung Sungai Perling Baru dan Kampung Teluk Serdang. Tanah ini dimiliki oleh Iskandar Waterfront Holdings ataupun IWH, dan secara dasarnya IWH melalui anak syarikatnya Nadwa Sdn. Bhd. bersetuju untuk membina 1,000 rumah penempatan semula bagi kampung-kampung yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, SUKJ Bahagian Perumahan menempatkan setinggan-setinggan yang memerlukan penempatan sementara berdasarkan senarai yang telah diperakui ataupun dibanci dan disahkan oleh Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru untuk dibantu.

Berikut adalah jumlah setinggan yang telah ditempatkan di Perumahan PPR sehingga Jun 2019, PPR Desa Mutiara seramai 77. PPR Kempas Permai sebanyak 900 keluarga, PPR Melana Indah Fasa 1, 350, PPR Uda Utama, 36 menjadikan jumlah keseluruhan keluarga setinggan yang ditempatkan dalam PPR adalah 1,363. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya, Larkin.

YB Tuan Mohd Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Tuan Speaker. Dan, terima kasih kepada YB EXCO yang telah menjawab dengan begitu lengkap. Dan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang mengambil sikap keprihatinan untuk menangani isu-isu, masalah setinggan di kawasan bandar Johor Bahru. Jadi, soalan

tambahan saya, sebentar tadi YB EXCO ada menyentuh tentang penempatan 8 kawasan setinggan di projek Perumahan EDL. Boleh tak kita kongsi bersama apakah status projek ini dan proses pemilikannya? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih kepada Larkin yang mengemukakan soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sebenarnya tak berhajat untuk *elaborate*, ataupun menghuraikan dengan izin, tentang isu projek Perumahan EDL yang melibatkan 8 kampung setinggan. Kalau Penawar ada sebut *cut and paste*, Penawar pun tak ada hari ini, so, kita ini *cut and delete*. Dan kita insya-Allah tidak akan membuat kerja-kerja yang tak senonoh ini. *Cut and delete* semua Yang Berhormat. Di *cut* dan kemudian di *paste somewhere else*, dengan izin Tuan Speaker.

Projek penempatan semula 8 kampung di daerah Johor Bahru yang terlibat dalam Projek Pembangunan Lebuh Raya EDL, adalah Kampung Desa Jaya, yang melibatkan 149 keluarga, Desa Melayu, 282; Desa Makmur, 118; Kampung Tengah dan Bunga Raya, 134; Kampung Belantik, 134; Kampung Tok Siak, 186 keluarga; Kampung Dato' Hasnah, 347 keluarga dan Kampung Bakar Batu, 10 keluarga. Sebanyak 2,932 keluarga daripada 8 kampung yang saya sebutkan tadi terlibat dalam Projek Lebuh Raya Penyuraian Timur atau ringkas EDL yang ditawarkan skim sewa beli di bawah pakej Jauhar Prihatin di bawah anak syarikat kerajaan Negeri, KPRJ. Yang malangnya, kunci rumah ini telah diserahkan, kalau tak silap saya pada tahun 2016. Antara kampung yang disebutkan tadi telah menerima kunci tersebut dan secara umumnya Tuan Speaker.

Projek ini merupakan projek yang bermula daripada 1996 yang melibatkan RM303 juta kos pembangunan. Daripada peruntukan berkenaan RM203 juta disalurkan daripada kerajaan persekutuan manakala selebihnya adalah daripada kerajaan negeri. Dan, kos pembangunan rumah ini RM140,000.00 bagi satu unit tetapi diberikan pada harga subsidi kepada 1,360 pemilik dengan hanya membayar RM35,000.00 seunit dan 1,360 kepada anak pemilik serta penyewa pada harga RM50,000.00 seunit. Sebagaimana saya sebut tadi, pada tahun 2016, kunci rumah telah diserahkan tanpa kelulusan daripada kerajaan negeri oleh pemaju perumahan kepada 2,720 keluarga daripada 8 kampung yang saya sebutkan tadi. Melalui tindakan atau desakan politik pemerintah masa tersebut tanpa sebarang menandatangani dokumen dan syarat dikenakan dan tanpa sebarang bayaran dibuat. Sepatutnya, pihak pemaju perumahan perlu menyerahkan rumah-rumah tersebut kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada pembeli. Mesyuarat MMK pada 21 Jun 2017 telah memutuskan jika sekiranya selepas 6 bulan daripada tarikh penyerahan kunci dibuat, penerima kunci masih gagal mendapatkan pinjaman perumahan, maka tindakan pengosongan perlu dilaksanakan. Akhirnya, saya difahamkan kesemua pembeli ditawarkan skim sewa beli Jauhar Prihatin disebabkan sebahagian besar daripada mereka gagal untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Tetapi, malangnya sehingga sekarang permohonan pembeli melalui skim sewa beli ini belum diuruskan oleh penerima-penerima kunci pada 2016. Maknanya 2,720 keluarga penerima kunci ini telah tinggal di kediaman tersebut melebihi daripada 2 tahun tanpa membuat sebarang bayaran.

Tahun lepas, kerajaan Pakatan Harapan telah menubuhkan *task force* projek perumahan EDL ini dan kita dapati bahawa senarai nama penerima kunci pun tidak ada. Sehingga kerajaan negeri terpaksa menggunakan perkhidmatan Pusat Kajian Hartanah UTM untuk membuat kajian bancian rumah ke rumah dengan kos yang mencecah RM200,000.00. Insya-Allah, sekarang ini kita di peringkat terakhir pemutihan bagi memastikan hanya penduduk asal daripada 8 kampung yang terlibat sahaja yang layak mendapatkan unit-unit penempatan semula. Tarikh penyerahan kunci tak ada Yang Berhormat. Saya difahamkan dalam sekitar 2016. Tuan Speaker, maknanya lebih daripada 2 tahun mereka ini tidak membuat sebarang pembayaran. Walau bagaimanapun, di atas tanggungjawab kerajaan, kita juga membantu melalui anak syarikat KPRJ untuk melaksanakan kerja-kerja

penyelenggaraan utama supaya mereka duduk di sana boleh mendapati kehidupan yang lebih selesa. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah menjelaskan dengan terperinci berkenaan dengan Pelan Perancangan Kerajaan. Walaupun pelan yang dikatakan itu tidaklah begitu berbeza sangat dengan apa yang telah dibuat sebelum ini tetapi kenyataan Yang Berhormat bahawa pengendalian projek EDL ini dilakukan secara tidak senonoh, jadi kalau boleh minta Yang Berhormat ulang semula kenyataan itu dan agaknya siapa yang terlibat menjadikan projek EDL ini tidak senonoh? Minta beritahu Dewan yang mulia ini. Apa nama pihak-pihak yang berkaitan yang menyebabkan pengendalian projek ini tidak senonoh dan di samping itu, bila projek itu tidak senonoh, oleh kerana kita bertanya tentang soal Pelan Perancangan Setinggalan ini, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menguruskan setinggalan-setinggalan yang enggan berpindah atau enggan bersetuju dengan perancangan kerajaan termasuklah mereka-mereka yang membuat tuntutan ataupun permintaan yang tidak munasabah? Jadi dalam Pelan Perancangan ini, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan? Terima kasih Yang Berhormat. Jangan lupa tentang tak senonoh tadi tu. Siapa yang sebenarnya terlibat dalam Yang Berhormat membuat rumusan bahawa pengendalian projek EDL ini tidak senonoh?

YB Speaker : Siapa yang terlibat dengan ketidaksenonohan itu. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Benut di atas soalan tambahan. Pembidalan masyarakat Melayu lama ada mengatakan “sudah gaharu, cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Saya tidak berhajat untuk mendedahkan tinggal lagi kita boleh mengikuti daripada media masa pada tahun 2016, yang kita mudah boleh klik...

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, kita kena bertanggungjawablah. Kita dah buat *statement* mengatakan bahawa itu adalah projek pengendalian yang dibuat secara tidak senonoh, tentu ada yang terlibat. Takkan projek itu tak senonoh aje. Mesti ada, jadi siapa-siapa yang terlibat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Maksud saya Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak senonoh itu bukan dari segi pembinaan projek itu dengan izin, *construction* dia tetapi cara pengendalian penganugerahan kepada pemilik-pemilik sebab projek EDL ini adalah merupakan sebahagian daripada projek Rumah Mampu Biaya. Mana-mana projek yang terlibat dalam kategori Rumah Mampu Biaya, mestilah sepatutnya dikembalikan kepada kerajaan negeri sebelum diedarkan, dibuat pengagihan. Itu adalah amalan kita. Tetapi bagi projek ini, walaupun kalau sekiranya tidak dinamakan sebagai Rumah Mampu Biaya pun dia mesti diserahkan kepada pemiliknya iaitu SSI, State Secretary Incorporated, dengan izin barulah pengagihan itu boleh dibuat. Tetapi saya difahamkan bahawa pihak tertentu telah menggunakan atas tiket politik untuk menyerahkan kunci-kunci tersebut daripada pemaju terus kepada penerima yang saya sebutkan tadi 2,700 lebih tanpa diserahkan sepatutnya terlebih dahulu S.O.P. nya kepada pemilik projek tersebut iaitu SSI.

YB Speaker : Ya, Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan dan terima kasih ke atas usaha yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah setinggalan. Walau bagaimanapun, saya lihat sekarang ini kita lebih cenderung kepada tawaran rumah untuk menyelesaikan masalah-masalah setinggalan ini. Bagaimanapun, kita dapat perhatikan bahawa walaupun rumah ditawarkan, masalah setinggalan ini seolah-olah masih belum boleh

diselesaikan, saya bagi satu contoh, di mana Kampung Laut, Skudai. Di situ walaupun belasan tahun, sejak dulu saya rasa isu ini dah belasan tahun, masa itu kami jadi pembangkang dan pihak sana pun ada bantu tapi sampai sekarang apabila saya balik semula ke Skudai, isu itu masih ada lagi dan apabila saya berbincang dengan, berbincang dengan beberapa keluarga yang masih ada di situ, mereka bagi tahu walaupun mereka dapat tawaran rumah, masalahnya lokasi rumah yang ditawarkan itu susah untuk mereka mencari, untuk pergi ke tempat kerja mereka. Jadi, mereka pilih untuk menetap di kawasan di situ di Kampung Laut di mana lebih dekat dengan perkhidmatan bas dan sebagainya. Jadi apakah kerajaan ada rancangan untuk menyediakan satu pakej yang lebih menyeluruh supaya dia lebih berkesan untuk menarik penduduk di kawasan setinggan ini untuk pindah ke tempat yang ditawarkan itu. Kalau tidak benda ini, ataupun isu ini tidak akan selesai sebab mereka ada banyak alasan dan saya rasa antara pertimbangan atau alasan yang diberikan mereka itu memang perlu dipertimbangkanlah. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih Skudai di atas soalan tambahan. Memang saya tidak menafikan bahawa terdapat juga di kalangan mereka, *so call* dengan izin, setinggan Yang Berhormat Tuan Speaker mengambil kesempatan iaitu mereka menjadikan status sebagai penduduk setinggan ini untuk memancing sebanyak mungkin pulangan ataupun pampasan. Berlaku sekarang ini sebagai mana saya sebut tadi telah termasuk dalam penempatan semula itu adalah Kampung Dato' Haji Hasnah yang sekarang ini kalau kita pergi ke *site*, ke tapak, kita dapati telah mula penempatan dilakukan bahkan sebahagian daripada mereka yang telah di anugerahkan rumah di EDL itu juga masih tinggal di kawasan tersebut. Apa yang kita buat *immediately* ataupun tindakan serta merta adalah kita minta supaya agensi pemilik kepada pembangunan tersebut contoh macam Kampung Dato' Haji Hasnah ini adalah KPRJ untuk membuat penguatkuasaan, contoh dia adalah memagar kawasan tersebut bagi mengelakkan tumbuhnya kembali tempat-tempat setinggan yang akan nantinya melibatkan kewangan dalam bentuk pampasan daripada kerajaan negeri sebahagian dari mereka yang berhajatkan.

Kedua Yang Berhormat Tuan Speaker, tentang penempatan semula kawasan-kawasan setinggan seperti mana yang disebut oleh ADUN Skudai iaitu dia tertakluk kepada lokasi PPR, Projek Perumahan Rakyat ataupun RSK kita, dan setakat ini mereka tertakluk kepada penentuan lokasi PPR ini oleh KPKT, Kerajaan Persekutuan walaupun asalnya adalah di atas cadangan tapak daripada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif, mudah-mudahan kita berdoa kepada Allah SWT, kita dipermudahkan dalam urusan untuk kita memanfaatkan *double track* yang sekarang dalam pembinaan dan kerajaan negeri bercadang daripada kawasan Kulai sehinggalah ke Johor Bahru untuk disediakan perkhidmatan komuter sebagaimana di tawarkan di *Klang Valley*, dengan izin. Di mana kita akan membina lebih banyak rumah mampu biaya Johor di sepanjang jajaran *double track* ini dengan kita menyediakan beberapa stesen kecil dan kemudian mereka boleh menjadikan pengangkutan komuter ini sebagai pengangkutan utama mereka dan insya-Allah kita akan ada bas muafakat yang diberikan secara percuma untuk menjadi *fiddle bus* dengan izin, daripada stesen kecil yang disebutkan tadi kepada destinasi tempat mereka bekerja. Mudah-mudahan Allah SWT memudahkan urusan kita supaya kita meningkatkan kualiti dan perkhidmatan pengangkutan awam kita dan ini akan dapat mengurangkan masa perjalanan dan juga *jammed* ataupun *connection* di kawasan bandar raya Johor Bahru.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Sekarang, banyak proses pengagihan tanah untuk generasi kedua sedang berlaku di kawasan FELDA. Adakah proses pengagihan telah dirujuk dengan Pihak Berkuasa Tempatan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menjawab apa yang di persoalkan oleh sahabat saya daripada Tenggaroh, saya memohon izin untuk memaklumkan pada Dewan yang mulia ini, bahawa semalam saya telah mengeluarkan satu kenyataan dan arahan kepada semua kadi-kadi daerah di seluruh negeri Johor supaya pada malam ini semua masjid di negeri Johor kita mengadakan solat hajat bagi mohon kepada Allah SWT supaya mala petaka dan bencana yang menimpa penduduk Pasir Gudang dapat dihindarkan Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan terutama Tenggaroh dan mana-mana Ahli Dewan bersama rakan saya ataupun di sebelah sana yang begitu mengambil berat masalah Rumah Generasi Kedua FELDA. Seperti yang kita sedia maklum bahawa FELDA ini ialah tanah GSA maka sebarang permohonan untuk dikemukakan bagi mendapatkan kebenaran untuk mendirikan lot-lot tanah Generasi Kedua di FELDA-FELDA perlu dibuat secara teratur.

Pertamanya, Jawatankuasa di peringkat Rancangan boleh memohon kepada pengurus Rancangan mana-mana kawasan tanah yang kosong di FELDA untuk dibuat permohonan sebagai tanah lot perumahan Generasi Kedua FELDA. Dan permohonan ini akan dibawa oleh pihak FELDA kepada Pentadbir Tanah Daerah dan Negeri untuk pandangan dan urusan dan sekiranya bersesuaian kawasan tersebut, saya percaya rancangan perumahan Generasi Kedua FELDA ini dapat kita laksanakan. Apa pun bagi sehingga setakat ini, pihak kami, pihak FELDA belum lagi ada menerima apa-apa permohonan daripada Rancangan Tanah FELDA dalam Gugusan Tenggaroh yang di wakil oleh saudara kita Tenggaroh dan saya secara jujur ingin membantu mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ada mempunyai kawasan FELDA yang memerlukan bantuan saya untuk mendapatkan bagaimana kita nak mendapatkan tanah-tanah kosong di FELDA menjadi tanah Generasi Kedua FELDA, sila hubungi saya. Insya-Allah saya akan turun padang Yang Berhormat Tuan Speaker di semua Rancangan Tanah FELDA Negeri Johor membantu kawan dan lawan bagi memastikan Generasi Kedua FELDA mendapat rumah mereka sendiri. Dan untuk ini, baru-baru ini, dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertarikh pada 26 Jun 2019 telah pun meluluskan pada peringkat awal sebahagian besar tanah-tanah lot di kawasan FELDA Wilayah Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulai ini, di negeri Johor ini kita ada dua wilayah FELDA iaitu FELDA Wilayah Johor Bahru dan FELDA Wilayah Segamat. Sehingga ini hanya FELDA-FELDA di dalam Wilayah Johor Bahru sahaja yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri. Dan saya telah pun meminta pengarah FELDA Wilayah Segamat supaya menghantar dan memohon kepada pihak kerajaan negeri melalui rancangan masing-masing untuk dipohonkan mana-mana tanah lot yang kosong di Rancangan Tanah FELDA di FELDA Wilayah Segamat untuk kita bangunkan, kita mohon sebagai Rancangan Tanah Perumahan Generasi Kedua FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, baru-baru ini kerajaan telah pun meluluskan pada peringkat awalan iaitu permohonan Rumah Generasi Kedua FELDA dalam FELDA Wilayah Johor Bahru iaitu FELDA Aping Barat sebanyak 355 lot, Tenggaroh Selatan 1, 76 lot. Lok Heng Barat, 440 lot. Bukit Waha, 360 lot. Bukit Easter, 426 lot. Lok Heng Selatan, 313 lot. Simpang Waha, 575 lot. Sungai Mas, 580 lot. FELDA Inas Utara, 264 lot. Sehingga kini, kerajaan telah pun meluluskan sebanyak 3,365 lot Rumah Generasi Baru Harapan FELDA yang telah diluluskan oleh kerajaan. Dan mana-mana Ahli Dewan yang belum lagi, Rancangan yang belum lagi

diluluskan, harap bersabar kerana proses kelulusan seterusnya sedang diusahakan oleh pihak Pejabat Tanah negeri bagi pertimbangan kerajaan Yang Berhormat Tuan Speaker. Dan ini jelas menunjukkan pada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan Pakatan Harapan, tidak mengambil sentimen politik dalam perkara ini. Jujur kami katakan, walaupun sebahagian besar calon-calon kami tidak menang di kawasan PDM FELDA, tetapi niat kerajaan Pakatan Harapan nak membantu generasi muda FELDA, ini kita laksanakan, yang mampu kerajaan bantu. Jadi saya berharap... (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Ini bukan ceramah Yang Berhormat ni...

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Tidak, tidak... ini penerangan Yang Berhormat Speaker. Saya secara jujur supaya kita bersama-sama. Saya secara terbuka kepada rakan-rakan saya di sini dan di depan sana, marilah kita bersama-sama meletakkan bahawa generasi baru FELDA ini sebagai generasi harapan Johor. Sekian Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Tenggaroh silakan.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan dan niat yang baik untuk menyelesaikan masalah generasi kedua, penempatan generasi kedua di kawasan-kawasan FELDA.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Soalan saya ialah bila di Tenggaroh, seperti yang saya perhatikan banyak kawasan baru telah diterokai oleh generasi-generasi kedua. Proses ini mereka dalam satu jawatankuasa mereka mengutip rumah daripada generasi kedua dan mereka mula menduduki kawasan itu, membersihkan tanah dan membuat persempadanan untuk tanah lot-lot kedua. So, proses ini saya nak tahu, adakah Kerajaan memantau duit-duit yang dikutip oleh jawatankuasa ini, sebab saya tak nak rakyat ditipu, satu. Yang kedua, berapakah *requirements* satu-satu lot ini, dengan izin, minimum *requirements* tanah yang nak buat lot rumah ini? Kadang-kadang dia berbeza. So saya nak tahu berapa minima *requirements* sebab dia kalau dia tak pergi dengan perancangan daerah, jawatankuasa perancangan daerah, nanti saya takut bekalan air dan elektrik tak cukup. So yang ini yang saya harap Kerajaan Negeri dan EXCO boleh bagi keterangan.

YB Speaker : Tapi Tenggaroh tak ada permohonan Yang Berhormat?

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Ada. Sekarang saya tengok ada, saya tengok wakil daripada kerajaan pun pernah datang ke Nitar 1 memberikan borang. So saya tak tahu macam mana tak ada rumahnya.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan perkara sasaran penempatan rumah generasi kedua FELDA, dia bergantung kepada saiz tanah di rancangan tanah tersebut. Apa pun yang telah diputuskan oleh pihak Pejabat Tanah Negeri, ianya bertetapan bersesuaian dengan undang-undang bagi memastikan bahawa satu lot tanah itu bersesuaian untuk didirikan rumah.

Perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Tenggaroh, insya-Allah saya akan adakan satu lawatan kerja ke kawasan Yang Berhormat. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat, insya-Allah saya akan bersama-sama dengan Yang Berhormat, kita turun padang pergi ke setiap rancangan dalam kawasan Dewan Undangan Tenggaroh bagi kita mengatasi masalah rumah generasi kedua di kawasan Yang Berhormat Tenggaroh. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih YB. Ya.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO kerana daripada jawapan yang terperinci Yang Berhormat nyatakan tadi menunjukkan Yang Berhormat seorang yang ikhlas dalam tugas dan tanggungjawab tanpa memikirkan dari soal politik. Tahniah. Terima kasih.

Cuma persoalan saya di sini ialah di kawasan saya FELDA Palong Timur, Gugusan FELDA Palong Timur 1, 2 dan 3. Beberapa bulan dulu sejak tahun lepas telah diedarkan borang untuk generasi kedua memohon rumah generasi kedua. Persoalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah Yang Berhormat sedar ataupun mengetahui bahawa borang itu berkehendakkan pemohon menyertakan wang RM100.00 jika setuju dan di belakang borang tersebut ada diselitkan borang menyertai parti-parti tertentu. Soalan saya, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, bagi kawasan Yang Berhormat, saya setakat ini tidak lagi menerima apa-apa perkhabaran daripada Pengurus FELDA Wilayah Segamat. Apa pun seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa terdapat unsur kalau ada dalam borang permohonan tanah diselitkan dengan borang permohonan untuk memasuki sebuah parti politik, sila laporkan kepada saya. Kalau ia datang daripada pihak Kerajaan, saya tidak akan teragak-agak untuk melaporkan perkara ini kepada pihak SPRM. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Senaraikan sungai dan tasik yang masih berpotensi dan boleh dirancang untuk menjadi kawasan tadahan air demi pembinaan empangan dan loji rawatan air di negeri Johor. Nyatakan anggaran kos pembinaan empangan dan loji rawatan air serta kapasiti air yang jangka dihasilkan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pekan Nanas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, 5 sungai utama di Negeri Johor yang digunakan untuk bekalan air kepada semua loji rawatan air adalah seperti berikut iaitu: Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, Sungai Johor, Sungai Ulu Sedili Besar dan Sungai Mersing.

Terdapat beberapa projek yang kini dirancang bagi bekalan air di seluruh kawasan Johor, antaranya projek tersebut adalah cadangan baraj di Sungai Muar, cadangan coaster reservoir untuk Sungai Kulai, skim takungan air mentah pinggiran sungai (STEM), cadangan coaster reservoir untuk Sungai Johor, cadangan saluran air mentah dari Mawai ke loji rawatan air Gembut, cadangan baraj di Sungai Gembut dan cadangan penyaluran air mentah dari Sungai Endau ke Empangan Layang.

Selain itu juga, terdapat juga 2 cadangan projek yang kini tengah dirancang oleh Kerajaan Negeri Johor untuk *desalination plant* untuk kawasan Pengerang dan daerah Pontian. Manakala bagi cadangan pembinaan empangan adalah di kawasan Sungai Mersing dan juga Sungai Ulu Sedili Besar.

Pihak Kerajaan Johor juga merancang untuk menggunakan punca air yang berpotensi untuk bekalan air di Tasik Biru Seri Alam dan lombong-lombong pasir di sepanjang Sungai Johor. Kerajaan juga telah bersetuju untuk membina loji rawatan air Kahang berkapasiti 40 mld yang dijangka akan menelan belanja sebanyak RM66 juta. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan semua sungai dan tasik yang berpotensi menjadi kawasan tadahan air tidak akan tercemar dan boleh digunakan pada masa yang akan datang? Adakah Kerajaan akan mewartakan kawasan tersebut menjadi kawasan tadahan air?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Sememangnya Kerajaan memang peka dan prihatin kepada isu pencemaran air terutamanya Sungai Air Johor utama yang akan tentunya memberi kesan langsung kepada gangguan bekalan air di Johor.

Sebenarnya dalam 2 bulan yang lepas, saya sebenarnya telah bermesyuarat dengan pengusaha-pengusaha ladang ayam dan juga kelapa sawit di kawasan Sungai Sayong dan Sungai Johor untuk memberi amaran terakhir bahawa Kerajaan komited dan kita tidak akan tergesa-gesa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pengusaha yang mencemarkan Sungai Johor dan juga mana-mana juga sungai utama yang akan menjadi, memberi bekalan air kepada rakyat Negeri Johor. Saya memberi komitmen kepada semua rakyat Johor di sini, bahawa Kerajaan Johor kita memang pandang serius isu ini dan kita tidak akan melepaskan mana-mana pihak yang mencemarkan Sungai Johor terutamanya yang akan mengakibatkan gangguan bekalan air.

YB Speaker : Ya Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan tersebut, terutamanya kita dapati bahawa rancangan loji rawatan air Kahang akan diteruskan di mana projek ini dah ditangguh-tangguhkan oleh Kerajaan terdahulu untuk lebih daripada 6 tahun. Bagaimanapun saya perhatikan daripada jawapan tadi, kita rajin menerokai sumber baru. Saya ingin menarik perhatian daripada pihak Kerajaan, selain daripada meneroka sumber baru, kita perlu juga pelihara sumber yang sedia ada. Saya... tahniah kepada EXCO kerana memberikan banyak jaminan, kita komited, Kerajaan komited untuk memelihara kualiti air. Bagaimanapun kita dapati bahawa Sungai Skudai yang mana terletaknya ada loji rawatan air dan loji rawatan air itu saya sifatkan sebagai dalam keadaan sudah masuk ICU. Satu tahun beberapa kali terpaksa berhenti operasi. Untuk... dulu kerajaan dahulu tidak dapat menyelesaikan masalah ini dan saya nak dengar daripada EXCO sendiri, apakah rancangan Kerajaan untuk memelihara dan memulihara? Sekarang ini Sungai Skudai dalam keadaan yang begitu teruk, jadi apakah rancangan untuk memulihara Sungai Skudai ini supaya loji rawatan air di Sungai Skudai boleh beroperasi secara normal untuk membekalkan air terawat yang secukupnya di kawasan sekitar? Sekarang ini kita terpaksa ambil daripada loji rawatan air... loji rawatan air yang lain. Kalau boleh kita nak pulihkan loji rawatan air Sungai Skudai supaya ianya tidak menjadi bebanan kepada loji rawatan air yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Memang Sungai Skudai terletak di kawasan Yang Berhormat Skudai. Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, memang Kerajaan kita faham

isu di Skudai ini memang sudah lama. Dia bukannya berlaku hanya tahun ini, memang sejak dulu pun sudah jadi isu yang hangat.

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, sebenarnya Kerajaan kini kita tengah buat perancangan macam mana kita nak pulihkan semua sungai terutamanya sungai-sungai utama di Johor dengan kerjasama semua agensi. Dan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk kita cari 2 sungai perintis dulu yang kita akan beri perhatian dan sukacita saya maklumkan kepada Skudai, ia adalah Sungai Tebrau dan Sungai Skudai. Maknanya kita akan fokus 2 sungai ini dulu dan kita akan dalam perbincangan, kita akan cuba cari penyelesaian, mungkin dengan Teknologi baru ataupun dengan pandangan daripada pakar-pakar baik dari Malaysia atau luar negeri untuk kita memulihkan dua-dua sungai ini terdahulu. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Apakah langkah jangka panjang bagi memastikan kualiti air sungai tidak tercemar oleh sisa kilang dan ladang ternakan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Machap yang mengemukakan soalan berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor memandang serius terhadap masalah pencemaran air sungai di Negeri Johor. Jabatan Alam Sekitar mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang menyekat pencemaran di peringkat punca khususnya dari punca tetap. Dalam perkara ini, efluen daripada kilang kelapa sawit, efluen dan kumbahan dari industri dan loji-loji pengolahan kumbahan, perlulah diolah terlebih dahulu dan mematuhi had yang ditetapkan di bawah Akta ini, sebelum ianya dilepaskan ke mana-mana sungai.

Punca-punca yang didapati tidak mematuhi hak-hak pelepasan tercemar yang ditetapkan akan dikenakan tindakan undang-undang berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti tindakan mengeluarkan notis arahan, tindakan kompaun, tindakan penahanan operasi kelengkapan, tindakan mahkamah dan juga perintah larangan.

Di samping penguatkuasaan yang dijalankan ke atas industri-industri yang melepaskan efluen bagi memastikan pematuhannya kepada standard pelepasan yang ditetapkan, pihak industri juga telah diwajibkan untuk melaksanakan *Guard Sales Regulations*. Melalui pelaksanaan kaedah ini, pihak industri adalah diwajibkan untuk menjalankan pemantauan setiap hari terhadap operasi sistem pengolahan efluen industri supaya ianya berada pada tahap yang baik untuk merawat efluen dan juga memastikan kualiti efluen yang dilepaskan adalah patuh standard setiap masa.

Selain daripada menjalankan program pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan kualiti air sungai adalah terkawal, Jabatan Alam Sekitar juga melaksanakan Program Pollutions Source Survey iaitu untuk mengenal pasti punca-punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan menjalankan Program Pengawasan Kualiti Air Sungai di seluruh negeri Johor. Untuk makluman, Dewan yang mulia ini, Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai peruntukan khusus di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atau mana-mana peraturan di bawahnya untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan

terhadap dalam penternakan. Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar turut mengemukakan ulasan kepada Jawatankuasa Pasukan Teknikal yang dipengerusikan oleh Pegawai Perkhidmatan Veterinar di peringkat daerah pada peringkat awal sebelum pengoperasian ladang ternakan tersebut.

Jabatan Alam Sekitar turut menilai kesesuaian lokasi jalan sekiranya ladang ia terletak di hulu Muka Sauk loji rawatan air atau berdekatan dengan arus sungai bagi memastikan bahawa sesuatu pembangunan dilihat dari semua sudut untuk terutamanya sekali mengenai impak ke atas kualiti air sungai yang dijangkakan akan terhasil. Terima Kasih.

YB Speaker : Ya, Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih juga kepada jawapan yang telah diberikan oleh pihak EXCO. Machap ingin bertanya sama ada pernah atau tidak semakan dibuat untuk menaikkan kadar kompaun kepada kilang-kilang ataupun ladang ternakan ayam yang menyebabkan pencemaran air ataupun kualiti air sungai terutamanya? Sebab kalau kita lihat yang lepas, kompaun yang dikenakan sekadar RM2,000.00, kalau tak silap RM2,000.00. Ini saya kira masih rendah berbanding dengan kemudaratan yang diakibatkan oleh kilang ataupun ladang ternakan ayam.

Yang kedua, adakah cadangan untuk misalnya pencemaran yang disebabkan oleh ladang ternakan ayam, pengurusan sisa tinja yang tidak menepati SOP di mana najis-najis ayam ini berlonggok. Kenapa tidak kita lantik satu kontraktor untuk menguruskan pungutan najis di setiap ladang ini dibuang di satu tempat ataupun diproses di satu tempat bukan lagi di kilang-kilang, di ladang ternakan ayam tersebut yang memproses najis ini untuk dijadikan baja. Bila kita kumpulkan, lantik satu kontraktor, kita kumpulkan najis ini, kita letakan atau proses di tempat yang lebih jauh daripada punca air sungai ataupun penempatan penduduk supaya pencemaran air tidak berlaku juga gangguan bau dan lalat tidak berlaku di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih soalan yang dikemuka oleh Yang Berhormat Machap. Mengenai kompaun bagi setiap tindakan penguatkuasaan kompaun yang dikenakan ia perlu berdasarkan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling yang telah ditetapkan. Dan, mengenai soalan kompaun yang terlalu rendah ini kita perlu mungkin mengkaji semula, sama ada keperluan untuk kita meningkatkan kompaun tersebut. Kalau ada keperluan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor akan mencadangkan kepada kementerian untuk sekiranya boleh membuat pemindahan ke atas peruntukan-peruntukan di bawah tindakan penguatkuasaan kompaun yang dikenakan supaya untuk meningkatkan kompaun.

Yang kedua, ialah berkenaan dengan pengurusan sisa-sisa ternakan. Cadangan untuk melantik orang yang berkaitan untuk mengendali perkara ini, saya mengambil maklum dan kita akan tengok macam mana mungkin akan ada perbincangan bersama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Veterinar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Machap, untuk menyelesaikan pencemaran air sungai yang di bawa oleh sama ada ladang ternakan atau sisa-sisa daripada kilang kelapa sawit. Kita perlu mengadakan kerja sama dan tindakan yang bersepadu daripada jabatan-jabatan yang lain, bukan sahaja tindakan di atas Jabatan Alam Sekitar sendiri. Kita perlu ada kerja sama seperti tadi Yang Berhormat EXCO Utiliti pernah cakap kita perlu ada kerja sama daripada BAKAJ, kita perlu ada kerja sama daripada Veterinar dan juga Jabatan Tanah dan Galian untuk memastikan bahawa permohonan untuk pembangunan sesuatu kilang ataupun ladang ternakan perlu ditelitikan dengan lebih teliti sebelum sesuatu permohonan ini diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Machap, ladang-ladang ternakan juga digalakkan untuk membina kolam kumbahan yang mencukupi bagi memastikan air kumbahan kilang melimpah seterusnya mencemarkan air. Bagi ladang-ladang yang gagal mematuhi syarat pelepasan dikenakan kompaun dan pembatalan lesen juga akan dikenakan. Ini untuk makluman Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

YB Speaker : Senggarang, jemput.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat EXCO. Saya ingin mengutarakan soalan, adakah rancangan peringkat kerajaan negeri untuk mengenakan caj bayaran kepada kilang-kilang yang membuang efluen, buangan di sungai-sungai kerana dewasa ini, kita kena tandas pun kena caj bayaran. Jadi, kilang mengeluarkan buang, efluen ke sungai. Adakah kerajaan bercadang untuk mengecajkan bayaran kepada kilang-kilang tersebut. Sekian.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, di bawah Jabatan Alam Sekitar kita bertindak berasaskan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar yang ada sekarang ini. Dan, memang dalam Akta tersebut tidak ada nyatakan apa caj bayaran bagi efluen yang dilepaskan. Walau bagaimanapun, cadangan daripada pihak YB Senggarang kita akan telitikan.

YB Speaker : Permas.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh (Permas) : Assalamualaikum Tuan Speaker, terima kasih memberi ruang kepada saya untuk mengajukan soalan. Ok, untuk pengetahuan Tuan Speaker, dalam tahun 60-an, seingat sayalah Sungai Kim Kim ini adalah tempat kita semua mandi termasuk sayalah. Mandi dan cari udang dan cari ketam. Tapi, sekarang beza. Sungai di negeri Johor adalah sungai yang tercemar dalam Malaysia. Soalan saya, apakah standard pelepasan yang digunakan oleh kerajaan untuk pelepasan dari sisa air industri ke seluruh sungai Johor? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Permas. Memang kita mengakui bahawa pencemaran air sungai di negeri Johor ini memang dia dalam satu keadaan yang sangat agak seriuslah. Semalam, saya dimaklumkan juga bahawa ada unsur-unsur pencemaran di Sungai Danga juga. Kita perlu mengakui bahawa pembangunan yang dijalankan sebelum ini tidak ada satu kelestarian yang ini mengakibatkan tidak ada *substance liability* yang ini mengakibatkan sungai-sungai kita yang sebenarnya adalah bekalan air mentah kita untuk membekalkan air terawat pada penduduk-penduduk menjadi satu perkara atau masalah yang sangat serius pada masa sekarang.

Memang jabatan yang berkaitan juga seperti BAKAJ juga sedang dalam proses untuk menyediakan peraturan-peraturan terhadap larangan mencemarkan sungai di bawah Seksyen 7(a) Enakmen 1921 terutamanya hak pelepasan efluen yang dibenarkan di dalam sungai perlu dikaji dengan lebih terperinci dengan kita menggunakan model *total maximum daily rule* yang baru diguna pakai di Malaysia dan juga selain daripada pihak BAKAJ, kita di bawah Jabatan Alam Sekitar juga ada menguatkuasakan pematuhan sendiri yang perlu dilaksana oleh kilang-kilang untuk melaporkan segala analisis makmal bagi pelepasan efluen air buangan kepada Jabatan Alam Sekitar melalui Sistem Pelaporan Alam Sekitar atas talian *online environmental reporting*, untuk makluman Dewan yang mulia ini, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Jemput Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 7.

Berapakah jumlah penerima yang telah mendapat manfaat daripada program Kad Sihat Johor setakat ini secara keseluruhan dan khususnya warga DUN Layang-layang?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih soalan daripada Layang-Layang. Untuk makluman semua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh konsultasi yang telah dilantik oleh pihak kerajaan negeri sebanyak 16,805 permohonan telah diterima. Dan sejumlah 6,062 sahaja dikategorikan sebagai lulus yakni memenuhi syarat kriteria dan kelayakan. Sekali gus jumlah ini layak menerima manfaat daripada Program Kad Sihat.

Pecahan daripada jumlah tersebut mencatatkan bagi daerah Kluang adalah sejumlah 327 kelulusan dan khusus bagi DUN Layang-Layang. Untuk perhatian Yang Berhormat Layang-Layang, jumlah permohonan pendaftaran yang telah dibuat adalah sejumlah 98 dan yang telah diluluskan hanya 11 sahaja. Namun begitu, terdapat masa ini masih belum ada lagi kelulusan yang dikeluarkan hingga pengesahan dibuat oleh ADUN ataupun Penyelaras DUN menjadikan baki kelulusan berada dalam status tinjauan. Kerajaan negeri mengambil serius dalam hal ini, justeru itu, saya mohon kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam isu Kad Sihat ini amat dihargai demi kepentingan rakyat negeri. Untuk makluman semua juga selepas saya ambil alih portfolio kesihatan, sekarang ini kita akan memastikan bahawa sasaran kita 14,000 itu kita dapat selesaikan akhir Julai ini, insya-Allah. Nanti saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Layang-Layang status terkini di akhir Julai nanti. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan itu tadi. Pada 12 Jun tahun ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berkata bahawa beliau berharap supaya ADUN-ADUN akan menyerahkan Kad Sihat Johor ini kepada penerima-penerima. Tapi kalau saya pergi kepada website Kad Sihat Johor ini yang ternyata ialah Wong Yew Chin sebagai wakil. Jadi, persoalan saya siapakah yang akan menyerahkan Kad Sihat Johor ini, ADUN seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat ataupun wakilnya yang disebut dalam website yang bernama Wong Yew Chin untuk Layang-Layang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat Layang-Layang. Untuk makluman kad ini akan diserahkan oleh penyelaras bagi kawasan Layang-Layang. Terima kasih.

YB Speaker : Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmaanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat EXCO. Maknanya jawapan daripada Yang Berhormat EXCO, pasal sahabat saya tadi kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan EXCO tak selari. Apa pun saya harap mungkin perkara itu boleh berbincang berdualah untuk mengeluarkan kenyataan selepas itu. Apa pun tentang Kad Sihat Johor ini, saya nak tanya bagaimanakah mekanisme pemilihan khususnya kalau kita lihat pada tahun lepas

4,000 *relocation* kalau tak silap saya. Di kawasan saya, saya dapat maklum balas bahawa bendanya adalah sangat *limited*, maksudnya *even* borang dan sebagainya pun hanya diberikan, diberikan keutamaan kepada kroni-kroni ataupun orang-orang sekeliling sahaja. Sebab saya pasti apa yang telah dibuat oleh kerajaan Pakatan Harapan tentang Kad Sihat Johor ni, saya tengok ramai juga yang berminat untuk mendapatkannya. Dan, ada yang datang ke pejabat saya tetapi saya minta mereka menghubungi penyelarar DUN tetapi mereka kata, mereka gagal dan sebagainya.

YB Speaker : Soalan, soalan?

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Jadi saya minta, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO tentang mekanisme pemilihan daripada bermulanya ianya ditawarkan dan hingga ianya diberi keputusan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Untuk makluman Yang Berhormat Panti, untuk tahun lepas, tahun 2018, kita memberikan kepada 4,000 orang penerima di kalangan penerima-penerima *e-kasih*. Untuk tahun ini sasaran kita 14,000 orang adalah mereka yang terdiri daripada golongan B40. Permohonan adalah melalui *online* dan mereka akan *print* dan hantar ke pejabat Wakil Rakyat dan juga penyelarar.

Untuk makluman, kita tidak kira siapa untuk menerima Kad Sihat ini, sebagai contoh di kawasan saya, kawasan Semerah, permohonan kebanyakannya adalah mereka-mereka yang bukan juga menyokong saya masa pilihan raya. Tetapi sebagai Wakil Rakyat kepada rakyat negeri Johor, saya harus bagi kepada mereka yang memerlukan, tidak kira mereka daripada parti mana, tapi insya-Allah, dari mana, dari apa yang kita terima ni permohonan, kita tak kira siapa, mana yang layak kita bagi. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya nombor 8.

Berapa banyakkah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Senai - Desaru (SDE) dari tahun ke tahun sehingga 2018?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat. Jumlah kenderaan yang melalui Lebuhraya Senai - Desaru sehingga 2018 ialah sebanyak 77,613. Dari segi pecahan tahun 2010, 2,310; 2011, 5,058; 2012, 7,378; 2013, 7,683; 2014, 8,349; 2015, 9,768; 2016, 11,267; 2017, 12,598; 2018, 13,202. Memang menunjukkan ada peningkatan setiap tahun. Terima kasih.

YB Speaker : Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin A. Rahman (Tanjung Surat) : Soalan tambahan saya, nampak jelas ada peningkatan dari tahun ke tahun daripada tahun 2010. Jadi, harapan saya kepada EXCO kalau dapat majukan kepada pihak Lembaga Lebuhraya kerana Senai - Desaru Expressway ni atau Lebuhraya Senai - Desaru dia punya kadar tolnya tinggi berbeza dengan kadar tol jalan seperti jalan PLUS, dia lebih tinggi. Jadi, kalau ada peningkatan menerus tiap-tiap tahun, saya cadangkan supaya sekurang-kurangnya dia ikut kadar yang lebih rendah, yang mana sama dengan tol yang di *highway* yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Soalannya, adakah boleh dikurangkan? Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Tuan Speaker, kajian mengenai ini belum dijalankan, tetapi ada cadangan penambahan *facility* ataupun kemudahan bagi laluan berkenaan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 9.

Minta dinyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi meningkatkan sumber bekalan air dalam tempoh setahun yang lalu dan apakah program-programnya?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Benut, telah menanya soalan minta dinyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi meningkatkan sumber bekalan air dalam tempoh setahun yang lalu dan apakah program-programnya?

Yang Berhormat Tuan Speaker, sukacita saya maklumkan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi meningkatkan sumber bekalan air dalam tempoh setahun yang lalu ialah sebanyak RM3,930,255.65.

Antara program-program yang telah dijalankan ialah perkhidmatan sewaan pemasangan peralatan sistem pemantauan kualiti air Sungai Johor, pemasangan peralatan pengukuran gegaran di Loji Rawatan Air Gunung Pulai, perkhidmatan Perunding Pemeriksaan Keselamatan Empangan Gunung Pulai, penyediaan Pelan Pengurusan Kawasan Tadahan Air Empangan Kahang, penyediaan Pelan Kecemasan Empangan ERP, Empangan Juaseh, projek pembinaan 3 telaga tiub di kawasan tadahan air Sungai Sedili Kecil untuk kawasan FELDA Lok Heng Daerah Kota Tinggi, kerja-kerja menaik taraf muka sauk, *water intake* di Sungai Pontian Besar bagi keperluan loji rawatan air Bukit Batu di Kulai dan juga perkhidmatan kerja ukur di kawasan tadahan air. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Tuan Speaker, RM3.93 juta ini yang telah dibelanjakan. Tahniah kepada Yang Berhormat kerana dapat memantau ataupun dapat menggerakkan supaya lebih banyak program diadakan. Berkaitan dengan soalan yang sama untuk meningkatkan sumber bekalan air ni, adakah Yang Berhormat telah menyusun program-program ataupun pendekatan-pendekatan untuk Yang Berhormat sebut tadi *desalination* pun dah diterokai, ini *coastal reservoir* pun sebagai salah satu *option* untuk meningkatkan lagi atau mempelbagaikan lagi sumber bekalan air.

Usaha-usaha ini adalah satu usaha yang baik, yang pentingnya Yang Berhormat ialah apakah langkah Yang Berhormat atau kerajaan dah ambil supaya perkara ini dapat satu kepastian, bukan sebagai satu perancangan di atas kertas sahaja. Jadi, apakah pendekatan Yang Berhormat gunakan untuk memastikan sama ada lebih banyak *desalination* ataupun *out river storage* untuk menyelesaikan masalah di Skudai dan sebagainya supaya dapat kita pertingkatkan kerana apa, kerajaan yang lalu telah membeli aset Yang Berhormat, bot, beberapa buah bot yang kita beli untuk memantau supaya sungai-sungai ini tidak tercemar dan dapat dipertingkatkan takungan, simpanan air di sungai. Jadi, apakah program Yang Berhormat telah gunakan atau perkenalkan bila kita dah ada aset-aset itu? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Benut. Untuk kerja-kerja pemantauan untuk memastikan

bahawa yang duit yang kita belanja tu ada hasil, saya ingin tegaskan di sini pada setiap masa ke semua agensi-agensi yang berkenaan seperti Pejabat Tanah terutamanya BAKAJ, SAJ, JPS, kita sentiasa ada mesyuarat bersama dan juga ada buat pemantauan dari semasa ke semasa. Tentulah kita juga perlukan kerjasama dengan pihak, dari pihak persekutuan contohnya dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber (KATS) untuk kita buat pantauan bersama dan juga sukacita saya maklumkan di sini, sebenarnya kita pun sudah membuat cadangan kepada pihak EPU dan pihak KATS untuk 9 projek lagi di negeri Johor pada masa yang akan datang, yang saya boleh sentuh saya beri contoh 3 atau 4 contohnya, Projek *Barrage* Sungai Sedili Besar, pembinaan *Barrage* Sungai Lebam, pembinaan Empangan Persisiran Pantai *Coastal Reservoir* Sungai Johor dan juga projek *Barrage* Sungai Muar. Ini secara langsungnya tentu akan menaikkan U untuk bekalan air di Johor dan saya juga setuju pemantauan kena dibuat kena lebih rapi, rapat bersama juga dengan pihak kerajaan di sini BPEN dan juga BAKAJ untuk memastikan semua ini akan membawa hasil. Terima kasih.

YB Speaker : Senggarang, jemput.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh EXCO. Saya dikhabarkan bahawa Syarikat Air Johor, membayar sebanyak RM33 juta setahun kepada BAKAJ ye, itu selain daripada dividen, dividen itu lain ye. Dan, jawapan daripada Yang Berhormat EXCO bahawa hanya RM3 juta sahaja digunakan untuk meningkatkan jumlah sumber air, sumber bekalan air dalam tempoh setahun. Dan, jumlah itu agak kecil berbanding dengan jumlah pungutan yang dipungut oleh BAKAJ ya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menambahkan lagi peruntukan bagi meningkatkan jumlah sumber air di negeri Johor ni?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Ya, terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Izin saya nak betulkan, kita bukan belanja RM3 juta eh, RM3.9 juta hampir RM4 juta. Tak apa saya faham, tetapi saya ingin menegaskan kepada Yang Berhormat Senggarang, sebarang pendapatan yang kerajaan dapat daripada penjualan air mentah kepada SAJ tu, kita kena juga guna duit itu untuk perbelanjaan lain. Contohnya untuk operasi, untuk bayar emolumen. Tapi walau bagaimanapun, saya memberi jaminan dan memang pun dalam *planning* bajet yang akan datang kerajaan Johor akan melaburkan lebih banyak daripada RM3.9 juta ni untuk kita menaikkan U air-air di Johor. Di samping itu, kita juga kena faham, banyak projek besar yang akan memberi lebih U kepada air kita ni, contoh seperti projek pembinaan baraj Sungai Lebam contohnya ya, ini semua adalah akan datang daripada *federal* ia akan dapat geran dari *federal* maka dia tidak akan terletak dalam angka ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ok, jam telah hampir pukul 11.00 pagi. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Dan, memandangkan EXCO Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur memerlukan masa 40 minit hingga 50 minit untuk membuat penggulungan, maka kita berehat 20 minit sehingga pukul 11.20.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Penolong Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini disambung sekarang. Saya persilakan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Yang Berhormat Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, sekali lagi, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya selaku penggulung pertama Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang berkenan merasmikan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-14.

Tuan Speaker, walaupun saya diperuntukkan antara 40 hingga 50 minit tetapi saya cuba meringkaskan kerana saya rasa konsep *highway*, cepat dan selamat tu akan saya gunakan dalam pembentangan saya. Sepanjang persidangan yang bermula pada Ahad, pelbagai perkara berkaitan dengan fungsi pelaksanaan projek dan program serta perancangan berkaitan Portfolio JKR, Pengangkutan dan Infrastruktur telah disentuh dan dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan dalam sesi perbahasan dan juga soalan-soalan lisan ditujukan kepada Portfolio ini.

Tuan Speaker, sejak hari pertama menggalas tanggung jawab ini saya menyedari bahawa pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas adalah antara perkara utama dalam pembangunan sesebuah negeri terutama Johor. Keperluan kepada penyediaan dan kemudahan seperti jalan raya, jambatan, jeti, pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan rel sentiasa meningkat dan ia perlu diseimbangkan dengan peruntukan kewangan. Selain dari itu, aspek kemanusiaan seperti golongan yang berkait terus dengan semua sektor ini seperti pengguna, pengusaha dan kontraktor juga perlu diambil kira dalam rancangan dan pelaksanaannya. Portfolio JKR Dan Pengangkutan Serta Infrastruktur mengambil pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai kesediaan kami dan juga program-program yang telah disusun seperti yang pertama ialah mengenai isu kemalangan jalan raya di FT50 Batu Pahat - Ayer Hitam. Isu ini telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri dan juga sepanjang perbahasan saya, saya akan menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Ahli ADUN Mengkibol, Benut, Kahang, Senggarang, Seri Medan, Penggaram, Senai, Panti dan beberapa yang lain.

Laluan persekutuan FT50 Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang sepanjang kira-kira 55 kilometer merupakan laluan utama yang menghubungkan antara daerah-daerah di Batu Pahat, Kluang, Mersing. Serta laluan utama yang menghubungkan ke Lebuhraya Utara Selatan. JKR sentiasa maklum data kemalangan maut yang tertinggi di laluan Persekutuan FT50 Jalan Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang dan telah mengenal pasti punca utama iaitu antaranya disebabkan ketidaksempurnaan reka bentuk jalan terutama disebabkan ketiadaan pembahagi jalan. Laluan ini juga berada pada tahap *level of services* B, dengan izin iaitu keadaan yang digunakan untuk menilai indeks kesesakan jalan. Kebanyakan kemalangan yang berlaku melibatkan jenis kemalangan langgar belakang dan sisi. Di sepanjang laluan berkenaan terdapat banyak penempatan seperti kampung, perumahan, pejabat, institusi pendidikan dan kilang yang menjadi laluan penduduk setempat untuk membelok atau keluar masuk ke kawasan penempatan yang menyebabkan risiko tinggi untuk mendapat kemalangan. Laluan ini juga di rekod sebagai laluan sering berlaku kemalangan terutama pada musim cuti dan perayaan yang menambahkan lagi kadar kemalangan. Bagi mengatasi masalah ini, JKR telah mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka masa pendek, JKR memastikan penyelenggaraan dilaksanakan sempurna terutama dari aspek keselamatan seperti penyelenggaraan papan tanda, garisan jalan dan pembahagi kerosakan lampu jalan.

Yang Berhormat Speaker, saya akan mengadakan lawatan ke kawasan ini dalam masa terdekat terutama di waktu malam untuk melihat keadaan sendiri pencahayaan dan keperluan yang perlu disediakan di masa yang terdekat ini.

Pada tahun 2018, JKR telah memohon sebanyak RM8.4 juta untuk penyelenggaraan berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement*. Walau bagaimanapun, sebanyak RM630,000.00 telah diluluskan dan perbelanjaan sebanyak RM320,000.00 telah digunakan bagi kerja-kerja berkala bukan *pavement* seperti mengecat semula garisan jalan, pembaikan median dan *guard rail*. Manakala RM310,000.000 telah digunakan bagi kerja-kerja rawatan lokasi kemalangan iaitu *black spot*.

Pada tahun ini, JKR telah memohon sebanyak RM8.6 juta untuk penyelenggaraan berkala *pavement*, berkala bukan *pavement*. Walau bagaimanapun, sebanyak RM2.7 juta telah diluluskan dan perbelanjaan sebanyak RM540,000.00 telah digunakan bagi kerja-kerja berkala bukan *pavement* seperti mengecat semula garisan jalan, pembaikan median dan *guard rail*. Manakala RM350,000.000 digunakan bagi kerja-kerja rawatan lokasi kemalangan, *black spot*. Dan sebanyak RM1.8 juta pula digunakan kerja-kerja berkala *pavement* iaitu kerja *overlaying* dan *regulate*, dengan izin. Bagi jangka masa panjang, JKR telah menyenaraikan projek menaik taraf pembahagi laluan Persekutuan F50 Jalan Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang sebagai projek keutamaan untuk di naik taraf.

Projek ini merupakan sambungan dari projek-projek Fasa 1, skop kerja adalah menaik taraf jalan dari 2 lorong kepada 4 lorong dengan kos RM331.31 juta dan Fasa ke-2, skop kerja adalah pembinaan median pusingan 'U' dan kerja-kerja berkaitan dengan kos RM34.8 juta. Bagi cadangan projek Fasa ke-3, skop kerja adalah pembinaan median pusingan U dan kerja-kerja berkaitan dengan kos anggaran RM564 juta seperti berikut; Fasa 1 daripada Kilometer 1 Parit Sempadan hingga ke Kilometer 35 selepas Tol Ayer Hitam berjumlah RM304 juta, Fasa 3B daripada Kilometer 35 selepas Tol Ayer Hitam hingga ke Kilometer 49 Stadium Daerah Kluang sebanyak RM260 juta.

Dengan terlaksana cadangan menaik taraf laluan ini diharapkan ia dapat mengurangkan kemalangan maut, parah di sepanjang jajaran ini yang direkodkan sebagai lokasi kemalangan tertinggi di Malaysia.

1. Mengawal dan pertingkatkan aspek keselamatan dari segi keluar masuk kenderaan ke persimpangan akibat daripada tiadanya pembahagi jalan.
2. Menyediakan kemudahan jalan raya yang selesa dan selamat di samping mengurangkan kesesakan.
3. Menyediakan rangkaian jalan raya yang lebih sempurna dengan adanya pembahagi jalan dan pusingan 'U'.

Selain daripada itu Tuan Speaker, JKR juga membuat kajian terperinci berkenaan cadangan mewujudkan lebuh raya baharu menghubungkan Batu Pahat – Ayer Hitam, Kluang dengan mengambil kira aspek keselamatan kapasiti lalu lintas dan kos.

Tuan Speaker, bagi menjawab cadangan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Mengkibol mengenai pembinaan lebuh raya itu, satu kajian kebolehlaksanaan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan sama ada pelaksanaannya bagi projek tersebut memberi impak kepada tujuan pembinaan. Buat masa ini, kerajaan lebih fokus untuk menaik taraf jalan Persekutuan FT50 Batu Pahat – Ayer Hitam, Kluang yang sedia ada bagi memastikan aspek keselamatan dan keselesaan kepada pengguna diberi keutamaan dapat dipertingkatkan.

Manakala bagi cadangan pembinaan menaik taraf, melurus dan melebar jalan dari Kluang - Mersing, akan diteliti oleh pihak kerajaan negeri. Pihak kerajaan negeri mengambil maklum

akan impak positif dari segi pelancongan, ekonomi, ekosistem dan kesejahteraan rakyat yang perlu diambil kira bagi proses kenaikan taraf jalan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi isu-isu jalan raya, lampu jalan dan perabot-perabot jalan yang tidak dapat saya sentuh atau bangkitkan dalam penggulungan ini, saya akan menulis kepada Yang Berhormat Ahli Dewan dan, ataupun mengadakan satu perbincangan dalam masa terdekat ini untuk mengenal pasti keperluan-keperluan setempat bagi diangkat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ataupun dilaksanakan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor dibangunkan sejak dulu hasil dari kerja tangan kontraktor-kontraktor di bawah agensi pelaksanaan kerajaan mengikut belanjawan yang telah disediakan setiap tahun. Mereka ini adalah sebahagian penyumbang kepada pembangunan infrastruktur negeri malah juga penyumbang pembangunan ekonomi serta sosial di negeri ini. Kerajaan negeri menyedari pembangunan mereka ini juga harus diambil peduli demi terus menjana modal insan berkualiti dalam sektor ini dan ianya elemen amat penting dalam memacu negeri Johor menjadi Negeri Berprestasi Tinggi. Dengan itu, sebagai mengulas sentuhan Yang Berhormat Benut mengenai pembangunan kontraktor Bumiputera, izinkan saya memberi sedikit pencerahan mengenai rancangan sedia ada dan masa depan yang berkaitan dengan pembangunan kontraktor. Khususnya melalui satu agensi yang dikenali sebagai *Johor Centre for Construction Development* ataupun JCCD. JCCD ditubuhkan pada 23 Mei 2017. Saya ingin menghargai Yang terhormat EXCO lama, tetapi beliau tak ada kat sini mendengar pencerahan saya, tak ada ya, Yang Berhormat Benut.

Bagi melaksanakan Program Pembangunan Prestasi Tinggi bagi meningkatkan kepakaran teknikal, kemahiran pengurusan dan memberi kemudahan kepada projek-projek kerajaan negeri Johor. Visi utama JCCD adalah untuk memperkasa kontraktor Johor bagi melahirkan kontraktor Johor yang kompeten dan berdaya saing. Sepanjang penubuhan JCCD, beberapa program telah dilaksanakan bagi menjaga kepentingan kontraktor Johor khususnya kontraktor Bumiputera. Antaranya, pembangunan *web portal* JCCD bagi menghubungkan kontraktor kepada rangkaian platform seperti bantuan kewangan dan yang terbaharu ini adalah Sijil Kontraktor Johor. Sijil ini melayakkan para kontraktor untuk memohon tender terbuka untuk projek-projek mengguna pakai Bajet Pembangunan Kerajaan Negeri Johor. Sesi mesyuarat perbincangan berkenaan inisiatif Sijil Kontraktor Johor ini telah dihebahkan kepada seluruh PBT di dalam negeri Johor dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Johor pada bulan Mei yang lalu. Platform *web portal* ini juga menyediakan senarai pembekal mesin dan jentera dari setiap daerah negeri Johor bagi rujukan kontraktor Bumiputera dan pada masa yang sama ianya dapat mengurangkan kos pengangkutan kepada para kontraktor dan memudahkan mendapatkan sumber bekalan yang berdekatan dengan tapak projek. Dalam pada itu, ia memberi peluang kepada pembekal-pembekal Bumiputera negeri Johor untuk meningkatkan sumber pendapatan.

Pada 13 Disember 2018, satu perjanjian persefahaman berkaitan dengan Cadangan Pembangunan Komposit Kontraktor Negeri Johor telah di tanda tangani di antara JCCD dengan CIDB Holdings. Antara kandungan MOU ini ialah menjalinkan kerjasama dengan JCCD untuk menyediakan latihan yang berkaitan dengan CIDB dan, atau melalui mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah CIDB tetapi tidak terhad kepada Akademik Pembinaan Malaysia untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan kontraktor-kontraktor yang berdaftar di bawah JCCD. Dan yang kedua, membantu menyediakan kepakaran teknikal dalam bidang yang relevan atau pengurusan untuk JCCD bagi meningkatkan kebolehan pengurusan mereka.

JCCD juga telah mengadakan MOU dengan Universiti Teknologi Malaysia bagi pembinaan pangkalan data *Johor Contractor Big Data*, JCBD. Merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan negeri dalam usaha memacu ekonomi dan penggunaan digital dalam kalangan rakyat, perniagaan dan pentadbiran kerajaan di negeri Johor. Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh CIDB Malaysia sehingga April 2019 Johor telah mencatatkan sebanyak 15,294 orang kontraktor berdaftar yang terdiri daripada dalam bidang kejuruteraan

bangunan, kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, *electrical* dan pengurusan *facility*. Antara peranan JCCD dalam pembinaan JCBD adalah bagi tujuan mengurus pembahagian kerja kontrak oleh pihak kerajaan negeri dengan adanya pangkalan data ini secara tidak langsung pembahagian kerja dapat diagihkan secara saksama dan menyeluruh. Selain daripada itu, segala maklumat para kontraktor di negeri Johor dapat di kumpul malah setiap syarikat yang berdaftar dapat diberi penarafan mengikut gred dan pengkhususan.

Pada 9 April 2019, satu perjanjian persefahaman berkaitan dengan Cadangan Pembangunan Komposit Kontraktor Negeri Johor telah ditandatangani antara JCCD dengan Universiti Teknologi Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, jadi saya menyeru kepada kontraktor-kontraktor terutama G1, G2, G3 dan seterusnya itu supaya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh JCCD bagi memastikan mereka turut serta dalam pembangunan di negeri Johor dan juga dapat meningkatkan kebolehan mereka dalam pengurusan dan juga pelaksanaan kerja-kerja yang diberikan. Pengalaman saya sejak saya menyertai portfolio ini ialah banyak projek-projek yang telah diberi kepada kontraktor-kontraktor, saya ada data yang dibekalkan tetapi pengalaman saya mendapati kebanyakan daripada kontraktor-kontraktor kita mengalami kelewatan dalam menyiapkan projek di antaranya ialah disebabkan oleh sistem pengurusan mereka yang perlu ditingkatkan lagi.

JCCD juga mengadakan MOU dengan YTL iaitu bagi penglibatan kontraktor Bumiputera khususnya, G1, dan G2 untuk projek-projek selenggaraan Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru yang sedang dijalankan. Projek tersebut dijangka siap pada 31 Oktober 2021 dan kini status kemajuan pembinaan sudah mencapai 40.7%. Benut juga menyentuh mengenai maksud tender terbuka. Bagaimana perancangan kerajaan untuk menjaga kepentingan-kepentingan Bumiputera bagi pengeluaran tender terbuka peratusan penglibatan kontraktor Bumiputera di dalam projek pembangunan kerajaan negeri masih diambil kira. Tujuan setiap kontrak diberikan secara kompetitif adalah bagi memupuk daya saing antara kontraktor bagi setiap projek persekutuan dan negeri. Rekod menunjukkan kebanyakan projek jalan dan jambatan di seluruh negeri Johor bagi tahun 2015 - 2019 memang hampir semua kepada kontraktor-kontraktor bumiputera tetapi yang saya sebutkan tadi ada beberapa langkah yang perlu diambil khususnya melalui JCCD untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka dan penguasaan mereka dalam bidang industri. JCCD ini juga bukan membangunkan kontraktor tapi ia juga membangunkan bidang pembinaan. Kita ingin mewujudkan para pembekal di setiap daerah, kita ingin mewujudkan mereka yang mempunyai mesin-mesin, kita ingin mewujudkan kumpulan bumiputera kontraktor yang berkebolehan dalam bidang *landscaping*. Jadi kita, JCCD peranan dia adalah merantaikan mereka dalam satu platform yang sistematik bagi memastikan antara mereka mempunyai hubungan kait dan boleh membantu meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, telah disentuh juga mengenai kesesakan di CIQ, saya telah membaca laporan Bernama hari ini yang mengatakan satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan telah mengadakan mesyuarat, ia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan antaranya ialah satu persetujuan untuk mengkaji pentingnya mewujudkan satu agensi tunggal bagi menguruskan Tambak Johor. Di peringkat negeri juga, kita telah mengadakan beberapa pertemuan dan cadangan-cadangan bagi meningkat kesesuaian serta kelancaran pengangkutan di lokasi berkenaan. Kerajaan negeri menyedari masalah kesesakan di CIQ khususnya di Tambak Johor pada hari ini, ia adalah amat kritikal dengan urusan trafik keluar masuk melebihi angka 300,000 orang setiap hari dan semakin bertambah dari hari ke hari. Kerajaan memang perlu memikirkan jalan penyelesaian jangka pendek dan juga jangka panjang bagi pembangunan kawasan ini.

Antara inisiatif yang telah dibuat sebelum ini oleh kerajaan persekutuan adalah cadangan mewujudkan sistem *train* yang menghubungkan, yang menghubungkan Johor dan Singapura melalui pembangunan RTS dan HSR. Oleh kerana RTS ini adalah kebanyakannya adalah projek persekutuan, bagaimana pun ditimbulkan dalam Dewan ini,

sedikit sebanyak saya boleh mengemukakan maklumat mengenainya. RTS ialah transit aliran deras, rentas sempadan dan yang dirancang meliputi laluan *rail* sepanjang 4 kilometer untuk menghubungkan Bukit Cagar di Johor Bahru dan Woodland di Singapura dengan merentasi Selat Tebrau. Ianya bertujuan untuk menangani kesesakan dalam perjalanan harian antara kedua-dua negara. Ketika ini terdapat 126,000 kenderaan merentasi sempadan Johor Bahru dan Singapura dan 70% daripadanya menggunakan Tambak Johor. Pembangunan RTS ini dapat dimanfaatkan oleh 10,000 pengguna bagi setiap hala dalam tempoh sejam sehari perjalanan serta dijangka dapat mengurangkan kesesakan di Tambak Johor.

Bagi kerajaan Johor projek RTS adalah perlu diteruskan bagi menangani isu kesesakan di Tambak Johor dan memendekkan masa perjalanan rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Namun, dimaklumkan kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian tambahan dengan pihak Singapura pada 21 Mei 2019 untuk menangguhkan pelaksanaan projek RTS ini selama 6 bulan iaitu bermula 01 April 2019 sehingga 30 September 2019. Pada tempoh penangguhan tersebut kerajaan Malaysia akan mengkaji opsyen-opsyen yang boleh dilaksanakan untuk memastikan masalah kesesakan bagi laluan antara Johor Bahru Singapura boleh diatasi dengan kos yang lebih rendah daripada projek asal RTS Link. Opsyen-opsyen tersebut perlu diteliti dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri sebelum ianya dibawa untuk rundingan dengan pihak Singapura. Sementara projek RTS di dalam perbincangan dan pembinaan kerajaan Johor juga melihat dan mengkaji kedua-dua pintu masuk darat antarabangsa ke negeri Johor iaitu Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar dan perlu ditambah baik dari segi infrastruktur sistem dan tadbir urus.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat terutama Penggaram telah menimbulkan, menyentuh mengenai jeti terutama di Batu Pahat. Berhubung dengan perkara itu, jeti-jeti sama ada yang membawa penumpang ataupun barangan secara *barter trade* dan sebagainya memang satu perniagaan ataupun satu sektor yang penting di negeri Johor. Kita mempunyai banyak jeti di seluruh negeri dan pada, harapan saya ialah dalam masa terdekat, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa JKR, Pengangkutan dan Infrastruktur akan menubuhkan satu *one stop centre* bagi mengawal selia jeti-jeti di seluruh negeri Johor dan memantau pembangunannya serta merancang supaya ia dapat menyumbang kepada pembangunan negeri Johor dari segi ekonomi dan sosial. Sekiranya ditanya apakah inisiatif-inisiatif kerajaan negeri dalam penyusunan jeti-jeti di daerah Batu Pahat, perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Keselamatan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 4 September 2018, berkenaan aduan-aduan yang diterima khususnya jeti-jeti yang mengadakan perniagaan tukar barang di Batu Pahat yang dilaporkan tidak tersusun, terdedah kepada aktiviti penyeludupan, pencemaran dan penyebaran penyakit. Justeru, jeti-jeti di sepanjang Sungai Batu Pahat ini memang perlulah diletakkan secara berpusat bergantung kepada kesesuaian lokasi serta aktiviti pemunggahan barang-barang supaya dapat dikawal dengan lebih cekap dan berkesan. Satu mesyuarat penyelarasan jeti-jeti *barter trade* di Batu Pahat telah diadakan pada 11 Disember 2018 bertempat di Pejabat Laut Batu Pahat bagi membincangkan dengan lebih lanjut berhubung dengan perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya rasa secara keseluruhannya, saya sudah menyentuh dan saya akan meneliti setiap cadangan yang dikemukakan dalam perbahasan dan juga soalan lisan untuk diambil tindakan oleh pihak kami dan seperti yang saya sebut, saya akan mengadakan lawatan dalam masa terdekat serta perjumpaan dengan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang berkaitan bagi membincangkan dan mengenal pasti projek-projek yang penting untuk kepentingan rakyat. Kerajaan negeri melalui perancangan jangka masa pendek Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, IRDA, Pengangkutan Awam Johor dan lain-lain agensi berkaitan di bawah portfolio saya, memang merancang berdasarkan Pelan Induk Pengangkutan dan Infrastruktur yang komprehensif dan mampu membawa negeri Johor ke arah negeri yang berprestasi tinggi, mampan dan lestari. Dalam masa yang sama kerajaan juga sedang menyusun dan melaksanakan beberapa projek mega bersama

kerajaan persekutuan demi memberi keselesaan dan keadilan ekonomi kepada rakyat negeri. Namun, semuanya bergantung kepada kesepakatan dan kemufakatan kita di dalam Dewan yang mulia ini, untuk berikhlas dan beriltizam bersama-sama membangun negeri ini sebagai satu pasukan dan membelanjakan bajet pembangunan dan peruntukan secara berhemah dan bertanggung jawab. Akhir kalam penggulangan saya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Berhormat yang telah memberikan komitmen yang tinggi secara matang dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang Dewan ini khususnya berkaitan dengan portfolio saya. Saya sudah dengan penggulangan ini dengan lafaz yang mulia wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur. Seterusnya saya persilakan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Selamat pagi, belum pukul 12 masih pagi lagi. Dan salam sejahtera kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulangan perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor kerana berkenan berangkat dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-14. Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan penuh insaf saya berada di sebelah sini menggalas amanah dan tanggungjawab menggulung dalam Dewan yang mulia pada pagi ini, lebih-lebih lagi bertentang dengan saya ialah di sebelah sana terdiri daripada kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang juga merupakan mantan EXCO kerajaan negeri yang terdahulu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejarah negara bangsa Malaysia yang bakal genap 62 tahun pada tahun ini telah menyaksikan betapa suara rakyat itu adalah suara-suara keramat yang mencipta gelombang harapan seterusnya memacu perubahan. Dengan semangat Malaysia baru saya dan rakan-rakan di sini, komited untuk mengangkat nilai demokrasi, menjayakan agenda dan reformasi dan sedaya upaya tidak mengulangi kesilapan masa lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang penuh dengan komited dan keprihatinan membangkitkan perkara berkaitan dengan portfolio di bawah seliaan saya sepanjang sesi perbahasan kali ini. Ternyata komitmen yang di terjemah oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adalah semangat Malaysia Baru dalam membangkit persoalan yang berkenaan dengan dasar usaha dan tindakan untuk meningkatkan prestasi negeri Johor kita yang tercinta ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sepanjang Penggal Persidangan Kedua Dewan yang mulia, insiden gangguan kesihatan, sesak nafas dan muntah-muntah yang berlaku di Pasir Gudang telah menjadi buah mulut dan diutamakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, khasnya pada sesi perbahasan yang berlangsung sejak 30 Jun 2019 sehingga semalam. Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian atas persoalan-persoalan dan cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat yang diberi. Namun ingin saya mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa insiden yang berlaku di Pasir Gudang baru-baru ini, saya boleh katakan atau rumuskan dia adalah berkaitan isu kesihatan. Kalau kita nak katakan dia adalah pencemaran, saya nak katakan daripada dapatan-dapatan yang kita dapati masih awal lagi untuk kita membuat satu rumusan yang lebih membina. Ingin saya menyatakan rumusan dan bandingan yang dibuat di antara dua-dua insiden ini yang nyata menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu sebelum ini di bulan Mac, kita ada insiden Sungai Kim Kim dan kali ini kita ada peristiwa insiden gangguan kesihatan.

Yang pertama, dalam insiden pencemaran Sungai Kim Kim bahan kimia telah dikesan dalam sampel darah dan air kencing mangsa. Manakala keputusan ujian toksikologi dalam insiden kali ini adalah menunjukkan negatif. Ini bermaksud bahan kimia atau kita katakan partikel kimia itu tidak dapat kesan dalam *urine test* dan dalam *blood test*.

Yang kedua, simptom-simptom ditunjukkan apabila terdapat bacaan kehadiran gas beracun dalam insiden pencemaran Sungai Kim Kim tetapi dalam insiden kali ini simptom-simptom ditunjukkan walaupun tiada bacaan kehadiran gas beracun. Tetapi kita mengakui bahawa memang ada dalam bacaan-bacaan kita yang telah kita jalankan di sekitar sekolah memang ada wujudnya, apa ni, gas-gas yang berkaitan seperti metil merkaptan, akrilonitri dan juga akrolein. Memang tiga-tiga gas ini memang ada wujud dalam bacaan tetapi dia tidak dapat dibuktikan dalam ujian darah dan ujian *urine*. Itu sebabnya kita katakan *still too early to conclude this is a pollution issue*. Sebab dalam insiden Kim Kim dapat dikesan dalam ujian darah dan ujian *urine*.

Yang ketiga, lokasi mangsa dalam insiden pencemaran Kim Kim dapat dibuktikan berdasarkan modul penyebaran udara dan sumber pencemaran, tetapi kali ini lokasi mangsa lokasi mangsa dalam insiden kali adalah terlalu jauh antara satu sama lain dan tidak dapat dibuktikan mempunyai hubung kait berdasarkan kepada modul penyebaran udara dan sumber pencemaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut pemantauan bacaan gas oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dan juga apa ini pemantauan yang dijalankan oleh Pihak Bomba, HAZMAT dan juga beberapa jabatan dalam usaha kita bersama untuk mencari punca kita dapat tiga gas yang wujudlah, ini memang kita akui memang ada gas metil merkaptan, gas akrilonitri seperti yang saya katakan dan satu lagi ialah gas akrolein.

Namun seperti yang saya katakan tadi gas-gas ini dalam ujian darah daripada sampel yang kita ambil tidak dapat dikesan. Maka sekarang ini punca dia masih tidak dapat diketahui. Untuk makluman Dewan yang mulia ini untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, seperti sedia maklum bahawa Pasir Gudang mempunyai sebanyak 2,005 buah kilang berlesen dan di antaranya 250 daripadanya adalah kilang berasaskan kepada bahan kimia. Secara amnya pembangunan Pasir Gudang yang tidak lestari atau *unsustainable* ini memberi kesan jangka panjang yang negatif terhadap alam sekitar seperti mana berikut:

Satu, kepesatan pembangunan dan kepadatan industri kimia yang tinggi di Pasir Gudang menjadi penyumbang utama kepada impak *loading capacity* persekitaran termasuk udara, tanah dan sungai. Pembangunan tidak lestari ini menyebabkan alam sekitar menjadi tepu dengan pelbagai gas atau wap yang tampan di udara. Perlepasan efluen yang tidak terkawal disalurkan ke sistem perparitan kita dan juga adalah sebab menyebabkan persekitaran menjadi tidak stabil dan amat sensitif.

Kedua, pembangunan Pasir Gudang yang tidak selari juga menyebabkan ketiadaannya zon penampungan atau kita katakan *buffer zone* antara industri berasaskan bahan kimia dengan kawasan sekolah, perumahan dan pusat aktiviti masyarakat sekali gus mendedahkan penduduk-penduduk Pasir Gudang kepada risiko bencana kimia.

Ketiga, seterusnya ketiadaan zon penampungan atau *buffer zone* ini menyebabkan terdapatnya sekolah yang kedudukannya amat dekat dengan kilang-kilang ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan dan mengaktifkan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Teknikal yang diketuai oleh Pengarah JAS Negeri Johor bagi mengenal pasti punca sebenar insiden gangguan kesihatan seperti yang dilaporkan. Jawatankuasa tersebut juga dianggotai oleh Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau kita panggil DOSH, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Pendidikan Daerah dan Pasir Gudang Emergency Mutual Aid (PAGEMA).

Ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jabatan-jabatan ini yang telah bekerja keras, bertungkus lumus, siang malam untuk mencari punca, untuk ke premis-premis menjalankan tindakan penguatkuasaan, untuk ke premis sekolah untuk membuat bacaan berkenaan dengan persekitaran di sekolah-sekolah kualiti udara di persekitaran sekolah-sekolah. Kita juga ada Jawatankuasa Penyelarasan Saintifik juga diaktifkan bagi bertujuan untuk menyelaraskan analisis laporan dan penemuan pemantauan teknikal yang telah dijalankan.

Saya telah sendiri banyak kali menyertai mesyuarat Jawatankuasa Saintifik dan kita telah buat banyak analisis tetapi sehingga kini masih, oleh kerana apa ni sampel *urine* dan *blood test* tak dapat buktikan itu ada wujudnya bahan kimia yang berkenaan maka masih tak ada satu kesimpulan yang lebih *conclude* yang lebih apa ni holistik secara holistiklah.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengambil tindakan seperti berikut: Satu, melaksanakan pemantauan kualiti udara insiden iaitu 20 Jun 2019 hingga kini menggunakan peralatan *multi gas detector* dan alat gas itu semua alat untuk menguji kualiti udaralah untuk mengukur tahap metil merkaptan, akrilonitri, akrolein dan *benzine* di kawasan sekolah-sekolah yang terjejas dan sekitarnya serta di premis industri yang berpotensi menyebabkan pencemaran.

Kedua, menggerakkan penyiasat bermula dari tarikh insiden berlaku 20 Jun 2019 untuk menyiasat punca pencemaran dan mengambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Siasatan turut melibatkan pasukan penguatkuasaan daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Jabatan Alam Sekitar dari negeri-negeri yang lain di seluruh Malaysia bagi meluaskan lagi skop dan bilangan pemeriksaan premis. Semenjak insiden berlaku sehingga 2 Julai 2019, sebanyak 152 premis industri telah diperiksa di mana 80 kompaun telah dikeluarkan dan 8 premis kilang telah diberi penahanan operasi. Syor tindakan mahkamah adalah 2 premis.

Ketiga, melaksanakan pemantauan di kawasan industri Pasir Gudang bagi memastikan tiada sebarang pelupusan sisa kimia dan toksik.

Keempat, mengadakan sesi *town hall* dengan pihak industri di Pasir Gudang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri MESTECC dan dihadiri oleh saya sendiri, EXCO Kesihatan, YB Khuzzan, Pengarah JAS Johor dan juga Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan YDP, Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi mendapatkan kerjasama semua industri supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Pihak industri juga diminta bersama-sama memainkan peranan bagi menangani isu pencemaran yang sedang dihadapi. Selain daripada itu, setiap industri juga diminta untuk menjadikan 111 sekolah di Pasir Gudang dan pihak kilang memberi sumbangan gas *detector* kepada pihak sekolah supaya setiap sekolah boleh memantau kualiti udara dan sekiranya berlaku bacaan yang tinggi, tindakan awal boleh diambil.

Kita akan bagikan kepada setiap sekolah di Pasir Gudang dengan satu *multi gas detector* untuk Sekolah akan ajarlah kepada mungkin cikgu-cikgu juga macam mana membuat bacaan gas itu, supaya kalau ada bacaan-bacaan yang seperti VOC yang tinggi, kita akan membuat tindakan-tindakan susulan yang seterusnya.

Yang kelima, membentuk jawatankuasa bertindak dengan penglibatan pelbagai agensi bagi memantau aktiviti-aktiviti kilang di Pasir Gudang yang dipengerusikan saya sendiri.

Yang keenam, meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), PDRM, Pasukan Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta-serta lain

agensi yang berkenaan bagi memperkemas lagi tindakan pengurusan bencana supaya lebih komprehensif meliputi aspek pengenalanpastian bahan tercemar, pensampelan dan ujian makmal serta pemantauan kualiti alam sekitar secara berterusan.

Di peringkat persekutuan pihak kementerian MESTECC akan melaksanakan tindakan seperti berikut.

Pertama, mengadakan *analisis loading capacity* dan buffer zone dan mengurangkan risiko bencana bahan kimia.

Kedua, membina sistem pencerapan gas automatik yang dapat memberi amaran awal bencana kimia yang lebih cekap dan pantas. Ini dapat membantu pihak berkuasa untuk bertindak lebih proaktif, Pasir Gudang akan menjadi kawasan industri berat yang pertama di negara ini yang akan mempunyai sistem pemantauan kualiti persekitaran automatik, reka bentuk struktur dan sistem stesen pemantauan ini akan ditentukan berdasarkan kajian yang akan dijalankan dan tempoh kajian ini saya dimaklumkan lebih kurang 4 hingga 6 minggu. Kita perlu dapat data-data daripada kilang-kilang untuk kita membuat analisis seterusnya dan untuk menjadikan apa ni pemasangan sistem pencerapan gas automatik lebih apa ni efektiflah.

Menjalankan kajian *carrying* kapasiti di kawasan Pasir Gudang bagi menentukan beban pencemaran ruang udara Pasir Gudang dan seterusnya menentukan langkah-langkah jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang bagi melestarikan Pasir Gudang.

Yang keenam, menyediakan satu Jabatan Alam Sekitar cawangan Pasir Gudang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk maklumat Yang Berhormat Senggarang dan Panti, dalam perbahasan yang telah menyentuh isu pencemaran sungai di negeri Johor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, status kini kualiti air Sungai Johor, Sungai Sedili, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai adalah seperti berikut:

1. Sungai Johor statusnya bersih.
2. Sungai Anak Sedili sederhana tercemar.
3. Sungai Tebrau dalam kelas 4 tercemar.
4. Dan juga Sungai Skudai statusnya juga tercemar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, industri yang mengeluarkan sisa toksik atau buangan terjadual adalah tidak dibenarkan untuk menyimpan sisa-sisa tersebut melebihi tempoh 180 hari atau 20 tan metrik daripada tarikh ianya dihasilkan berdasarkan Peraturan 9(5) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Di bawah peraturan yang sama pihak industri ini perlu mengemukakan notifikasi penghasilan bahan terjadual menyediakan inventori buangan tersebut secara bulanan mengikut jenis kod buangan kepada Jabatan Alam Sekitar melalui sistem *online e-SWIS* melalui sistem *e-SWIS* ini maksudnya *Electronic Scheduled Waste Information System*, ia mampu mengesan pergerakan buangan terjadual daripada kilang pengeluar kepada kemudahan pelupusan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Kaedah pelupusan yang ditentukan oleh pihak premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan kawalan terhadap kaedah-kaedah yang diguna pakai tersebut adalah berdasarkan kepada jenis lesen yang dikeluarkan. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat sebanyak 60 buah premis yang dilesenkan bagi tempoh 1 Mei 2019 hingga 30 Mei 2019 untuk mengambil dan melupuskan buang sisa toksik ini dan pembaharuan lesen ini akan dibuat secara tahunan. Penerimaan buang toksik ini dikawal mengikut jenis kod *waste acception* kriterianya dan juga keupayaan setiap premis yang menerima buangan tersebut untuk pelupusan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, punca pencemaran sungai tidak hanya disumbangkan oleh industri pengilangan dan perlombongan sahaja malahan turut disumbangkan oleh punca-punca lain termasuk pasar, restoran, loji kumbahan, perumahan, pengorekan pasir, kerja tanah *surface runoff*, aktiviti pertanian, tapak pelupusan sampah dan sebagainya. Kawalan terhadap punca-punca perlu dilakukan supaya sebarang pelepasan kumbahan, limpahan, *leachate*, *effluent* dan sebagainya tidak melibatkan pencemaran ke atas sungai dan mematuhi peruntukan undang-undang.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor akan meningkatkan penguatkuasaan secara berkala ke atas pemilik-pemilik industri yang terdapat di negeri Johor. Skop penguatkuasaan ini telah ditambah baik dengan pengenalan konsep pemantauan sendiri di mana pihak industri itu sendiri bertanggungjawab untuk memastikan segala bentuk pelepasan ke alur air dan pelupusan buangan terjadual hendaklah dipatuhi pada setiap masa.

Pematuhan sendiri ini menghendaki kilang-kilang untuk, pertama, melaporkan segala analisis makmal bagi pelepasan udara dan pelepasan efluen atau kita panggil air buanganlah kepada Jabatan Alam Sekitar melalui sistem pelaporan Alam Sekitar atas talian, *On-line Environmental Reporting*.

Kedua, menetapkan keperluan untuk kilang-kilang mempunyai orang yang berwibawa, *competent person* yang telah mendapatkan sijil daripada Jabatan Alam Sekitar untuk mengendali alat kawalan pencemaran di dalam premis tersebut. Sejak peristiwa Sungai Kim Kim, Jabatan Alam Sekitar telah meningkatkan pemantauan ke atas industri khususnya kilang-kilang berasaskan kimia. Rekod penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar sejak peristiwa Kim Kim adalah seperti berikut; ini saya secara ringkas saya hanya buat satu rumusan tindakan-tindakan yang kita ambil seperti pemeriksaan, notis arahan, bilangan kompaun, bilangan mahkamah dan penamat operasi premis yang digantungkan lesen bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 7 Mac 2019, bilangannya ialah 105 dan selepas insiden Kim Kim, 8 Mac 2019 hingga 20 Jun 2019, bilangannya ialah 370. Pada peristiwa kali ini, daripada 21 Jun 2019 hingga setakat ini 438. Bagi pemantauan kualiti air sungai, pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mendirikan 227 stesen sungai manual dan 4 stesen sungai automatik di Sungai Segamat, Sungai Muar, Sungai Johor dan Sungai Skudai yang meliputi 21 limpahan sungai yang terdiri daripada 102 batang sungai di negeri Johor.

Selain daripada itu, pihak BAKAJ juga sedang dalam proses menyediakan peraturan-peraturan terhadap larangan mencemarkan sungai di bawah Seksyen 7A Enakmen Air 1921 seperti yang saya katakan tadi terutamanya had pelepasan efluen yang dibenarkan ke dalam sungai perlu dikaji dengan lebih terperinci dengan menggunakan *Modul Total Maximum Daily Load* yang masih baru diguna pakai di Malaysia.

Saya difahamkan tahap BAKAJ juga akan menjalankan kajian yang kita panggil, TMDL ini sebagai panduan kepada penetapan hak pelepasan efluen tersebut. Pihak BAKAJ juga telah menambah bilangan Pembantu Penguat kuasa daripada 2 orang kepada 5 orang bagi melaksanakan pemantauan serta penguatkuasaan di dalam kawasan tadahan seluruh negeri Johor.

Selain ini, pihak BAKAJ akan juga mengeluarkan notis amaran serta arahan pembaikan kepada premis yang menyebabkan pencemaran-pencemaran dan juga akan membatalkan Lesen Abstraksi Air sekiranya premis tersebut ingkar arahan pembaikan yang dikeluarkan dan seterusnya sekiranya premis tersebut melakukan kesalahan berulang kali, saya juga dimaklumkan BAKAJ akan mengesyorkan kepada kerajaan negeri untuk menutupkan premis terbabit.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini berkenaan dengan pemberian *emblem* kereta dan juga kenaikan elaun Ahli-Ahli Majlis. Untuk makluman, Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Negeri Johor hanya dibekalkan kemudahan pelekut kenderaan dan kad pengenalan Ahli Majlis. Tiada pemberian *emblem* kereta diberikan untuk pelantikan Ahli Majlis bagi sesi ini kerana tempoh perkhidmatan yang

singkat iaitu sehingga 31 Disember 2019. Namun demikian, pemberian *emblem* akan dipertimbangkan semula untuk pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan untuk sesi yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Perenggan 9 setiap seorang Ahli Majlis dan seseorang yang dilantik ke satu Jawatankuasa di bawah seksyen 28 hendaklah dibayar gaji atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang telah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Untuk makluman, kadar elaun tetap Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor telah beberapa kali dikaji dan diluluskan kenaikannya bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa serta kemampuan kewangan setiap PBT. Kali terakhir kerajaan negeri menyemak dan meluluskan kenaikan kadar bagi kedua-dua elaun tersebut adalah pada tahun 2015. Iaitu Bandaraya dinaikkan sehingga 900, Ahli Majlislah di PBT Bandaraya.900 perbandaran, 700 daerah dan 600 Majlis Daerahlah. Namun demikian, kerajaan negeri sedang memperhalusi cadangan kenaikan elaun tetap seperti yang diusulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai mengiktiraf kepentingan dan sumbangan Ahli-Ahli daripada Majlis dalam meningkatkan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di kawasan bandar. Justifikasi semakan semula kadar ini akan mengambil kira peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap Ahli Majlis di dalam bidang pelancongan dan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan yang semakin mencabar memandangkan pelantikan seorang Ahli Majlis adalah bertujuan untuk membantu PBT di dalam membuat dasar merancang dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan di setiap PBT.

Namun begitu, selain daripada kemampuan kewangan PBT pelarasan semua elaun ini juga perlu mengambil kira prestasi kerja Ahli-Ahli Majlis. Mereka harus terlebih dahulu menunjukkan kebolehan masing-masing mewakili kepentingan masyarakat setempat di kawasan PBT seterusnya memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Untuk makluman Yang Berhormat Panti, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan merupakan pendokong kepada Dasar Pembangunan Negara sebagai sebahagian daripada sistem pentadbiran PBT. Ahli Majlis memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam menentukan hala tuju dan keberkesanan fungsi PBT di dalam pembangunan setempat. Justeru itu, sistem penyampaian perkhidmatan PBT sebahagiannya ditentukan oleh keberkesanan Ahli Majlis yang dilantik, Ahli-Ahli Majlis seharusnya memainkan peranan dengan penuh rasa tanggungjawab dan bersikap profesional dalam membuat keputusan. Dalam perkara ini, setiap Ahli Majlis perlu peka kepada isu-isu semasa di samping sentiasa berusaha untuk memajukan diri sendiri dengan meningkatkan kefahaman dalam sesuatu cabang ilmu serta mampu memberikan idea-idea yang bernas. Peranan dan sumbangan Ahli Majlis akan menunjuk bukan sahaja sebagai pelengkap kepada komposisi Ahli Majlis tetapi sebagai agen pembangunan bagi negeri Johor.

Sehubungan itu, PBT sebagai kerajaan yang paling dekat dengan rakyat dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam memilih, menggerak dan *motivate* masyarakat setempat untuk menggalakkan pembangunan di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Bentayan prestasi setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah dinilai oleh Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui sistem penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan. SPB-PBT adalah untuk menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT meletakkan PBT pada kedudukan yang sesuai mengikut ranking supaya PBT dapat meningkatkan daya bersaing. Ketiga, mengemas kini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

SPB-PBT juga bertujuan memanfaatkan PBT bagi menyediakan perkhidmatan akauntabiliti berkualiti pada peringkat tempatan dengan memperkasakan dan meningkatkan *encounter* PBT melalui penilaian yang lebih ke atas kebolehpaya PBT dan ekspektasi komuniti

setempat. Penilaian PBT dia dibuat secara melalui penarafan bintanglah yang ada beberapa kategori 5 bintang. Dia perlu mencapai sekurang-kurangnya 90 markah, 4 bintang 75 markah hingga 89.9 markah, 3 bintang 60 markah sehingga 74.9 markah, 2 bintang, 46 markah dan sehingga 60 markah, 1 bintang, markahnya di bawah 45.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan isu timbulnya berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan dewan orang ramai di bawah kerajaan Pakatan Harapan merujuk kepada keputusan kerajaan pada 23 Januari 2019, telah bersetuju supaya aset-aset yang sebelum ini di selenggara oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKK) bolehlah diteruskan oleh Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung yang baharu, (MPKK). Pengerusi MPKK hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan aset-aset ini.

Pihak kerajaan negeri juga bersetuju Pegawai Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan membuat siasatan ke atas semua aset di bawah Rizab Kanun Tanah Negara 1965 yang ada di daerah atau di kawasan PBT masing-masing yang di selenggara pada ketika ini oleh Kesatuan Badan Bukan Kerajaan NGO, syarikat entiti lain sama ada perlu ditukar penyelenggaraannya kepada Pejabat Daerah atau PBT.

Ketiga, sekiranya ada keperluan untuk menukar penyelenggaraan rizab kepada Pejabat Daerah atau PBT, Pegawai Daerah atau Datuk Bandar, Yang Dipertua PBT boleh mengemukakan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian Johor melalui Pentadbir Tanah Daerah untuk mendapatkan kelulusan negeri.

Di sini, saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang di sebelah sana, sebab saya juga dimaklumkan semasa ada sesetengah kawasan bila Ahli MPKK ingin mengambil alih pengurusan aset-aset, harta awam dan kita dapati bahawa kerusi, meja, *air cond* pun sudah hilang. Ini tidak sepatutnya berlakulah. Kalau kita *gentlemen*, kita harus menghormati keputusan rakyat untuk membuat yang telah dalam pilihan raya. Mereka telah memberi mandat kepada kerajaan Pakatan Harapan. Kalau serahkan aset-aset ini, serahkan dengan secara baik. Jangan ada apa kita ada nampak macam kerusi hilang, meja hilang, *air cond* dicabut, kita tak berharap perkara ini berlakulah. So..

YB Speaker : Kerusi, meja dah beli guna duit apa, Yang Berhormat? Kerusi dan meja tu...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Ini duit kerajaanlah. Ini wang, wang rakyat ini. Tapi saya dimaklumkan sesetengah kawasan dewan atau balai raya kerusi hilang, meja hilang, *air cond* dicabut. Itu yang berlakulah. So, saya harap mereka yang di luar sana dapat mengembalikan aset-aset kerajaan dan juga harta-harta rakyatlah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin memaklumkan lanjutan dari keputusan kerajaan negeri untuk menaik taraf PBT Pengerang kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Tanjung Surat ada, semalam dia ada tanya soalan ini. Ini berkenaan dengan status PBT Pengerang, untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Surat, pihak Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian KPKT telah memaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan kerajaan negeri Johor untuk menaik taraf PBT Pengerang kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Walau bagaimanapun, pihak JKT telah meminta PBT Pengerang untuk mendapatkan pengesahan jumlah penduduk daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tujuan penyediaan maklumat kepada Jemaah Menteri, sebab sebelum dia kena buat satu kajianlah, kajian bancian penduduk. Sekurang-kurangnya mesti ada 150,000 penduduk di kawasan itu, baru dia boleh dipertimbangkan, untuk dinaiktarafkan, bukan dinaiktarafkan, dia tukar statuslah, tukar status dia dari PBT Pengerang kepada Majlis Perbandaran Pengerang.

Untuk makluman, pihak PBT Pengerang telah pun mengambil tindakan yang diperlukan dalam tempoh menunggu keputusan Jemaah Menteri, pengurusan PBT Pengerang akan

diteruskan di bawah *JCorp*. Bagi projek-projek berimpak tinggi seperti rumah transit dan *Pengerang Waterfront* pula, kerajaan negeri telah memutuskan untuk menangguhkan dan dalam masa yang sama akan mengkaji semula cadangan tersebut. PBT Pengerang juga di dalam proses untuk mengkaji semula cadangan projek ini disebabkan, sekiranya ada, dia perlu dilakukan secara serentak kerana dia akan memberikan, melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada PBT. Oleh itu, PBT Pengerang berpandangan bahawa penambahbaikan perlu dilakukan bagi cadangan pembangunan tersebut dan ia akan dilaksanakan secara berfasa bagi memudahkan pengurusan kewangan dan belanja. Walau bagaimanapun, projek-projek yang memberi manfaat, yang memberi faedah secara langsung kepada penduduk seperti taman permainan, naik taraf dewan, jalan raya, longkang-longkang dan sebagainya akan tetap diteruskan dan dijadikan keutamaan oleh PBT Pengerang.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Nanning dan Bukit Pasir, Muar berdepan dengan masalah industri perabot yang dilaksanakan tanpa kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah kerana pengusaha hanyalah penyewa dan bukan pemilik tanah yang berkenaan. Dan keperluan untuk pengusaha perusahaan perabot untuk dilaksanakan segera bagi menampung *demand* dari pelabur. Proses KM dan Serah Balik Kurnia Semula atau SBKS meletakkan perubahan syarat tanah, mengambil masa. Oleh itu, pengusaha dan pemilik tanah sanggup mengambil risiko melanggar undang-undang dalam melaksanakan pembangunan dan operasi kilang tanpa kelulusan pelan-pelan pembangunan.

Sehubungan itu, Majlis Perbandaran Muar telah melaksanakan Kebenaran Merancang Terhad bagi tujuan pemutihan dan proses kelulusan KM dapat dipercepatkan, dalam masa yang sama proses SBKS perlu disempurnakan oleh tuan tanah. Ini bagi mengelakkan PBT kehilangan hasil, memandangkan kilang telah pun beroperasi di atas tapak. Sehubungan itu, adalah diharapkan sebagaimana saranan MPM, supaya pejabat tanah dapat mengambil inisiatif yang sama bagi mengelakkan kerajaan negeri kehilangan hasil cukai tanah dengan mengenakan premis khas ke atas premis atau pembangunan di dalam kategori KM terhad dengan kadar sebagaimana cukai sepatutnya. Berdasarkan kajian pada 2017, 2017, terhadap 730 premis di seluruh negeri Johor, mendapati kerajaan kehilangan hasil cukai tanah hampir mencecah RM4 juta. Hasil kajian ini hanya mewakili 10% daripada kutipan yang sepatutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Mengkibol, PBT sentiasa menyokong aktiviti perniagaan peniaga-peniaga kecil bagi merangsang, bagi menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Namun, dalam masa yang sama PBT juga mahukan peniaga kecil ini mematuhi undang-undang bagi menjaga kepentingan semua pihak. Kawalan terhadap perniagaan kecil ini dilaksanakan bagi mengelakkan masalah lain yang timbul seperti keselamatan lalu lintas, kawalan terhadap aktiviti perniagaan yang dilaksanakan dan juga kebersihan tapak peniaga itu sendiri.

Penganjuran pasar malam, pasar minggu dan seumpamanya di dalam kawasan pentadbiran PBT adalah tertakluk di bawah Undang-Undang Kecil dan diguna pakai oleh semua PBT di negeri Johor. Bagi proses permohonan lesen, semua permohonan telah diberikan senarai semak dokumen yang diperlukan untuk dikemukakan ketika permohonan dilakukan. Penjelasan dan penerangan juga diberikan kepada semua pemohon berkaitan semua proses yang berlaku sebelum kelulusan diberikan. Tempoh kelulusan pemohon termaktub seperti mana Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Peniaga, penjaja pasar malam, pasar lambak juga dikecualikan bayaran lesen sebagaimana dasar kerajaan negeri mengecualikan bayaran lesen penjaja. Peniaga hanya perlu membayar caj tapak dan lain-lain *fees* yang mana kadar tersebut berada pada nilai yang sangat minimum.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Benut, Benut tak ada. Taman Negara Johor Pulau Kukup telah diwartakan semula sebagai Taman Negara Johor pada 31 hari bulan Januari 2019, di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negara 1989 dan

diuruskan oleh Perbadanan Taman Negara Johor. Setiap tahun Perbadanan, PTNJ menerima peruntukan kerajaan negeri selain kutipan hasil yang dikenakan bagi tujuan mengurus semua taman Negara Johor yang diwartakan sebagai Taman Negara Johor. Selain itu, PTNJ juga turut menerima peruntukan daripada kerajaan persekutuan melalui projek-projek yang tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat Benut, sejak tahun 2015 hingga 2019, sebanyak RM6,505,441.50 telah dibelanjakan melalui peruntukan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan bagi pelbagai projek menaik taraf kemudahan dan fasiliti di Taman Negara Johor Pulau Kukup.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menangani masalah limpahan air *leachate* dari tapak pelupusan sampah CEP Simpang Renggam, yang setiap kali berlakunya hujan, operasi tapak pelupusan ini, saya umumkan telah ditamatkan pada 23 Mac 2019, atas arahan Yang Berhormat Kementerian KPKT, Menteri KPKT. Dan, tapak pelupusan dalam CEP Simpang Renggam ini akan ditutupkan selamat pada bulan Ogos 2019.

Walau bagaimanapun, pelbagai langkah juga dijalankan untuk mengelakkan berlakunya limpahan air larut di resap ke Sungai Benut, akibat hujan lebat yang berterusan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

1. Projek menaik taraf Loji Rawatan Air *Leachate*. Kita telah menaik tarafkan kapasitinya daripada 150 meter cubic kepada 300 meter cubic.
2. Kita juga ada membina *sheet pile* di kawasan tebing kolam takungan untuk menghalanglah, itu *leachate* daripada mengalir keluar ke air sungai.
3. Kita juga ada 3 *mobile leachate treatment plant* diletakkan di tapak pelupusan tersebut bagi membantu meningkatkan kapasiti *leachate* dirawat di tapak dan setiap *mobile treatment plant* ini berkapasiti 150 meter cubic sehari. Bermaksud satu hari lebih kurang 150 meter cubic setiap hari.

Sebab, sebelum ini, sebab kita juga ada tapak pelupusan, ambil, tapak pelupusan Simpang Renggam ini dia juga ambil sampah daripada Bukit Bakri, Muar, Pekan Nenas, Pontian dan tapak pelupusan Maokil, Labis juga. So, kita tambahkan *mobile treatment plant* dia supaya dia kapasitinya lebih besar untuk mengelakkan air *leachate* untuk mengalir ke sungai.

Selain daripada itu, kita juga apa ni mengalihkan *leachate* ke tapak pelupusan Sanitari Seelong, setiap hari ada 3 lorilah, yang berkapasiti 25 meter *cubic* setiap hari 2 *trips* ye. Kita juga menjalankan perkhidmatan seperti pengalihan sisa pepejal daripada apa ni, tapak pelupusan Simpang Renggam ke tapak pelupusan Sanitari Seelong. Dan, atas usaha daripada pihak Ranhill SAJ untuk memastikan bekalan air kepada 23,000 premis di Simpang Renggam dan Pontian tidak terganggu, pihak Ranhill SAJ telah membina satu loji *Pollutant Removal System* sebagai *back up plan* yang bertujuan menyelesaikan isu amonia di Sungai Benut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini ada 7 buah tapak pelupusan di bawah seliaan SWCorp yang masih beroperasi sehingga kini dengan jumlah 3,600 metrik tan sisa buangan setiap hari. Tapak-tapak tersebut adalah tapak pelupusan Seelong, tapak pelupusan Batu 4 di Kota Tinggi, tapak pelupusan Jemaluang di Mersing, tapak pelupusan Buluh Kasap di Segamat, tapak pelupusan Jalan Muar di Labis, tapak pelupusan Pekan Nenas di Pontian, tapak pelupusan Bukit Bakri di Muar. Ekoran tempoh hayat ke semua tapak pelupusan di atas telah mencapai tahap maksimum, pihak kerajaan negeri melalui keputusan kerajaan negeri telah bersetuju pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal Bukit Payong, Mukim Simpang Kiri Batu Pahat akan diteruskan dengan mengguna pakai konsep dengan satu kaedah yang barulah iaitu WTE. Kerajaan negeri juga bersetuju supaya sesi

engagement bersama semua *stakeholders* dapat dibuat oleh Jabatan JPSPN melalui JPSPN, KPKT dan juga yang akan diselaraskan oleh BPEN.

Yang terakhir, sekejap lagi ye, Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi makluman Yang Berhormat Larkin, pihak Johor Special Water telah diberi mandat oleh kerajaan negeri untuk mengambil alih segala aset dan pengoperasian sistem pembetungan MBBJ. Pada tahun 2011 dan pihak MBBJ telah bersetuju bagi penyerahan aset-aset berkaitan sistem pembetungan serta pengoperasian dan penyelenggaraan kepada JSW, Johor Special Water. Dari tahun 2011 hingga 2017, didapati tiada sebarang maklum balas yang ditunjukkan oleh pihak JSW bagi cadangan pengambilalihan, pengoperasian dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan di kawasan pentadbiran MBBJ. Justeru itu, pihak Majlis telah menghubungi pihak Bahagian Kerajaan Tempatan Johor dengan bersurat untuk diputuskan status penyerahan pengoperasian dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan ini kepada pihak yang dipertanggungjawabkan.

Pihak MBBJ telah mengambil inisiatif dengan ada rundingan bersama SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan IWK untuk cadangan penyerahan kerana telah berlaku perubahan persempadanan baru PBT, pentadbiran PBT, di mana kawasan MBIP yang seluasnya 170 kilometer persegi telah diserahkan kepada pihak MBBJ lah, yang di mana terdapat sebanyak 44 loji yang diselenggarakan oleh pihak IWK. Dengan ini, ianya dapat memudahkan penyelarasan aduan dan penyelenggaraan di kawasan pentadbiran MBBJ. Ya, bermaksud loji kumbahan, apa ni, di bawah selenggara, apa ni, MBBJ ni, sekarang akan diserahkan kepada Johor Special Waterlah, itu keputusan kerajaan negerilah. Untuk makluman Yang Berhormat Larkin, ini adalah keputusan kerajaan negerilah, ok.

Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih atas kesabaran menunggu saya apa ni membuat penggulungan sesi pada kali ini sebab memang banyak soalan yang telah dikemukakan di bawah portfolio saya dan saya akan cuba sedaya upaya dalam kapasiti saya untuk apa ni supaya apa ni, setengah-setengah cadangan yang dikemukakan akan juga diteliti dan dipertimbangkan dan sekiranya ada apa-apa kelemahan dan kekurangan dalam penggulungan sesi ini saya memohon maaf dan sekiranya apa-apa yang tidak jelas yang ingin dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh secara bertulis kepada saya, saya akan menjawab secara bertulislah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar. Hampir 45 minit, hampir 50 minit sebab dia banyak ee, ee tu jadi panjang. Jadi masa ada lebih kurang 10 minit lagi, ada 10 minit saya tak pasti apakah takut terganggu pulak kalau kita bagi ruang kepada EXCO kerana 10 minit akan berhenti. Jadi saya tangguhkan mesyuarat penggulungan ini kepada jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang kita sambung semula. Dijemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam bahagia, salam sejahtera, Yang Berhormat Puan Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada setiap seorang Ahli Dewan yang telah memberikan pandangan, cadangan dan teguran kepada beberapa isu di bawah portfolio saya yang meliputi Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Benut, Parit Raja dan berapa lagi tentang hala tuju, hala tuju sistem pendidikan Islam di negeri Johor. Apabila kita telah pun menyambut 100 tahun ulang tahun yang ke-100 sistem pelajaran Islam di negeri Johor. Dalam Dewan yang mulia ini, saya suka menegaskan seperti cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Benut ingin tahu apakah Jabatan Agama Islam ada perancangan untuk mewujudkan satu silibus baru bagi sistem pendidikan Islam di negeri Johor ini yang berkaitan dengan sejarah dan Kesultanan Johor itu sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan, pada peringkat ini Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang pun pada peringkat akhir menyiapkan silibus tentang sistem pendidikan Islam yang baru di negeri Johor iaitu meliputi Kesultanan Islam Johor. Dan, insya-Allah ini akan menjadi kenyataan dan akan kita mulakan pada awal Januari 2020. Ianya mengandungi 3 tahap.

Tahap yang pertama bagi darjah 1, 2 dan 3 akan dimulakan pada Januari 2020. Tahap yang kedua bagi darjah 4, 5 dan 6 akan dimulakan pada tahun 2021. Sementara bagi darjah khas akan dimulakan pada tahun 2022. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, silibus ini akan mengandungi sejarah negeri Johor dan sejarah kesultanan Islam Johor itu sendiri.

Dan saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini, dalam kita nak melengkapkan silibus ini kerajaan tidak akan mengambil pandangan dari mana-mana pihak, yang tidak adalah langsung kepentingan dengan sistem Islam di negeri Johor ini. Maknanya kita menggunakan kepakaran daripada alim ulama daripada cendekiawan anak Johor jati sendiri. Jadi sama-sama kita doakan mudah-mudahan silibus Kesultanan Islam Johor ini akan dapat kita lahirkan dan menjadi kenyataan bermula pada tahun 2020.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan ada juga di antara Dewan yang mempersoalkan tentang bagaimana ada usah-usaha pihak-pihak tertentu yang cuba berusaha untuk menidakkan, berusaha untuk mencemarkan Institut Diraja Kesultanan di negeri Johor sekarang ini. Bagi pihak kerajaan kita amat menyedari perkara ini. Dan saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin akan terus mempertahankan Institut Diraja Johor ini sebagai lambang penyatuan umat, lambang penyatuan rakyat, negeri dan Bangsa Johor, insya-Allah.

Jadi tidak usahlah mana-mana pihak meragui dan cuba nak melihat satu-satu yang lain daripada yang lain dengan sistem yang ada kita sekarang ini. Sejarah membuktikan satu ketika dulu ada wujud perpecahan, fahaman dan pandangan-pandangan antara pihak istana dan pihak pentadbiran kerajaan. Kita pernah mengadakan satu perhimpunan Melayu Johor di Padang Sri Gelam. Sejarah ini saya harap bangsa Johor jangan lupa, sejarah bagaimana satu ketika dulu kita terpaksa mengadakan satu perhimpunan Melayu Johor di Padang Sri Gelam, bagi nak menyatukan umat bangsa Melayu Johor khususnya. Jadi saya berharap semua pihak di sebelah rakan saya dan sebelah sana, ingatlah ini negeri kita, ini Johor, Johor negeri bertuah yang patut kita pertahankan hingga ke titisan darah yang akhir bagi menentang segala kemungkaran yang cuba nak memecahbelahkan rakyat dan Bangsa Johor, insya-Allah. Seperti kata pantun Melayu, Harum Semerbak Si Bunga Tanjung, Jatuh Berserak Di Rumpun Buluh, Tuanku Ibarat Sekaki Payung, Tempat Rakyat Tumpang Berteduh.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, saya tidak akan bercakap tentang perumahan generasi kedua FELDA kerana dalam jawapan saya tadi saya telah bercakap panjang lebar dalam isu ini. Cuma saya nak menekankan sekali lagi pada rakan-rakan saya di pihak kerajaan, rakan-rakan di sebelah sana yang mana terlibat dalam kawasan masing-masing ada Rancangan Tanah FELDA bawa saya turun ke bawah dan saya sedia turun ke bawah untuk kita bersama-sama mengatasi masalah peneroka, mengatasi masalah generasi kedua FELDA di rancangan-rancangan tanah di mana Ahli-Ahli Yang Berhormat

wakil. Insya-Allah ini saya janji tidak ada garis pemisah atas nama kerajaan berjiwa rakyat kami rela turun padang sama-sama membantu rakan-rakan di sebelah sana, bagi memastikan masalah generasi kedua FELDA masalah peneroka kita tanggung bersama, kita pikul bersama dan kita selesaikan bersama-sama tuan-tuan.

Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato Speaker, sebagai anjakan kepada pemangkin untuk menambah pendapatan di kalangan peneroka dan generasi kedua FELDA anjakan pertama yang telah kita buat melalui revolusi hijau seluas tanah 30 ekar di FELDA Ulu Tebrau yang semalam telah pun diadakan perundingan antara Lembaga Nenas Negeri Johor dan FELDA Wilayah akan kita bangunkan sebagai tanaman nanas MD2. Itu langkah pertama kita Yang Berhormat Speaker.

Yang keduanya, FELDA Taib Andak akan dijadikan sebagai hab kelulut yang terbesar di negeri Johor. Ini langkah kedua kita. Langkah ketiga iaitu satu ternakan ikan air, ikan air tawar yang terbesar akan diwujudkan dan sekarang ini sudah ada pemaju yang kita angkat jadi sebagai anak angkat projek kita iaitu di Tenggaroh 2, Mersing. Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan saya penuh yakin kalau kita bersama-sama memandang jauh ke depan tentang hala tuju FELDA dan matlamat kerajaan untuk membantu masyarakat peneroka kita akan berjaya.

Berkaitan dengan beberapa perkara yang ditimbulkan Ahli-Ahli Dewan tentang pembinaan pembangunan sekolah agama, pembangunan surau-surau dan masjid di rancangan-rancangan tanah FELDA. Saya ingin menegaskan bahawa peringkat ini satu muzakarah akan diadakan hujung bulan ini. Muzakarah ini akan saya panggil Pengurus Besar FELDA, Pengurus Besar Pembangunan Tanah FELDA, Dato' Mufti, Dato' Yang Dipertua Jabatan Agama Islam dan Penasihat Agama kita untuk duduk semeja. Kita nak menyelesaikan masalah-masalah tanah wakaf pembangunan masjid, surau, sekolah agama dan tanah kubur di rancangan-rancangan tanah FELDA. Mudah-mudahan muzakarah yang akan diadakan pada akhir bulan Julai yang Berhormat Dato Speaker akan dapat menyelesaikan hak milik tanah-tanah wakaf yang sekarang ini dipegang oleh FELDA tidak lagi menjadi milik kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mudah-mudahan didoakan muzakarah ini akan dapat melahirkan, menelurkan hasil yang terbaik bagi pembangunan umah di peringkat-peringkat rancangan tanah FELDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dari segi masalah penceramah-penceramah masjid dan surau yang banyak ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan orang-orang politik yang bercakap ataupun berucap di masjid ataupun di surau. Saya suka menegaskan di sini bahawa satu peraturan surat pekeliling telah pun dihantar kepada semua Kadi Daerah bagi menentukan apa juga majlis di masjid, dalam kawasan masjid yang di ceramah, diberi ucapan oleh orang-orang politik setakat hari ini memang tidak dibenarkan sama sekali.

Maka dengan sebab itu Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, bermula dari pada bulan Ogos ini saya akan menghantar borang pengisian ceramah. Borang ceramah ini akan saya hantar kepada semua masjid dan surau di seluruh negeri Johor melalui kadi daerah dan tuan kadi daerah akan memulangkan kepada saya tiap-tiap awal bulan. Selanjutnya saya nak lihat ada tak senarai-senarai penceramah yang memberi ceramah di masjid atau surau, ada tauliah atau tidak dengan berpegang pada borang yang akan kami edarkan bermula pada bulan Ogos ini Yang Berhormat Speaker.

Ini bagi memastikan kita tidak mahu ada unsur-unsur ceramah yang cuba memecahbelahkan rakyat Johor, yang cuba mencemarkan institusi masjid dan surau dan saya harap langkah ini akan dapat memberi pulangan hasil yang baik. Kalau pun ini tak dapat dilakukan, saya sendiri akan turun padang tanya kadi daerah, kenapa borang tidak diisi dan saya berharap kadi daerah akan memberi tunjuk sebab kepada saya kenapa sampai borang penceramah ini pun tak boleh diisi oleh pihak pengurusan masjid. Kalau

sampai satu peringkat kita akan turun bawah tanya pihak pengurusan masjid, kenapa borang ini tidak diisi dan tidak dipulangkan kepada pejabat kadi daerah.

Yang Berhormat Dato Speaker, perkara-perkara lain yang menyentuh segi soal-soal kebajikan guru-guru agama. Saya amat bersimpati dengan nasib guru-guru agama. Terus terang saya katakan, guru-guru agama di Johor ini banyak menyumbang bakti tentang pengembangan agama Islam, pengembangan pendidikan moral anak-anak kita di peringkat bawah sekali. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan saya kadang-kadang terasa nasib guru agama ni macam dia pakai kain Yang Berhormat Dato Speaker, kain itu tak cukup panjang, bila dia nak tidur dia tutup kepala, dia nampak kaki, dia tutup kaki, nampak kepala. Begitulah nasib guru-guru agama Johor di Johor sekarang ini. Maka dengan sebab itu saya melihat ini satu perkara yang penting supaya satu kertas cadangan bagi menaik taraf kebajikan guru agama di negeri Johor yang merupakan sekarang Skim Perkhidmatan Pendidikan Islam pada masa akan datang kertas kerja penstrukturan semula tersebut merangkum cadangan seperti berikut:

Yang pertama, Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) terdapat permohonan pertambahan dan naik taraf perjawatan guru besar (SAKJ) iaitu pegawai perkhidmatan pendidikan Gred DG38 sebanyak 15 perjawatan dan DG40 sebanyak 5 perjawatan, di mana jawatan ini akan diisi mengikut sekolah dan daerah yang terpilih.

Yang kedua, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, SMAKJ naik taraf jawatan Pengetua daripada DG48 kepada DG52. Pertambahan jawatan guru, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 sebanyak 33 perjawatan.

Yang ketiga, MAAHAD Johor naik taraf jawatan Pengetua daripada DG48 kepada DG52. Pertambahan jawatan guru, Pegawai Perkhidmatan Gred DG41 sebanyak 13 perjawatan. MAAHAD Tahfiz negeri Johor, permohonan mewujudkan jawatan baru seperti Pengetua termasuk guru agama sebanyak 11 perjawatan. Selain itu, antara cadangan lain adalah dengan menaik taraf jawatan yang dipohon kepada jawatan tetap bagi menggantikan guru-guru sedia ada yang dilantik secara PSH ataupun secara kontrak.

Untuk makluman sidang Dewan dan juga Yang Berhormat Speaker, pada tahun 2018, seramai 13 orang guru lantikan secara kontrak bagi Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang iaitu SMAKJ dan MAAHAD Johor yang memenuhi syarat pelantikan telah pun dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor iaitu SPAJ bagi mengisi kekosongan jawatan di Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Bagi guru agama DB17 kontrak yang mengajar di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang memenuhi syarat juga berpeluang untuk memohon jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor, SPAJ.

Berikut adalah jumlah guru agama kerajaan Johor tetap dan kontrak dan guru TAJ iaitu Tadika Agama Johor sehingga 31 Mei 2019. Kategori guru tetap, 2,399 orang. Guru kontrak, 51; Guru TAJ, 316; jumlah keseluruhan guru, 2,766 orang. Daripada beberapa pertanyaan Yang Berhormat rakan-rakan saya tentang penggerak masjid dan surau, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Speaker, bahawa kerajaan telah mengambil keputusan semua jawatan penggerak masjid dan surau akan tamat tempohnya pada 31 Disember 2019 ini. Dan, selepas itu, pengiklanan jawatan akan dibuat dan temu duga cara lisan, bertulis juga akan dilakukan pada semua penjawat yang memohon perjawatan ini.

Yang Berhormat Speaker, satu perkara lagi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kahang tentang tanya soal penanaman padi di kawasan Kahang. Untuk makluman, sebelum ini sebanyak 118 hektar *parcel* pernah dikhaskan untuk penanaman padi pada ketika dahulu tinggal hanya sebanyak kini, sebanyak 54 hektar yang meneruskan

dengan penanaman padi sehingga hari ini. Baki selebihnya, 74 hektar dalam proses pemutihan.

Dari segi isu FELDA, tentang masalah MPKK dan JKKR. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan, di negeri Johor, FELDA ini ada terdapat dua badan kepimpinan. Satu, MPKK, Majlis Perundingan Komuniti Kampung. Satu lagi, JKKR, Jawatankuasa Kemajuan Rancangan dan kerajaan negeri sedar bahawa tidak semua FELDA ada MPKK. Jadi, saya akan mengambil daya usaha sebaik mungkin dengan berusaha untuk mengelakkan sebarang perpecahan di kalangan masyarakat peneroka. Kita akan berusaha sebaik mungkin sebagaimana kita, bak kata pepatah Melayu, seperti ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya. Kita akan berusaha jika boleh semua FELDA di negeri Johor ini akan kita letakkan, akan kita tetapkan supaya ianya ada MPKK atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Endau bertanya tentang projek menyiapkan baki kerja membina masjid baru di Kampung Sawah Dato' yang telah terbengkalai. Pihak kerajaan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor, SDO Johor iaitu Unit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri, ICU JPN dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor telah mendapat keputusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 Jun 2019 supaya projek ini dilaksanakan secara tender terbuka. Urusan perolehan sedang giat dilaksanakan dan dijangka akan diiklankan pada bulan Ogos 2019 dan projek ini boleh disiapkan dalam tempoh 24 bulan. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan Endau, kos siling projek ini ialah RM3.43 juta.

Daripada sahabat saya Buloh Kasap tentang Masjid Kampung Sepinang, untuk makluman Yang Berhormat Buloh Kasap, projek membina masjid baru Kampung Sepinang Segamat pada waktu ini merupakan projek berstatus tamat kontrak. Kontrak telah tamat pada 28 Oktober 2018. Pihak kerajaan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor, Unit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri telah mengambil tindakan bagi mendapatkan peruntukan tambahan dan insya-Allah Yang Berhormat, saya akan berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan kenyataan Masjid Kampung Sepinang menjadi impian kenyataan Yang Berhormat dan penduduk Sepinang. Untuk makluman Yang Berhormat, kos siling bagi projek ini ialah RM1.6 juta.

Untuk Yang Berhormat, makluman Yang Berhormat Buluh Kasap juga. Masjid Gemas Baru, Masjid Kampung Lubok Batu, manakala bagi Masjid Gemas Baru dan Masjid Kampung Lubok Batu sedang dikaji semula berdasarkan keutamaan dan keupayaan kewangan kerajaan.

Bagi proses pemilihan ketua kampung, saya juga rasa tersentuh hati banyak Ahli-Ahli Dewan menyuarakan tentang kononnya proses pemilihan ketua kampung tidak telus. Banyak ketua kampung yang dipecat. Hampir 90%. Kami akui kerana ini proses demokrasi. Apabila kerajaan baru mengambil alih, maka proses ini harus diterima dengan cara terbuka oleh sahabat-sahabat dan rakan-rakan saya. Penilaian prestasi ketua kampung akan dinilai di peringkat mukim oleh Penghulu dan peringkat daerah oleh Pejabat Daerah oleh Tuan Pegawai Daerah. Dan, di peringkat negeri saya akan memastikan bahawa saya dan juga Pengarah Pembangunan Luar Bandar akan melihat prestasi ketua-ketua kampung ini sejauh mana. Jika ianya gagal memenuhi kehendak kerajaan yang kita perintah sekarang, walaupun ia daripada parti kerajaan, kita juga akan mengambil tindakan yang munasabah bagi memastikan ketua kampung yang kita lantik benar-benar memenuhi tanggungjawab sebagai penghubung antara rakyat dan juga kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan, peruntukan iaitu peruntukan bagi permohonan geran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung bagi seluruh negeri Johor. Bagi daerah Batu Pahat, jumlah keseluruhan peruntukan telah dilaksanakan ialah sebanyak RM217,500.00. Bagi daerah Muar, ini jumlahnya Yang Berhormat Speaker setakat pada 29 April 2019. Bagi daerah Muar, sebanyak RM147,650.00. Bagi daerah Kluang,

RM139,150.00. Bagi daerah Pontian, RM100,000.00. Bagi daerah Kota Tinggi, RM20,000.00. Bagi daerah Mersing, RM80,000.00. Bagi daerah Segamat, RM39,700.00. Bagi daerah Kulai, RM30,000.00. Bagi daerah Tangkak, RM30,000.00 dan bagi daerah Johor Bahru setakat 20 April 2019, tidak lagi ada apa-apa peruntukan permohonan. Jadi, saya amat berharap semua Pengerusi MPKK di seluruh negeri Johor supaya mengambil daya usaha dan proaktif untuk mendapatkan peruntukan ini bagi membuat kegiatan-kegiatan di peringkat kampung masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan, bagi peruntukan yang lepas ini kita masih lagi ada RM656,000.00 dan saya dimaklumkan semalam Pengarah Pembangunan Negeri Johor mengesahkan sudah ada peruntukan tambahan bagi pengurusan geran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung sebanyak RM2 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan. Jadi, saya berharap semua rakan-rakan saya ambil perhatian berat ya. Tambahan terbaru RM2 juta yang lama kita masih ada lagi RM656,000.00. Kita tak ada berapa masa lagi, 4,5 bulan dah tahun baru. Bila tahun baru ini semua akan hilang Yang Berhormat Speaker.

Akhirnya Yang Berhormat Speaker, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pembangunan Luar Bandar dan Pertanian, mengucapkan terima kasih atas saranan beberapa rakan dalam Dewan yang menyokong usaha-usaha bagaimana kami nak melancarkan Revolusi Hijau. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, Revolusi Hijau ini saya telah membentuk satu Jawatankuasa Cadangan yang mana pengerusinya adalah saya sendiri, selaku EXCO Pertanian, Hal Ehwal Agama Islam dan Pembangunan Luar Bandar. Timbalan Pengerusi terdiri daripada Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri Johor bersama dengan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor. Sekretariat utama kita ialah Pengarah Pertanian Negeri Johor. Ahli-ahlinya terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pengarah Lembaga Nanas Johor, Pengarah Institut Pendidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pengarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Johor, Pengurus Besar FELCRA Wilayah Berhad, Pengarah Bank Berkuasa kemajuan, Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil dan Getah (RISDA), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Pengarah Wilayah Lembaga LADA Malaysia, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Johor, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Pengurus Besar Wilayah FELDA Berhad, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Saya penuh yakin Yang Berhormat Speaker, mereka ini adalah pegawai-pegawai yang tidak didendang. Yang menjadi benteng kepada kerajaan kita. Pegawai-pegawai ini menjadi penggerak kepada sumber pembangunan negeri Johor dan saya amat puas hati atas kerjasama sepasukan yang kami terima selama ini setakat ini Yang Berhormat Speaker.

Yang Berhormat Speaker, akhirnya saya ingin merujuk kepada sahabat saya daripada Kahang yang ingin tahu tentang bagaimana tahap KPI seorang EXCO itu diadakan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Dewan, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pembangunan Luar Bandar, saya telah mewujudkan satu jawatankuasa, bukan jawatankuasa. Satu kaedah baru yang saya telah wujudkan bagi merapatkan perhubungan antara saya dan semua ketua jabatan iaitu sistem mesyuarat *Post EXCO*. Saya ambil macam mana kabinet buat. Pagi mesyuarat kabinet, petang mesyuarat *Post EXCO*. Maka langkah ini saya buat Yang Berhormat Datuk Speaker. Apabila pagi mesyuarat EXCO, petang saya panggil semua jabatan di bawah jabatan saya kita adakan mesyuarat *Post EXCO*. Secara langsung apa juga keputusan kerajaan, saya tidak mengambil masa yang lama untuk kita membuat tindakan bagi kita melaksanakan arahan-arahan kerajaan kepada ketua-ketua jabatan.

Yang Berhormat Speaker, seperkara lagi saya beri perhatian ialah tentang rancangan penjenamaan semula Rancangan Pertanian Johor Barat. Saya melihat satu ketika dulu Rancangan Pertanian Johor Barat begitu gah terbilang masyhur. Membangun pertanian

Johor Barat yang meliputi sebahagian daerah Johor Bahru, Pontian, Kluang, Batu Pahat. Saya melihat Rancangan Pertanian Johor Barat perlu diberikan nafas baru, perlu diberikan anjakan baru kerana sistem-sistem perparitan, sistem-sistem saliran pertanian dan hasil-hasil perladangan sudah lagi tidak memenuhi matlamat Rancangan Pertanian Johor Barat kerana peredaran masa sekarang ini Yang Berhormat Speaker. Jadi, pada peringkat ini saya telah mengarahkan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pengarah Pertanian Johor dan juga Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk duduk semeja bagi membawa satu kertas cadangan pembaharuan pertanian Johor Barat.

Yang Berhormat Speaker, akhirnya saya sebagai penutup, saya merujuk kepada anakanda saya daripada Layang-Layang, DUN Layang-Layang. DUN Layang-Layang ni hanya dipisahkan oleh saya dengan nama sungai, sebatang sungai iaitu Sungai Siam. Saya mengucapkan tahniah kepada anakanda Yang Berhormat Layang-Layang, sebab Yang Berhormat Speaker, bila dia kenal saya dia panggil saya ayahanda. Jadi, saya panggil dia anakanda. Pada anakanda Layang-Layang, ayahanda mengucapkan tahniah kerana dalam ucapan perbahasan semalam dengan semangat yang begitu berkobar-kobar, maklumlah jiwa muda dan darah muda. Tapi, sebagai nasihat seorang ayah, anakanda masih lagi berumur setahun jagung, darah baharu setampuk pinang. Anakanda perlu lagi belajar sepak terajang pencak silat dunia politik. Maklumlah ini dunia politik. Akhir kata supaya kita ni jadi manusia Yang Berhormat Speaker, kata bidalan Melayu “cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar”. Kepada anakanda saya Layang-Layang, pantun ini saya tujukan khas kepadanya. “berburu ke padang datar, dapat rusa belang kaki, berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi.” Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta’ala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker: Seterusnya dijemput Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan perbahasan ini, saya ingin memohon agar Dewan yang mulia ini untuk sama-sama kita merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan barisan pasukan JDT yang telah berjaya menjadi Juara Liga Super selama 6 kali berturut-turut atau 6 tahun berturut-turut, *double hat trick*.

Yang Berhormat Speaker, saya mulakan penggulungan perbahasan ini dengan menyembah takzim atas titah Baginda Duli Tuanku dalam sidang Dewan yang mulia ini, amanat dan nasihat Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah tersebut, akan saya dan pastinya kita semua jadikan azimat dan juga panduan untuk menjayakan dan menjalankan amanah rakyat yang telah diberikan insya-Allah. Izinkan saya menyampaikan serangkap pantun terlebih dahulu. “gemilang pasai telah berlalu, keagungan Melaka jadi rebutan, hilang Temasek jangan di sedu, masyhurkan Johor jadi sebutan”.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat inilah inti pati yang ingin saya nyatakan dalam ucapan penggulungan ini, yang mana kepentingan negeri pastinya akan mengatasi kepentingan peribadi dan juga kepentingan parti. Kita semua merupakan Wakil Rakyat dan anak-anak Johor pastinya mahu memastikan nasib rakyat akan terus dibela dan negeri kita ini terus makmur dan juga sejahtera. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi rasa syukur, kerana berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan ini dipenggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor dan saya ingin mengambil kesempatan ini seterusnya untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Menteri Besar Johor, Dato’ Haji Osman bin Sopian atas sumbangan idea dan tenaga beliau selama menjawat jawatan sebagai Menteri Besar. Jasa dan bakti YB Kempas, akan dikenang sepertimana kami mengenang sumbangan tokoh-tokoh terdahulu yang telah membawa kemakmuran kepada negeri ini.

Dalam pada itu kami Wakil-Wakil Rakyat kerajaan akan terus menyokong kepimpinan baru yang di kemudi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin Jamal, yang telah diamanahkan untuk meneruskan legasi kepimpinan Menteri Besar sejak zaman berzaman. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker yang bijaksana agar kita faham, agar kita lebih mengerti, saya susunkan ucapan ini satu persatu mengikut kepentingan dan juga sektor agar perkara yang saya angkat dalam perbahasan pada kali ini, di Dewan ini dapat kita jelaskan seterang-terangnya. Pasti tidak semua jawapan itu dapat memuaskan hati semua pihak khususnya wakil daripada pembangkang, tetapi kita harus jujur dan sedar bahawa setiap jawapan dan penjelasan yang akan saya nyatakan ini adalah sebahagian daripada proses yang panjang yang mana setiap kerja dan perancangan akan diurus, diselai dan dilaksanakan dari semasa ke semasa kita tidak akan pernah bekerja selagi tidak selesai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, berkaitan penganjuran SUKMA ke-20 Johor 2020. Seperti yang Dewan sedia maklum pada tahun hadapan negeri Johor akan menjadi tuan rumah bagi SUKMA 2020. Temasya SUKMA Johor 2020 akan berlangsung di Negeri Johor ini sekitar bulan Julai hingga Ogos pada tahun hadapan, dan melibatkan beberapa buah daerah terutamanya Johor Bahru, Muar dan juga Kota Tinggi. Istimewanya SUKMA pada kali ini ialah merupakan edisi ke-20 pada tahun 2020, bertepatan dengan Wawasan 2020. Oleh yang demikian, Johor ini sebagai penganjur temasya kali ini perlu membuat persediaan yang rapi, persediaan yang terbaik, dengan harapan ianya menjadi penganjuran yang terbaik. Suka untuk saya menyentuh usul Larkin yang ke-6 iaitu bagaimanakah mekanisme yang dilaksanakan oleh syarikat berkaitan kerajaan atau GLC dengan izin, yang dipertanggungjawabkan dalam usaha mencari dana bagi pembiayaan penganjuran SUKMA 2020 agar penganjuran ini tidak membebankan kerajaan Negeri Johor. Malah mantan Menteri Besar sendiri pernah berhasrat untuk memperkemas dan memperkukuhkan lagi GLC menjadi sebuah agensi negeri yang cekap, berdaya saing, dan menguntungkan negeri dan juga rakyat jelata. Kerajaan Negeri Johor melalui syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan GLC iaitu Perbadanan Johor, JCorp dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah pun diamanahkan menjadi penggerak utama untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan infrastruktur SUKMA Johor 2020 yang mana JCorp sedang giat membangunkan Arena Larkin yang merangkumi infrastruktur sukan Stadium Tertutup, Stadium Akuatik dan kemudahan awam di kawasan berkenaan.

Manakala, KPRJ telah diamanahkan untuk membangunkan Kompleks Sukan Johor yang merangkumi stadium Atletik, Lapang Sasar dan Stadium Rugby, Veledrom dan Arena Bola Sepak di Iskandar Puteri serta Emas bagi Sukan Squash, Petanque, *Long Ball* dan juga memanah. Kos pembangunan bagi pembinaan infrastruktur SUKMA ke-20 Johor 2020 ini, telah dipersetujui bersama antara kerajaan negeri dan GLC yang terlibat akan dibiayai melalui kaedah suntikan tanah kerajaan dan tanah-tanah GLC. Bayaran-bayaran ansuran tahunan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kepada GLC yang terlibat serta peruntukan daripada kerajaan pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Tentunya, tanpa kerjasama erat antara negeri, antara agensi-agensi, kerjasama yang erat antara GLC-GLC dan juga kerajaan persekutuan, pastinya adalah sukar untuk kita melaksanakan agenda yang cukup penting ini. Saya amat berterima kasih di peringkat kerajaan persekutuan khususnya, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kementerian Belia dan Sukan atas kerjasama dan keyakinan yang diberikan kepada kami di Johor ini untuk membantu menjayakan pelaksanaan penganjuran temasya SUKMA ke-20, Johor 2020. Terima kasih kami ucapkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sehingga 25 Jun 2019 status kemajuan projek arena Larkin di bawah selian J-Corp adalah seperti berikut, bagi stadium tertutup status kemajuannya ialah 90%, bagi projek pusat akuatik status kemajuannya adalah 77% dan infrastruktur adalah status kemajuannya 83%. Untuk makluman sidang Dewan, Johor Land Berhad sebagai pemaju projek akan memastikan komitmen mereka untuk menyiapkan projek Arena Larkin ini pada September 2019 dan pengeluaran sijil siap dan pematuhan

atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) pada akhir tahun 2019 akan dapat kita capai. Manakala sehingga 24 Jun pula 2019, bagi status terkini fasiliti di bawah seliaan KPRJ iaitu membangunkan kompleks sukan Johor yang merangkumi Stadium Atletik, lapang sasaran dan stadium rugby, velodrom dan arena bola sepak di Iskandar Puteri serta arena Emas bagi sukan squash, petanque, long ball dan memanah adalah seperti berikut:

Stadium Atletik, status kemajuan 94.8%; Stadium Rugby, 24.54%; lapang sasaran 18.1%; Velodrom 18%; arena bola sepak 13.65%; squash 8.95%; petanque 8.93%; *long ball* 4.24% dan memanah 8.37%.

Untuk makluman Dewan ini, pihak KPRJ memberi komitmen mereka untuk memastikan semua fasiliti yang terlibat ini akan berjaya disiapkan dan pengeluaran sijil siap dan pematuan (CCC) selewat-lewatnya pada April 2020. Selain itu, saya kongsi berkenaan dengan sukarelawan SUKMA Ke-20 Johor 2020. Pastilah kejayaan penganjuran sesuatu acara besar seperti sukan Malaysia SUKMA ini memerlukan tenaga kerja yang ramai daripada semua pihak yang terlibat, meliputi pengurus-pengurus acara, pegawai-pegawai teknikal dan pembantu-pembantu. Penglibatan semua pihak ini bukan sahaja sekadar hadir dan melibatkan diri, tetapi hendaklah juga mempunyai pengetahuan mempunyai ilmu dan kesedaran tentang tanggungjawab masing-masing dalam bidang tugas yang telah pun diberikan. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor diberikan tanggungjawab sebagai jawatankuasa sukarelawan. Sukarelawan SUKMA dan para SUKMA 2020 merupakan duta-duta kecil negeri Johor yang akan membantu jawatankuasa pengelola untuk menjalankan operasi gerak kerja pada Temasya SUKMA Ke-20 Johor 2020 dan juga temasya para SUKMA Johor 2020 nanti. Jumlah sukarelawan yang kita perlukan pada temasya Sukan Malaysia adalah berjumlah 3,000 orang meliputi temasya sukan Malaysia ke-0 dan sebanyak 500 orang sukarelawan di sukan para SUKMA yang ke-20.

Penglibatan sukarelawan seramai 3,000 akan membantu dalam memastikan temasya sukan Malaysia 2020, antara yang terbaik yang pernah kita kelolakan. Keperluan jumlah sukarelawan ini adalah mengikut kehendak jawatankuasa pengelola bagi membantu pihak jawatankuasa menjalankan operasi semasa temasya sukan Malaysia 2020 berlangsung nanti. Pendaftaran sukarelawan SUKMA dan para SUKMA 2020 adalah melalui sistem atas talian. Sistem atas talian melalui laman portal rasmi www.sukarelawan.sukmajohor.my saya ulang www.sukarelawanjohor.my. Boleh tengok tuan-tuan boleh tengok sekarang di dalam internet, di portal kita punya portal sudah pun diaktifkan dan boleh mula mendaftar. Pemohon yang boleh mendaftar sebagai sukarelawan meliputi golongan penjawat awam, anggota beruniform, kakitangan swasta, suri rumah, pelajar, anak-anak muda dan belia dan mana-mana sahaja rakyat yang ada di negeri Johor ini yang berminat. Sebelum saya menutup ucapan berkaitan sektor sukan ini sahaja dahulu, ingin saya jelaskan bahawa cabaran sebenar di sebalik penganjuran SUKMA 2020 ini adalah persoalan apakah selepas SUKMA Johor 2020? Apakah perancangan kita selepas daripada acara SUKMA nanti? Bagaimanakah akan kita bangunkan sukan dan atlit kita dan yang paling utama apakah perancangan kita bagi memastikan venue-venue sukan yang telah kita bangunkan ini akan terus dapat dimanfaatkan kepada sukan dan rakyat keseluruhannya agar fasiliti dan juga prasarana sebagai aset ini tidak bertukar menjadi liabiliti kepada kerajaan negeri.

Justeru, untuk menyediakan diri kita ke arah itu, satu pelan jangka panjang, satu pelan jangka panjang akan kita sediakan bersama-sama dengan pihak MSN Johor dan juga *Sport Johor*. Jadi kalau kita lihat daripada pelan ini, SUKMA 2020 ini sebenarnya adalah permulaan sahaja. Dalam pelan ini kita akan menjangkau lagi *what after SUKMA* dengan izin, insya-Allah perkara ini akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini, akan dibentangkan kepada Dewan Negeri agar setiap pelan dapat kita perhalusi untuk kita jayakan bersama.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, tanpa melupakan peranan pihak di belakang semua ini, saya ingin zahirkan juga rasa terharu, dan juga tabik hormat saya, *salute* dengan izin, kepada semua pihak yang terlibat. Antaranya ialah BPEN dan juga *Sports Johor* selaku

sekretariat SUKMA Yang Ke-20 Johor 2020 yang telah membuat perancangan teliti dan kerja tanpa mengingot penat dan juga lelah untuk menjayakan acara ini. Sungguhpun penganjuran ini belum dilaksanakan, sekalung tahniah saya ingin rakamkan di sini, saya ingin ucapkan di sini kepada mereka semua atas kegigihan tersebut. Namun saya berharap kerja cemerlang ini adalah permulaan yang harus kita kekalkan *keep calm and stay focus* dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, suka juga saya ingin menyentuh sedikit berkaitan persoalan yang dibangkitkan di sebelah pihak pembangkang tempoh hari, berkaitan dengan maskot, *tag line* dan juga logo yang belum muncul lagi setakat ini. Apa yang saya nyatakan di sini ialah segalanya itu tiga perkara ini sudah pun dituntaskan. Dan juga, insya-Allah pada bulan ini juga kita akan lancarkannya bersesuaian dengan setahun sebelum SUKMA ini berlangsung.

Yang Berhormat Speaker, berkaitan keusahawanan di peringkat negeri Johor, baru-baru ini dalam kesibukan tugas, kesibukan Dewan, saya sempat menelaah beberapa buku dan antaranya saya cuba memetik beberapa perkara yang boleh saya kongsi di sini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh tokoh Mahatma Ghandi, dia telah menyebut dalam satu acara sambutan majlis ulang tahun hari jadi Mahatma Ghandi, beliau mencatatkan "*It is difficult, but not impossible to conduct strictly honest business*". Dalam pada usaha kerajaan untuk memastikan bakat-bakat usahawan kita terus mendapat pembelaan menerusi pelbagai skim bantuan dalam bentuk latihan, geran, bantuan kewangan dan pelbagai lagi, namun inti kepada setiap usaha untuk sesebuah kerajaan adalah keinginan, kemahuan, kerja keras, dedikasi dan jati diri di kalangan usahawan itu sendiri. Hal ini sangat bertepatan dengan apa yang saya ungkapkan kata-kata Ghandi tadi, "bahawa sememangnya usaha dalam perniagaan ini bukanlah mudah, namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil". Ingin saya singgung pertanyaan yang dibangkitkan dari ADUN Panti berkenaan agenda keusahawanan negeri Johor yang telah dan akan dijalankan serta bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada usahawan-usahawan di peringkat negeri Johor. Sebanyak 98,160 PKS terdapat di Johor, dari jumlah keseluruhan PKS di Malaysia iaitu 97,650 PKS. Johor ini merupakan negeri yang ke-3 paling banyak PKS di Malaysia selepas daripada Selangor dan juga Wilayah Persekutuan. Saya cukup yakin Panti mengetahui hal ini, dan berdasarkan angka-angka ini, kita dapatkan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dalam banci ekonomi ataupun *Economic Sensors* 2016.

Setiap program dan aktiviti keusahawanan akan menyokong kepada 5 akses permasalahan usahawan iaitu :

- i) Pembiayaan;
- ii) Pemasaran;
- iii) Kemahiran ICT;
- iv) Pensijilan;
- v) Prasarana.

Sebagaimana yang terpakai di dalam buku Pelan Tindakan Strategik PKS negeri Johor 2015 – 2020. Bagi hala tuju dan perancangan Pelan Pembangunan Usahawan negeri Johor pada masa hadapan adalah :

Yang pertama, kita ingin merancang menubuhkan syarikat pada skala besar menerusi program pembangunan *vendor*. Industri yang mempunyai syarikat kecil dan berskala *sub-optimum* perlu bergabung bagi menyokong teras yang pertama iaitu pembangunan dinamik dan juga kesejahteraan rakyat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2019-2030. Untuk makluman Dewan, sehingga kini, negeri Johor mempunyai sebanyak 1,580 syarikat berskala besar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang kedua, kerajaan negeri ingin meningkatkan pertubuhan perniagaan atau *business formation*, dengan izin. Untuk makluman sidang

Dewan status semasa pendaftaran PKS dalam negeri Johor adalah sebanyak 98,190 seperti yang saya nyatakan di awal tadi. Oleh itu, kerajaan negeri mencadangkan sekurang-kurangnya 6% peningkatan pertumbuhan perniagaan setiap tahun bagi 5 tahun mendatang akan dapat kita laksanakan.

Yang ketiga, untuk merancakkan pula ekonomi kreatif dan digital, Johor menerusi PUJB serta Ahli Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ) akan memulakan langkah untuk menjadi pelopor bagi *4th. Revolution* atau *Industry 4.0*, dengan izin, kepada usahawan di seluruh negeri Johor. Ekonomi digital ini dijangka menyumbang 18% KDNK Malaysia pada tahun 2020 di mana lebih 90% daripada semua pekerjaan akan memerlukan kemahiran digital.

Ingin saya rangkumkan kesemua agenda sebagai satu manifestasi komitmen kerajaan negeri ke atas golongan usahawan ini. Dan ingin saya ulangi kesemua agenda ini tidak akan berjaya jika usahawan kita tidak memahami kata-kata yang saya ungkapkan di awal tadi, Mahatma Ghandi, sepertimana yang saya sebutkan di awal ucapan tadi. Saya yakin siapa jua usahawan yang bertekad dan berdisiplin dalam manfaat kesemua usaha dan inisiatif kerajaan ini, mereka insya-Allah pasti akan berjaya. Ini bukan janji saya, tapi ini adalah hakikat bahawa setiap perjuangan dan pengorbanan pasti akan berjaya hanya masa dan ketika itu sahaja yang akan menjadi persoalannya. Kejayaan datang dengan harganya, sepertimana dalam satu ungkapan, dengan izin, *“first they ignore you, then they laugh at you, then they fight you, then you will win”*. Inilah ungkapan Mahatma Ghandi dalam perjuangannya, dan beliau telah membuktikan kata-kata ini dengan jelas, kita dan para usahawan hanya perlu memahami dan mengambil semangat ini untuk kita berjaya. Biarkan mereka memperlekeh kita, mereka mentertawakan kita, biarkan mereka berlawan dengan kita, kerana di akhirnya nanti, insya-Allah kita akan berjaya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin tekankan bahawa selaku EXCO yang memegang portfolio belia, saya akan memberi lebih penekanan juga kepada agenda usahawan kepada golongan wanita dan juga belia yang berumur 15 hingga 25 tahun. Dua kumpulan ini akan menjadi kumpulan fokus yang akan membawa perubahan yang baharu. Bagi usahawan yang lain, kita akan terus komited membantu menerusi pelbagai skim dan pakej yang sedang dan yang akan dilaksanakan oleh semua agensi seperti Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), SME Corp. Malaysia dan lain-lain agensi yang ada di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dari aspek pembangunan belia pula, beberapa soalan telah saya jawab berkenaan dengan belia, meliputi jenis-jenis program, hala tuju, dasar dan inisiatif-inisiatif yang telah sedang dan juga akan dilaksanakan. Namun dari kesemua persoalan-soalan ini, pastinya kita sebagai pemimpin di peringkat negeri perlu jujur dan bermuhasabah kepada diri sendiri sebelum kita menyalahkan golongan anak muda ataupun belia atau menambah beban ke atas mereka. Mengapa saya berkata demikian, Herbert Hoover, Presiden Amerika Syarikat yang ke-31, sekitar 1929 hingga 1933 pernah menyebut, dengan izin, *“older man declare war, but it is youth that must fight and die”*, kata-kata ini menjelaskan satu persoalan kepada kita semua. Ke manakah ingin kita bawa anak-anak muda ini pada masa yang akan datang? Adakah kita yang menentukan masa depan mereka atau mereka mempunyai kuasa dan pilihan untuk menentukan sendiri masa hadapan mereka? Kita tidak boleh menjadikan anak muda ini sebagai medan uji kaji seperti tikus makmal. Keputusan-keputusan politik kita harus memberi ruang kepada anak muda untuk berfikir dengan waras, bukan semata-mata untuk mengikut telunjuk kita sahaja. Kita mahu anak muda menyoal, kita mahu anak muda mempertikai, kita mahu anak muda bertanya, kita mahu anak muda mengkaji dan berfikir. Semua tidak akan berlaku sekiranya kita memaksa mereka menerusi pelbagai kekangan untuk mereka beraktiviti dan sebagainya. Politik seharusnya membantu memerdekakan jiwa dan minda anak muda, agar mereka boleh memilih dan mencorak sendiri masa hadapan mereka.

Namun kita sedia maklum bahawa sebagai pemimpin harus memandu mereka agar mereka dapat membuat pilihan yang betul. Namun kita tidak berhak semata-mata mendoktrinisasi mereka ke arah apa yang kita sahaja mahu. Seperti seorang ayah kepada masa depan anaknya, sepertimana nasihat seorang ayah yang menasihatkan masa depan anaknya, kita mahu anak kita berjaya dunia dan akhirat. Maka kita sebagai bapa perlulah menyediakan keperluan asas ke arah hasrat itu bukan semata-mata memaksa mereka mengikut selera dan kehendak kita sahaja. Sebagai kerajaan yang seharusnya bertindak sebagai perunding, atau menjadi sebuah kerajaan dengan izin, *consultative government*, kita harus akur dengan selera dan juga kearifan anak muda dalam membuat pilihan berdasarkan keperluan hidup dan masa depan mereka. Kita kena berani dan yakin pada kemampuan anak muda kita, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan penuh kepada Menteri Belia dan Sukan untuk mencadangkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Ianya masih lagi terbuka untuk diperbahaskan, namun ini adalah satu langkah berani yang harus dipuji dan harus disokong tanpa mengira latar politik mahupun kaum. Ini adalah langkah progresif yang memberi makna besar kepada peranan belia dalam membangun masyarakat, ekonomi, politik dan sosial. Kita yakin dan percaya anak muda kita telah cukup bersedia untuk memimpin kumpulan mereka sendiri tanpa mudah mengikut telunjuk tuan-tuan politik semata-mata.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, menyentuh pertanyaan dari ADUN Sri Medan, berkenaan dengan program-program belia contohnya sukarelawan Darul Ta'zim dan juga *J-Future*. Begitu juga dengan persoalan-persoalan mengenai program-program belia yang telah kerajaan anjurkan, saya rasa senarainya cukup banyak. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada EXCO yang terdahulu dari Semerah, atas usaha gigih beliau merencana program-program ini dengan baik dan pastinya saya akan melipat ganda usaha tersebut secara maksimum. Di kesempatan ini juga, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada semua agensi-agensi belia seperti Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor (JBS), Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS), *Johor Youth Development Centre* (JOYDEC) termasuklah agensi-agensi yang telah membantu dan memberikan kerjasama seperti IRDA, GLC-GLC negeri Johor yang lain dan yang banyak lagi agensi-agensi yang membantu kita. Saya cukup yakin jika usaha ini berterusan, sinergi ini akan memberi impak yang sangat signifikan kepada anak muda, dalam memenuhi keperluan mereka khususnya dalam aspek latihan, peningkatan kemahiran, platform pemasaran dan pendedahan serta peluang-peluang pekerjaan. Ini adalah matlamat terakhir agenda belia yang telah kita rancang dan akan kita laksanakan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker yang baik budi, sebelum mengakhiri ucapan penggulungan saya, izinkan saya menyinggung satu, dua perkara penting. Saya masih melihat, masih ada Wakil-Wakil Rakyat di sebelah sana, di sebelah pembangkang yang pada saya seolah-olah mensia-siakan sebahagiannya, bukan kesemuanya. Seolah-olah mensia-siakan ruang perbahasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Speaker ataupun Timbalan Speaker. Antaranya ada mereka yang menghabiskan 15 ke 20 minit masa yang diberikan hanya untuk memperleceh dan memperlekeh kerajaan pada hari ini tanpa memberikan apa-apa *input* yang bersifat dasar yang konstruktif untuk membantu membangunkan negeri Johor ini. Namun, saya tidak memaksa mereka untuk menjadi bijak akan tetapi saya ingin memberi nasihat dan juga peringatan termasuklah kepada diri saya sendiri, wakil-wakil daripada kerajaan Pakatan Harapan juga yang zaman *government knows everything* sudah pun berakhir. Sebaliknya zaman ini adalah zaman *consultative government*. Jika dengan rakyat sekali pun kita memerlukan *input* daripada mereka. Inikan pula dengan Wakil-Wakil Rakyat yang berada di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, atas semangat *consultative government* inilah di bawah portfolio belia, saya telah merancang untuk menjelajah ke seluruh daerah di negeri Johor untuk bersama-sama dengan belia, bagi mendapatkan input-input akar umbi dan idea-idea baru dalam merencana agenda negeri mengikut kluster-kluster yang telah dikenal pasti. Saya fikir beginilah seharusnya sikap kita termasuklah ahli-ahli legislatif di Dewan yang mulia ini. Bahkan saya rasa saya tidak *apologetic*, dengan izin, saya rasa dengan sedar diri

dan juga rendah diri, saya tidak rasa malu untuk berkongsi kredit atas segala usaha kerajaan hari ini dan juga kerajaan terdahulu dalam menyediakan segala keperluan rakyat khususnya golongan belia. Saya tidak mahu malu untuk menerima dan meneruskan segala usaha yang telah mereka laksanakan selama mana ia meletakkan kepentingan rakyat dan negeri ini di barisan yang paling hadapan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dengan kata-kata itu sekian sahaja ucapan penggulungan saya pada hari ini. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Di jemput Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mulakan ucapan saya dengan merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berangkat merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-14 pada hari Khamis lalu.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya saya ingin merakamkan rasa kesyukuran kerana berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pelantikan beliau dan terima kasih diucapkan kepada mantan Menteri Besar, Dato' Osman Sapian atas nasihat dan cadangan dan sumbangan beliau kepada negeri Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Balang yang membangkitkan mengenai program-program untuk memperkasakan peranan Rukun Tetangga. Sebenarnya apa yang saya jelaskan tempoh hari ialah program-program untuk memperkasakan atau dengan izin, *empowerment* atau untuk memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga dalam komuniti dan bukannya untuk mentransformasikan Rukun Tetangga secara total. Rukun Tetangga telah 44 tahun ditubuhkan dari tahun 1975.

Oleh sebab itu, kita melihat banyak lagi penambahbaikan perlu dilakukan kepada institusi ini bagi melonjakkan dan mempercepatkan lagi usaha-usaha kerajaan untuk memperkukuhkan agenda perpaduan dan kesejahteraan sosial di negara ini dan khususnya di negeri Johor. Memang tidak dinafikan, ada di antara program-program pemerikasaan Rukun Tetangga itu telah pun dilaksanakan sebelum ini. Tetapi soalnya sejauh manakah program yang telah dijalankan sebelum ini telah mencapai kejayaan? Atau sejauh manakah keberkesanan atau impak program-program tersebut kepada komuniti-komuniti. Hakikatnya jika kita mengkaji maka kita dapati bahawa banyak lagi tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan untuk memperkukuhkan peranan rukun tetangga daripada menjalankan aktiviti yang tidak atau kurang berimpak kepada komuniti. Kita harus sedar bahawa masyarakat kita semakin kompleks.

Selain itu, isu-isu serta permasalahan yang perlu kita dihadapi dan tangani juga semakin mencabar. Oleh itu, kita tidak lagi boleh menggunakan pendekatan yang sama untuk menguruskan komuniti pada masa sekarang. Anjakan paradigma perlu dilakukan kepada rukun tetangga agar rukun tetangga sentiasa relevan kepada keperluan masyarakat dan negara. Kerajaan menyarankan agar rukun tetangga menyediakan pelan tindakan kejiranan rukun tetangga masing-masing supaya aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengikut keperluan, minat, cabaran serta isu semasa. Aktiviti rukun tetangga dapat didokumentasikan dan seterusnya dapat di analisa untuk menentukan sejauh mana keberkesanan dan impak aktiviti KRT kepada komuniti.

Memberi penekanan kepada penglibatan masyarakat pelbagai kaum dalam aktiviti yang dilaksanakan supaya ianya dapat mencerminkan kepelbagaian rakyat Malaysia. Perkara ini tidaklah diberi penekanan yang serius sebelum ini. Kerajaan sekarang amat menekankan

kepada kepimpinan berwawasan yang mempunyai falsafah dan prinsip yang jelas dalam mengurus dan membangunkan sesebuah komuniti. Oleh itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat serta semua pihak agar sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang baik, sebaik-baiknya kepada rukun tetangga agar ia dapat berperanan dengan lebih aktif dan efektif dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti. Jadi, tidak ada peluang untuk *copy paste* di sini.

Ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada Sungai Balang yang mencadangkan kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk menangani kos sara hidup. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan negeri sememangnya bekerjasama dengan semua pihak. Kerajaan negeri sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utamanya. Tidak dinafikan kos sara hidup semakin meningkat. Bukan di Malaysia sahaja, malah rata-rata semua negara menghadapi masalah kenaikan harga barang. Kerajaan PH mengambil kira perkara ini dan telah melakukan beberapa inisiatif yang sah berkesan. *Booklet* pencapaian setahun PH Johor telah pun menyatakan inisiatif-inisiatif ataupun 10 janji dalam 100 hari. Inisiatif-inisiatif ini jelas membantu rakyat khususnya golongan B40 dalam menangani kos sara hidup. Selain itu, sebagai kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kenaikan harga barang pada masa kini, pelbagai usaha telah dilakukan dalam memastikan kenaikan harga barang dapat dikawal. Sehubungan itu, kerajaan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi mengatasi isu kos sara hidup yang semakin meningkat seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dan juga menyediakan tapak peniaga dan kemudahan peralatan untuk percuma tanpa bayaran. Manakala pengguna pula dapat membeli barangan dan perkhidmatan dengan harga yang berpatutan iaitu harga lebih murah di pasaran sebanyak 30% iaitu I-kit yang ganti BRIM.

Kerajaan persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri telah mewujudkan jawatankuasa menangani kos sara hidup dipengerusi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri daripada Kementerian dan Agensi dan Jawatankuasa Menangani Kos Sara Hidup berperingkat KPDNHEP dipengerusi oleh Timbalan Perdana Menteri. Saya juga telah mengadakan beberapa mesyuarat penyelarasan bersama *stakeholders*, dengan izin, khasnya dalam cara menangani kenaikan harga yang melampau oleh pemborong rangkaian perniagaan. Kerja-kerja ini akan sambung juga.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tiram telah mempersoalkan tentang isu arak palsu. Kerajaan negeri dan Kementerian KPDNHEP sentiasa melindungi kepentingan pemilik. Ha, inilah tuduhannya. Kementerian KPDNHEP pusat dan juga negeri telah pun merancang beberapa langkah dan saya sendiri pun ada jumpa dengan NGO-NGO anti arak untuk merancang beberapa langkah yang akan diambil tak lama lagi.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebagai EXCO masyarakat India saya terbawa untuk menerangkan serba sedikit berkenaan dengan isu-isu masyarakat India yang dibawa oleh Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Tenggaroh. Satu ialah Sekolah Jenis Tamil Bandar Seri Alam. Saya ingin memetik kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 27 Mei tahun ini, di mana ia dipetikkan pembinaan sekolah telah siap 95%. Dan hanya menunggu baki kerja-kerja berkaitan sistem pembentukan untuk disiapkan separuhnya dan dijangka akan diserahkan untuk operasi pada Disember tahun ini. Ingin ditegaskan bahawa sebelum mana-mana fasiliti pendidikan boleh diserahkan untuk digunakan. Kementerian komited untuk memastikan setiap fasiliti yang dibina dapat mencapai matlamat sebenar pendidikan dan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan kelak. Dengan izin, *at the end of the day*, kesejahteraan rakyat yang perlu diutamakan. Bukan macam zaman BN, guna jalan belakang tidak *follow procedure*, dengan izin. Erti kata lain, guna *shortcut* yang dijangka masa panjang boleh membawa kepada pelbagai masalah, kita di PH tidak mahu perkara sebegini untuk berulang.

Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Tenggaroh berdiam diri berkenaan dengan isu Sekolah Tamil Tebrau yang kerajaan PH berjaya menyelesaikan dalam tempoh 7 bulan tetapi tidak boleh diselesaikan dalam masa kerajaan dulu. Berkenaan dengan SJKT Ladang Nyior, sekolah ini dalam proses memperolehkan CCC dan dijangkakan siap pada September 2019. Kementerian sekitar Oktober 2018 telah menyalurkan sebanyak RM500,000.00 sebagai penyelenggaraan pembinaan sekolah tersebut. Ini menunjukkan betapa komitednya kerajaan Pakatan Harapan dalam menyelesaikan isu sekolah ini. Isu Sekolah Tamil Senai, saya terkilan dengan Yang Berhormat Kahang menyalahkan kerajaan Pakatan Harapan berkenaan dengan sekolah ini di mana jabatan telah tolak permohonan untuk tapak yang dipohon pada 12 Februari 2018, di mana ulasan dari PPD Kulai menyatakan keperluan Sekolah Kebangsaan lebih kritikal. Tanah tersebut rizab pendidikan untuk sekolah kerajaan. Kalau tidak silap masa itu BN lah merupakan kerajaan memerintah. Namun demikian, Barisan pembangkang tidak buat apa-apa mengenai perkara tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan PH tidak mahu membina sekolah Tamil di kawasan yang kurang bersesuaian. Bukan Sekolah Tamil sahaja malah saya percaya anak-anak kita perlu diberi *the best of the best*. Seperti dinyatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Senai bahawa tanah di *airport city* yang dipohon tersebut memang tak sesuai. Masih dalam kawasan hutan. Tidak ada jalan, tidak ada air, tidak ada lampu, tidak ada sebarang infrastruktur. Macam mana kita nak bina sekolah di sana. Kita perlu kaji setiap sudut dan bukannya ambil jalan mudah ataupun *temporary salvation*. SJKT Ladang Sembrong, sekolah ini sudah tiada murid. Sudah 20 tahun dahulu tapi baru sahaja pembangkang yang buat bising seperti ini masalah baru. Sekolah ini akan dipindahkan bila ada keperluan untuk sekolah baru di tempat lain. SJKT Tun Dr Ismail, kontraktor yang dilantik oleh KPM tidak dapat, didapati tidak tekun, teratur dan bersungguh-sungguh untuk menyiapkan kerja-kerja di tapak. Kontraktor ini dilantik oleh kerajaan dulu. Diingatkan bahawa kontraktor ini telah dilantik oleh kerajaan dulu dan bukan kita. Notis amaran kemungkiran no. 2 dan no. 3 telah dikeluarkan pada 8 Mei dan juga 22 Mei tahun ini. Sehubungan itu, Notis Tujuan Penamatan dan Notis Penamatan akan di keluar kepada kontraktor selepas semakan terperinci oleh Penasihat Undang-Undang Kementerian Pendidikan.

Sekolah Oil Palm sedang menunggu proses mendapatkan CCC. Sekolah Tajul di Kota Tinggi akan di siap dalam bulan Ogos tahun ini dan EXCO Pendidikan juga akan menyentuh dalam isu-isu ini bila beliau menggulungkan ucapan beliau.

Akhir sekali, tapak upacara akhirat di Tanjung Langsat. Yang Berhormat, Kahang juga membawa isu tapak akhirat masyarakat India tempoh hari di Dewan yang mulia ini. Projek pembinaan tapak upacara akhirat yang telah dibuat pelantikan kontraktor telah ditangguhkan pembinaannya kerana tapak pembinaan yang dicadangkan adalah tidak diluluskan oleh Pejabat Tanah. Tapak pembinaan yang baru telah dicadangkan oleh Pejabat Tanah iaitu berhampiran dengan Sarang Buaya, Tanjung Langsat, Pasir Gudang. Tempat ini akan di, isu ini akan dibawa kelulusan ke dalam Mesyuarat MMK. Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah memberi ulasan kepada cadangan tapak tersebut. Itu sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dalam salam sejahtera. Saya tak nak *provoke provoke* orang yang *provoke* saya semalam. Apa yang penting ialah rakyat negeri Johor. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang ke-14. Saya ingin merakamkan ucapan merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Semoga negeri Johor Darul Takzim akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sukacita juga saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal yang telah diberi mandat memimpin dan memacu pembangunan negeri Johor. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan, pandangan serta teguran berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah Portfolio Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan negeri Johor.

Saya mengambil setiap maklum balas yang diberikan dengan berlapang dada dan menilai setiap satunya supaya diberi perhatian demi memacu kecemerlangan kesihatan, budaya dan warisan. Yang Berhormat Puan Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Senai, berkaitan Hospital Kulai, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah pun menerima ringkasan projek Cadangan Membina Blok Tambahan, Ubahsuai Blok Sedia Ada dan Tambahan Blok Kuarters Anggota Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, HTSMTI Kulai yang melibatkan pertambahan kepada 245 katil. Projek ini masih dalam proses semakan perincian skop komponen projek dan anggaran kos. Setelah semakan selesai, cadangan projek akan dikemukakan ke pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dipertimbangkan dalam projek RMK-12 dan diberi keutamaan. Perkara ini selaras dengan perancang pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor untuk memperluaskan pelaksanaan inisiatif hospital kluster yang akan melibatkan Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai pada tahun 2020.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi menjawab cadangan ADUN Senggarang yang mencadangkan agar kerajaan negeri Johor memberi perhatian dan mengambil peduli tentang kesihatan rakyat negeri Johor khususnya dalam menangani masalah obesiti dalam kalangan rakyat di negeri ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, program kawalan penyakit tidak berjangkit, NCD merupakan salah satu hala tuju fokus kerajaan dalam mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit. Fokus ini, adalah bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk dan menjadi salah satu fokus utama bagi memastikan kesihatan rakyat Johor berada di tahap optimum seterusnya mengurangkan faktor risiko penyakit NCD. Oleh itu, pelbagai kempen dan program gaya hidup sihat telah digalakkan di semua lapisan masyarakat termasuklah di jabatan, agensi kerajaan dan swasta. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa peka dengan masalah semasa. Khususnya dalam menangani dan mencegah gejala obesiti. Antara inisiatif murni yang sedang dan telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Program pengurusan berat badan individu;
2. Kospen Plus;
3. Program hidangan sihat semasa mesyuarat;
4. Latihan katering sihat;
5. Pemantauan hidangan sihat di institusi;
6. Program pasar raya sihat;
7. Kempen pinggan sihat suku-suku separuh;
8. Kempen kurang gula;
9. Kempen Hidup Aktif, *When Active Living Kicks Walk* 2018-2025.

Di mana di peringkat kebangsaan kempen hidup aktif telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 3 September 2018 bertempat di Oval Launch, Setia City Park, Setia Alam Selangor. Matlamat kempen adalah untuk menggalakkan rakyat hidup aktif sama ada dengan melakukan senaman, rekreasi dan pelbagai aktiviti aktif yang lain termasuk di tempat kerja. Cadangan kempen hidup *active walk* peringkat negeri Johor akan dirasmikan pada 28 September 2019 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, insya-Allah. Kerajaan negeri sentiasa menerapkan aktiviti gaya hidup sihat melalui program-program masyarakat. Bagi menunjukkan komitmen kerajaan Johor, Program Iskandar Puteri Sejahtera akan

dilaksanakan di Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan akan diperluaskan di beberapa agensi kerajaan negeri dan swasta melalui Program Kospen Plus.

Yang Berhormat Puan Speaker, mengenai Kad Sihat Johor ADUN Bentayan telah membangkitkan jumlah kuota sebanyak 250 permohonan yang telah diberikan bagi setiap DUN tempoh hari adalah begitu kecil jumlahnya jika ingin dibandingkan dengan peratusan pengundi yang ada di setiap DUN-DUN di negeri Johor. Manakala, ADUN Bukit Nanning mencadangkan agar Kad Sihat Johor ditambah nilai dengan memberi peruntukan kepada penambahan kuota dan perbanyakkan klinik panel bagi memudahkan rakyat khususnya di luar bandar. Bagaimanapun kerajaan negeri menyambut baik cadangan serta pandangan tersebut dan akan cuba untuk melakukan penambahbaikan bagi pelaksanaan Kad Sihat Johor untuk tahun 2020. Dalam pada itu, kerajaan negeri Johor menyambut baik cadangan daripada ADUN Bentayan yang mencadangkan supaya kuota permohonan setiap DUN harus berdasarkan peratusan dan jumlah pengundi dan bukan kuantiti tetap tanpa mengira jumlah pengundi yang ada di kawasan DUN tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri berhasrat agar lebih ramai golongan B40 akan mendapat manfaat daripada Kad Sihat Johor. Perluasan golongan yang menerima manfaat kad ini akan dipertingkatkan dari tahun ke tahun dengan pelbagai inisiatif juga akan diteruskan pada masa hadapan sejajar dengan Manifesto 100 Hari kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai, berkenaan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri bagi inisiatif Kad Sihat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018, penerima Kad Sihat Johor bagi fasa pertama ini adalah disasarkan kepada golongan e-Kasih bagi setiap daerah di negeri Johor, iaitu maksimum seramai 4,000 orang penerima yang telah memperuntukkan perbelanjaan sejumlah RM1.2 juta. Daripada 4,000 yang disasarkan sejumlah 3,754 penerima mendapat manfaat daripada program Kad Sihat dengan tuntutan perbelanjaan sebanyak RM55,681.00 yang telah digunakan. Manakala pada tahun 2019, penerima Kad Sihat Johor bagi fasa ke-2 disasarkan seramai 14,000 penerima yang memperuntukkan perbelanjaan sejumlah RM6.5 juta tuntutan perbelanjaan daripada setiap daerah bagi fasa ke-2 2019 adalah sebanyak RM14,675.00 dan dalam proses pembayaran.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya berhubung dengan kejadian sesak nafas pencemaran di Taman Mawar, Pasir Gudang, yang telah berlaku sejak 27 Jun yang lalu. Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menerima panggilan kecemasan melaporkan pelajar mengalami gejala sesak nafas dari Sekolah Agama Taman Mawar, Pasir Gudang. Siasatan di lapangan mendapati terdapat satu lagi sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 4. Ekoran itu seramai 46 anggota pasukan perubatan dan kesihatan dari Klinik Kesihatan Pasir Gudang, Klinik Kesihatan Masai dan Klinik Kesihatan Sultan Ismail telah digerakkan ke lapangan untuk memberi perkhidmatan rawatan perubatan termasuk perkhidmatan ambulatori. Di samping itu, pasukan psikologi juga telah digerakkan untuk membantu di dalam rawatan dan bantuan psiko-sosial. Pusat kawalan tempat kejadian telah juga dibuka sejak 25 Jun yang lalu. Orang awam yang terjejas dengan kejadian ini telah mendapat rawatan di fasiliti kesihatan yang berdekatan iaitu di Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan juga Klinik Kesihatan Masai. Sehingga 2 Julai 2019, jam 12.00 malam, seramai 1,089 kes dilaporkan dengan 1,044 orang telah mendapatkan rawatan pesakit luar dan 45 dirujuk ke hospital dan 27 adalah di tahan untuk dimasukkan ke wad. Tiada kes dimasukkan ke unit rawatan rapi dan tiada kematian dilaporkan. Dari bilangan tersebut sebanyak 1% merupakan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun, 66% pelajar, 38% sekolah rendah, 28% sekolah menengah dan 33% berumur di atas 18 tahun. Di mana 27% pesakit adalah lelaki dan 73% adalah perempuan. Kebanyakan pesakit mengalami gejala muntah, loya, pening kepala dan sesak dada. Sebahagian kecil mengalami batuk, sakit dada, mata pedih dan sakit tekak. Berbanding dengan kejadian insiden Sungai Kim Kim pada Mac lalu, presentasi kes kali ini adalah tidak serius dan tiada yang dirawat di ICU dan tiada kematian.

Sebanyak 23 sampel klinikal pesakit yang telah dimasukkan wad telah dihantar dan keputusan dari 8 kes yang telah diperolehi adalah negatif bagi *urine cyanide*, *blood cyanide* dan bahan kimia tidak stabil (VOC). Pasukan *Response Site Social Trauma Pasca Bencana*. Pasukan kesihatan mental dan sokongan psiko-sosial melibatkan seramai 140 anggota kesihatan telah digerakkan untuk membantu di dalam rawatan dan bantuan psiko-sosial. Secara kumulatif 639 individu telah menerima *psychological First Aid* atau PFA dengan 491 orang menerima intervensi psikologi. Manakala sebanyak 21 kes dirujuk untuk penilaian lanjut. Semua kes kanak-kanak dengan simptom *anxiety* akan ditindak susul di klinik pakar psikiatri anak-kanak.

Seterusnya program kesihatan yang kita lakukan sehingga 2 Julai 2019 aktiviti promosi kesihatan diberi kepada kumpulan sasaran, khususnya pesakit, ahli keluarga, mereka dan orang awam yang datang dari kawasan terjejas. Aktiviti nasihat individu diberi sebanyak 1,066 kali dan edaran risalah sebanyak 1,520 keping. Taklimat pencemaran kimia turut diberi kepada 18 buah sekolah yang terjejas. Hebahkan awam dilaksanakan melalui radio sebanyak 10 kali manakala info grafik turut disebarkan melalui media sosial sebanyak 671 capaian di *page* Johor Health Promotion (JOHEP), dan melalui 458 golongan *group WhatsApp* ibu bapa di sekolah terjejas. Antara tindakan semasa Jabatan Kesihatan Negeri Johor ialah aktiviti *surveillance* masih diteruskan melalui pemakluman untuk notifikasi secara pentadbiran setiap hari berkaitan kes disyaki terdedah kepada pencemaran udara tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Operasi juga telah memutuskan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi sedikit bantuan kepada 293 mangsa yang terlibat.

Nasihat kepada orang awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor menasihatkan orang awam untuk mendapatkan maklumat terkini kejadian ini dari sumber maklumat yang sahih dan mematuhi arahan agensi yang berkuasa. Orang awam dinasihatkan sekiranya mempunyai gejala pening atau sakit kepala, muntah-muntah dan sesak nafas dan disyaki terhidu dan terdedah kepada pencemaran udara tersebut, sila dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan yang berhampiran. Nasihat kesihatan yang diberikan ialah seperti berikut; elakkan diri dari masuk atau berada di kawasan kejadian. Kurangkan aktiviti luar rumah, terutama kanak-kanak, warga emas dan kumpulan berisiko. Kerap mandi dan cuci pakaian secara berasingan bagi mengelakkan sisa toksik terkena anggota badan. Gunakanlah alat pelindung diri seperti penutup mulut dan hidung, *mask* dan sentiasa menjaga kebersihan diri.

Yang Berhormat Puan Speaker, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan di bawah portfolio saya seperti agensi-agensi kerajaan di atas kerjasama dan sokongan serta bantuan yang telah diberikan sama ada di peringkat negeri mahupun peringkat persekutuan sepanjang saya berkhidmat di bawah portfolio yang baru ini. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya dan saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan yang kurang dapat ditambahkan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih, diucapkan kepada EXCO Kesihatan tentang usaha-usaha yang diambil terhadap kes di Pasir Gudang. Seterusnya, menjemput Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Salam sejahtera, salam harapan Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan yang saya muliakan. Sebelum saya memulakan penggulungan saya, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama ada dipihak kerajaan mahupun di sebelah sana pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan pada sidang Dewan

kali ini. Khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa jawatankuasa saya. Segala cadangan dan pandangan dan teguran oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu amat dihargai dan akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan saya kepada semua warga kerja jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah portfolio saya atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang telah diamanahkan kepada mereka sejak mula saya masuk ke pejabat EXCO pada bulan Mei tahun 2018 ini. Tanpa kerjasama erat, beberapa kejayaan yang dikecapi oleh kita tahun lepas tidak mungkin akan dicapai. Antaralah pencapaian yang telah kita banggakan adalah pelaksanaan pemberian air 10 meter padu percuma kepada golongan B40 yang telah membawa manfaat kepada hampir lebih 164,000 penerima di Johor dan juga usaha kita untuk cuba mengekalkan, menghalang kenaikan taraf air di Johor dan juga jumlah pelaburan yang masuk ke Johor yang cukup memberangsangkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, isu yang dibangkitkan oleh ADUN Senggarang berkaitan pelaburan. Terdapat beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan pada tahun lepas berkenaan pelaburan. Meskipun ekonomi dunia meningkat pada kadar hanya sederhana namun pertumbuhan ekonomi di Johor menunjukkan peningkatan yang amat puas hati. Menurut laporan yang telah dikeluarkan MIDA, jumlah keseluruhan nilai pelaburan asing yang telah diterima oleh Johor pada tahun 2018 adalah sebanyak RM24.036 bilion berbanding pada tahun 2017 iaitu RM5.102 bilion. Ini bermakna Johor berjaya mencatat sebagai negeri yang menerima pelaburan asing tertinggi di Johor, tertinggi di Malaysia, maaf. Justeru itu, keseluruhan angka yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa keyakinan pelabur-pelabur terhadap negeri Johor masih amat tinggi. Seperti di Johor, selain daripada kedudukan geografi yang strategik, kita mempunyai kelebihan dari segi tenaga buruh yang mahir, tanah yang luas, pelabuhan-pelabuhan yang strategik, lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan infrastruktur lain. Selain itu, saya ingin tegaskan, pelabur-pelabur juga yakin dengan kestabilan politik di negara kita. Di mana pada 9 Mei 2018, kami menyaksikan penukaran kerajaan tanpa ada apa-apa insiden yang tidak diingini ataupun pertumpahan darah. Di samping itu, dengan ketelusan urus tadbir kerajaan baru, dan beberapa reformasi institusi seperti SPRM, diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen, tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dihadkan hanya dua penggal dan lain-lain dasar baru menambah lagi keyakinan untuk pelabur asing untuk melabur di negara kita, khususnya di Johor. Dan di Johor di bawah kerajaan baru, kami telah hadkan, kami telah meletakkan rancangan di mana ada 4 elemen utama yang perlu dipatuhi oleh pelabur asing, sebelum pelaburan mereka ni diterima oleh kerajaan Johor. Ini termasuklah:

1. Sekiranya melibatkan apa-apa Teknologi moden atau tinggi, kena ada pemindahan Teknologi;
2. Sebarang pelaburan mesti melibatkan kontraktor atau pengusaha tempatan;
3. Mesti mewujudkan pekerjaan untuk anak tempatan; dan
4. Sebarang industri yang masuk ke Johor mestilah mesra alam.

Selain itu, kerajaan negeri telah membentuk rangka reformasi ekonomi berasaskan inovasi dan kreativiti untuk meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan sumber-sumber bernilai tinggi bagi beralih daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi untuk penggal yang akan datang. Contohnya, negeri Johor dalam usaha untuk menjadi Johor sebagai sebuah negeri berprestasi tinggi, akan memberi tumpuan lebih kepada mempromosikan negeri Johor sebagai destinasi pelaburan yang terbaik di Malaysia. Kerajaan negeri sering menyertai misi galakan keluar negara di mana kita telah menghantar delegasi perdagangan bagi menarik pelaburan dari luar negara sama ada dengan cara kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI) ataupun dengan institusi, agensi seperti MIDA, untuk kita sama-sama menjayakan misi dagangan ini. Izin saya umumkan di sini juga, seperti yang dalam satu soalan untuk makluman dari Dewan yang mulia ini, selama 1 tahun ini, kerajaan negeri Johor telah mengadakan 11 misi dagangan *trade mission* ke luar negara. Delegasi ini bertujuan untuk menyalur serta menyampaikan maklumat kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan

di negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat ataupun *business matching*, delegasi negeri ini juga memainkan peranan dalam membina jaringan hubungan *networking* menerusi pejabat MIDA di luar negara. Melalui *trade mission* inilah kerajaan negeri telah menerima maklum balas yang positif dari pakar-pakar pelabur tersebut dan akan membuat tindakan songsongan bagi tindakan setiap perbincangan yang telah diadakan sepanjang misi-misi ini diadakan.

Seterusnya, kerajaan negeri Johor juga dilihat bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang baru. Kerajaan Johor melalui JSIC sentiasa memperhalusi dan menambah baik proses operasinya bagi mencapai tahap *efficiency* dan *effective* yang lebih tinggi serta lebih mesra pelabur untuk menarik pelaburan yang lebih berkualiti. Pendekatan yang lebih selektif telah diterima pakai dengan menyasarkan industri-industri bernilai tinggi dan berTeknologi tinggi seperti peranti perubatan, farmaseutikal, elektronik termaju, mesin dan peralatan dan tenaga boleh diperbaharui. Itulah justeru kerajaan negeri akan terus memberi fokus industri kepada industri berdasarkan kepada 3H iaitu *high technology*, *high value* dan halal dan juga prosesnya melalui industri 4.0. Tahun 2019 akan menjadi tahun pecutan untuk negeri Johor dalam merealisasikan Johor sebagai negeri berprestasi tinggi. Kita perlu memberi penekanan kepada industri-industri ini kerana industri-industri inilah yang akan menjadi industri penting di peringkat global dalam memacu negeri Johor sebagai sebuah negeri *advance economic state*.

Negeri Johor memerlukan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan bertaraf antarabangsa dalam industri-industri berTeknologi tinggi. Kerajaan perlu menarik lebih banyak pelabur asing untuk bertapak di negeri Johor bagi menghasilkan jentera mesin automobil dan barang-barang elektronik berTeknologi tinggi. Sektor industri berTeknologi tinggi mampu meningkatkan produktiviti negeri Johor dengan ketara dan memberi impak yang tinggi pada jangka masa yang panjang di mana rantai bekalan daripada pengeluar sehingga pengguna sangat luas. Setiap peringkat dalam rantai inilah mempunyai nilai tambah yang boleh ditawarkan kepada beribu-ibu industri kecil di Johor. Ianya akan membuka jaringan rantai bekalan yang sangat luas dan mencipta puluhan peluang pekerjaan mahir berpendapatan tinggi di Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, industri halal pula merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk kami diterokai. Keutamaan produk halal bukan sahaja terletak pada sijil, tetapi penghasilan produk-produk tersebut sendiri mementingkan aspek kualiti dan kebersihan. Beberapa strategi yang berkaitan dengan industri halal akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri di mana ianya melibatkan penggalakan industri halal, pemantauan industri halal, serta promosi industri halal yang akan dipergiatkan lagi pada tahun 2019. Pada masa ini negeri Johor telah mengenal pasti industri halal sebagai sumber baru pertumbuhan ekonomi berdasarkan kepada nilai pasaran global yang amat besar. Saiz pasaran ini akan terus berkembang berdasarkan peningkatan kesedaran dan permintaan kepada produk dan perkhidmatan halal daripada 1.8 bilion penduduk warga Islam dari seluruh dunia terutamanya di negeri Jepun, Timur Tengah dan juga Eropah.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negeri juga akan memastikan industri-industri yang masuk ke Johor tidak mencemarkan alam sekitar dan ia akan lebih menumpukan kepada industri yang berkualiti dan memberi peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada anak Johor. Kerajaan negeri juga akan terus meningkatkan kemudahan-kemudahan sokongan yang penting bagi menyediakan suasana atau ekosistem pelaburan yang kondusif kepada pelabur iaitu penyediaan kawasan industri yang moden, tersusun dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan tertinggi, penyediaan infrastruktur terkini seperti *high speed broadband*, bekalan elektrik tanpa gangguan gas asli dan bekalan air pada kadar yang kompetitif. Tambahan kepada perkara di atas adalah penyediaan kawasan kediaman yang kondusif dan selamat kepada keluarga ekspatriat yang akan menetap di sini, kemudahan pendidikan bertaraf antarabangsa kepada anak-anak mereka yang turut menuntut di Johor, penyediaan kawasan rekreasi kesihatan dan pusat membeli belah yang bertaraf

antarabangsa sebagai kemudahan tambahan kepada mereka. Saya cukup yakin penyediaan kemudahan-kemudahan ini akan menggalakkan ekspatriat untuk turut menetap di Johor dan memberikan maklum balas yang baik kepada bakal pelabur yang akan melabur di sini.

Yang Berhormat Puan Speaker, air merupakan anugerah dari tuhan yang sangat penting dan bernilai terhadap kehidupan kami semua. Bukan sahaja penting buat keperluan industri tetapi juga penting buat penggunaan domestik. Tanpa sumber air mencukupi adalah mustahil bagi manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dewasa ini bekalan sumber air semakin berkurangan sedangkan permintaan terhadapnya semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah populasi penduduk. Acap kali kita sedar betapa berharganya walaupun setitis apabila terputus bekalan air. Keperluan hidup tanpa bekalan air paip turut menjadikan kita lebih bersemangat untuk berjimat cermat tetapi kita sering terlupa untuk mengotakan janji apabila air mula mengalir, kita kembali kepada tabiat lama mengguna air secara berlebihan dan membazir. Buktinya berdasarkan kepada piawaian antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mengesyorkan kadar penggunaan air setiap air adalah 165 liter setiap hari. Namun, kajian terbaharu menunjukkan secara purata setiap rakyat di Johor menggunakan kira-kira 200 liter air sehari.

Sebagai perbandingan dengan negara jiran kita, seorang penduduk Singapura hanya menggunakan purata 143 liter sehari. Sebelum saya, suka juga saya ingin kongsi sedikit fakta kepada Dewan yang mulia ini, purata penggunaan bulanan air di negeri Johor untuk 1 sesi, 1 keluarga adalah sebanyak 20 meter padu. Bagi pengguna domestik ini bersamaan dengan 5 biji lori tangki dan ini hanya melibatkan kos RM26.00 sebulan sahaja. Sekiranya pengguna tersebut menerima skim bantuan air percuma, 10 meter padu daripada kerajaan negeri Johor untuk golongan B40, bil bulanan beliau hanya akan menjadi RM18.00 sahaja. Jelas bantuan ini, walaupun hanya tertumpu kepada golongan B40, tentunya dapat memberi panduan kepada segelintir masyarakat. Justeru itu, pengguna air domestik harian secara berhempah oleh setiap penduduk adalah sangat penting untuk menjamin kemampuan bekalan sumber air yang berterusan pada masa yang akan datang. Secara kesimpulannya menjadi tanggung jawab kita bersama agar isu krisis yang melanda negeri kita ini sentiasa dapat dielakkan. Semua pihak perlu mengambil bahagian dan berganding bahu agar isu ini dapat diatasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machap, sehingga kini penduduk mendapat bekalan air yang mencukupi daripada tangki-tangki yang sedia ada melainkan ketika berlakunya pencemaran atau bila ada masalah operasional seperti kes paip pecah yang menyebabkan gangguan ke atas bekalan air. Ini bermakna belum ada sebarang perancangan pembinaan tangki yang lebih besar di kawasan terbabit. buat masa kini tangki air di Pekan Simpang Renggam dan Taman Tiara Perdana masih mampu membekalkan air yang cukup ke kawasan terbabit.

Manakala isu ketidakcukupan bekalan air bagi kawasan Gugusan Lok Heng yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penawar dan juga Yang Berhormat Johor Lama, sudah lama menjadi perhatian kerajaan. Pada musim perayaan lalu, kawasan ini mengalami gangguan bekalan pada lewat malam sehingga awal pagi berikutan pengawalan bekalan untuk memastikan FELDA Easter yang berkedudukan tinggi secara geografi dan penghujung sistem terletak, terletak di penghujung sistem mendapat bekalan air yang sama adil. Justeru itu, gangguan bersifat sementara berlaku di kawasan YB-YB apabila proses keseimbangan bekalan sedang berlangsung. Permintaan bekalan air tinggi di musim perayaan menyebabkan pihak operator bekalan air bertungkus lumus mengagihkan bekalan sama rata kepada penduduk di Gugusan Lok Heng, Waha, Easter dan juga Bukit Tentera. Bagi yang menghadapi gangguan pihak operator air telah melaksanakan inisiatif dengan menaik taraf pam air mentah dan air terawat serta sistem elektrik di loji rawatan air Lok Heng bertujuan meningkatkan kapasiti loji daripada 5.4 mlg kepada 6.2 mlg. Begitu juga dengan usaha pemasangan *in line pumping* untuk sistem rangkaian paip bagi memastikan jumlah tambahan boleh diagihkan ke kawasan-kawasan tersebut. Pada musim kemarau

pula, usaha pemindahan air mentah daripada Sungai Sedili Kecil ke muka sauk Loji Lok Heng turut dilaksanakan. Usaha-usaha ini membuktikan gangguan yang sebelum ini membabitkan satu tempoh jangka masa panjang dapat dipendekkan pada musim perayaan kali ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, selain isu-isu yang dibangkitkan oleh YB Senggarang berkenaan dengan isu air, berkaitan air mentah di bawah tanah. Menurut Menteri Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) Yang Berhormat Dr. A. Xavier Jayakumar, pada masa ini Malaysia hanya menggunakan kira-kira 3% sumber air bawah tanah, pada ini undang-undang bagi penggunaan di bawah tanah tertakluk kepada Enakmen Air 1921, Pindaan 2014. Kebiasaannya air bawah tanah di negeri Johor digunakan untuk sektor industri, penternakan dan pertanian sahaja. Yang dijalankan di premis persendirian. Walau bagaimanapun, bagi kegunaan bekalan air awam, ianya masih belum dilaksanakan. Ketika ini terdapat 3 buah telaga tiub, atau *tube well* yang berkapasiti hampir 1 ml juta liter sehari telah dibina berhampiran loji rawatan LIA Lok Heng yang bertindak sebagai sumber air alternatif sekiranya berlaku pencemaran atau kemerosotan paras air sungai. Untuk tahun 2020 kerajaan negeri melalui BAKAJ telah ada perancangan bagi menjalankan kajian air bawah tanah di seluruh negeri Johor. Walau bagaimanapun pelaksanaan kajian air bawah tanah bagi seluruh negeri Johor akan melibatkan kos yang sangat tinggi. Sehubungan itu, kajian air bawah tanah di negeri Johor akan dijalankan secara berfasa di mana kajian di kawasan yang kritikal seperti Iskandar Malaysia akan dilaksanakan terlebih dahulu bermula tahun hadapan.

Yang Berhormat Senggarang juga ada membangkitkan isu pencemaran sungai yang berlaku di Johor akibat daripada efluen mentah yang dibuang oleh kilang-kilang, perlombongan pasir dan sebagainya. Suka cita saya maklumkan Dewan yang mulia ini, Bagi pengeluaran efluen daripada kilang-kilang, bidang kuasa adalah tertakluk kepada Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sekiranya pengeluaran efluen tersebut menyebabkan gangguan kepada operasi loji rawatan air, maka tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas premis tersebut di bawah Enakmen Air 1921. Pihak BAKAJ juga akan sentiasa memantau serta mempergiatkan lagi penguatkuasaan ke atas premis-premis berisiko tersebut secara berkala. Sekiranya kes pencemaran disebabkan oleh premis yang sama berulang kali, tindakan yang lebih tegas akan diambil seperti penutupan premis terbabit. Perkara ini sebenarnya telah dilakukan terhadap beberapa premis yang mengakibatkan pencemaran seperti Kilang Pirolisis Tayar di Kulai dan Gembut, Kota Tinggi, Ladang Ternakan Khinzir di Sembrong, Kluang serta Ladang Ternakan Ayam di Kulai. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan yang akan dilakukan secara berkala serta sentiasa menambah baik undang-undang sedia ada sekiranya terdapat kelemahan.

Yang Berhormat Panti juga telah membangkitkan persoalan berkaitan Tabung Dana Pemuliharaan dan Pemeliharaan Sungai. Kerajaan Negeri Johor telah memberi peruntukan setiap tahun kepada BAKAJ bagi melaksanakan program-program pembangunan sumber air. Perwujudan dana bagi pemuliharaan dan pemeliharaan sungai perlu dikaji dengan teliti, memandangkan peruntukan yang diberikan kepada BAKAJ bagi melaksanakan program pembangunan sumber air berskala kecil untuk program meningkatkan kualiti air sungai dan penguatkuasaan. Sekiranya dana ini hendak ditubuhkan, ianya tidak perlu dibebankan oleh Kerajaan Johor semata-mata. Ini adalah kerana pemeliharaan sungai dan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Maka semua *stake holders* juga perlu menyumbang kepada dana ini agar wujud perasaan hak milik bersama terhadap sungai tersebut. Bagi program memperkenalkan anak-anak ikan yang baru bagi memastikan bahawa ekosistem ikan dan hidupan di sungai dapat diteruskan, pihak Jabatan Perikanan sentiasa melaksanakan program pembenihan anak ikan di sungai setiap tahun terutamanya pada musim monsun setiap hujung tahun.

Manakala bagi isu Malee Mineral Water, insiden air mineral keluaran Malee Mineral Water yang telah dicemari bakteria sebenarnya bukanlah di bawah bidang kuasa pihak BAKAJ.

Bagi pengeluaran air terawat yang dibekalkan untuk kegunaan minuman, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Pihak BAKAJ hanya mengeluarkan Lesen Abstraksi Air Mentah setelah pihak pengilang memenuhi kriteria yang ditetapkan termasuk mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Kejadian ini berlaku kemungkinan terdapatnya bakteria di dalam air mentah adalah memang tidak dapat dielakkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Machap kerana prihatin berkaitan masalah *leachate* di Simpang Renggam. Berkenaan masalah air *leachate* yang berlaku di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Ladang CEP, Renggam, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak berkaitan bagi mengatasi masalah tersebut. Pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penutupan selamat bagi mengelakkan pertambahan kadar efluen serta menaik taraf *leachate treatment plant* (LTP) sedia ada daripada kapasiti 150 *cubic meter* sehari kepada 300 *cubic meter* sehari dan dijangka siap pada hujung bulan Ogos 2019. Kerja-kerja pengukuhan benteng kolam efluen juga sedang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang telah dilantik oleh JPSPN. Sementara menunggu kerja-kerja menaik taraf LTP disiapkan, pihak JPSPN telah mengoperasikan empat buah *mobile leachate treatment plant* (MLTP) berkapasiti 50 *cubic meter* sehari di tapak pelupusan sisa pepejal tersebut bagi merawat efluen sebelum dilepaskan keluar.

Pihak Ranhill SAJ Sdn. Bhd. juga telah menyiapkan *pollutant removal system* atau PRS bersebelahan tapak pelupusan sisa pepejal tersebut bagi merawat limpahan efluen yang mengalir keluar daripada tapak. Sistem tersebut berupaya merawat efluen pada kadar 1000 *cubic meter* sehari. Kesemua tindakan yang telah diambil ini dijangka dapat mengatasi masalah limpahan *leachate* yang berlaku di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP, Renggam dan seterusnya diharap dapat mengelakkan lagi lah sebarang gangguan operasi kepada Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Endau kerana atas keprihatinan beliau terhadap projek pendalaman muara Sungai Mersing. Untuk makluman Yang Berhormat Endau, JPS telah memohon peruntukan bagi Projek Pengorekan dan Pembinaan Struktur Pemecah Ombak di Muara Sungai Mersing di bawah Rancangan Malaysia ke-11, namun tidak diluluskan. Justeru itu, JPS akan sekali lagi memohon peruntukan bagi projek ini di bawah RMK-12. Objektif projek ini adalah untuk mengurangkan kadar pemendapan di muara sungai, seterusnya dapat mengatasi masalah laluan bot-bot nelayan dan pelancong di Muara Sungai Mersing.

Selain itu, Yang Berhormat Pekan Nenas juga ada membangkitkan isu masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan Kampung Parit Pasir. Masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Kampung Parit Pasir, Pekan Nenas adalah disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak di naik taraf selaras dengan keperluannya berbanding dengan kemajuan projek perumahan dan komersil yang begitu pesat di kawasan sekitar. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM550,000.00 di bawah Rancangan Johor Lima Tahun seperti kerja-kerja menaik taraf saluran Kg. Parit Pasir, Pekan Nenas, Daerah Pontian dan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Parit 1H/11 dan 1H/6 di Mukim Pekan Nenas dan Pengkalan Raja, Pontian. Ke semua kerja-kerja tersebut sedang dalam tindakan perlaksanaan oleh JPS Negeri Johor dan dijangka siap pada Disember 2019. Dengan perlaksanaan projek-projek ini, kita berharap agar aliran air semasa hujan lebat dapat mengalir dengan lancar dan diharapkan dapat mengatasi risiko banjir kilat di kawasan ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, setakat ini sahajalah pencerahan-pencerahan yang saya dapat berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan.

Akhir sekali, sekali lagi bagi pihak saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran, dan sokongan yang berterusan

oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya memberikan komitmen penuh akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas setiap perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Seterus, jemput YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Selamat petang, salam sejahtera dan salam Harapan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali, izinkan saya merafak sembah menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah berkenan untuk merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Terima kasih juga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas yang menyentuh portfolio Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Saya akan cuba memberikan penjelasan yang tuntas mengenai setiap butiran atau isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan 4 hari yang lalu.

Sehingga tahun 2019, sebanyak 73 buah PDK telah diwujudkan di seluruh negeri Johor dan semuanya telah beroperasi sepenuhnya serta memberi perkhidmatan kepada 2,500 Orang Kurang Upaya dari pelbagai kategori kecacatan dan mempunyai 434 orang penyelia serta petugas.

Sungai Balang telah menyentuh Pusat Dalam Komuniti dalam Negeri Johor. Dengan ini, pada bulan Januari 2018, kesemua PDK di negeri Johor telah berdaftar sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Ini adalah usaha jabatan dalam mewujudkan PDK sebagai *Legal Entity* dengan izinnya, menambah baik pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi PDK dengan mewajibkan setiap PDK perlu berdaftar sebagai Pertubuhan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Nama PDK juga turut ditukar kepada Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK) yang mana sebelum ini ialah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Di negeri Johor, PDK dipengerusikan oleh Isteri Wakil-Wakil Rakyat di kawasan DUN atau Wakil Rakyat di kawasan itu sendiri untuk menerajui dan mengurus tadbir PDK mengikut Garis Panduan Pengurusan PDK yang ditetapkan. Oleh sebab itu, apabila PDK diminta berdaftar dengan ROS, pada tahun 2018, kesemuanya pengerusi PDK tetap dipegang oleh Wakil Rakyat atau isteri Wakil Rakyat pada masa ketika itu.

Bagi meneruskan tanggungjawab dan kesinambungan program ini, Kerajaan Negeri sedang mengemas kini dan menambah baik program pemulihan di PDK yang turut melibatkan pelantikan jawatankuasa dan sebagainya. Dalam hal ini, Pengerusi dan Keahlian Jawatankuasa masih lagi dikekalkan sepertimana dasar terdahulu iaitu pelantikannya hendaklah dalam kalangan isteri Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen di bawah Kerajaan yang memerintah.

Selain itu, Kerajaan Negeri Johor juga turut menyediakan bangunan-bangunan premis PDK dan memberikan elaun tambahan sebanyak RM200.00 kepada Penyelia dan Petugas PDK di Negeri Johor dan juga Bantuan Khas Kewangan mengikut pengumuman oleh Kerajaan Negeri Johor. Ini adalah atas inisiatif kerajaan Negeri Johor.

Oleh yang demikian, terdapat kewajaran agar dasar Pengerusi dan keahlian jawatankuasa PDK terdiri dari kalangan isteri Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di bawah Kerajaan yang memerintah diteruskan. Dasar ini sama seperti yang dilakukan oleh sebelah sana semasa mentadbir dahulu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat penegasan dan menyeru kepada Sungai Balang dan rakan-rakan dari sebelah sana agar berhentilah mempolitikkan PDK ini dan mempertaruhkan masa depan golongan OKU. Berlapang dada dan mengakui bahawa rakyat Johor telah memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk mentadbir negeri ini.

Sehingga bulan Jun 2019, daripada 73 buah PDK, terdapat 9 buah PDK masih belum beralih pengurusan dari yang lama kepada pengurusan yang baharu iaitu PKPDK Sri Sulong Batu Pahat, PKPDK Seri Medan Batu Pahat, PKPDK Nusajaya Johor Bahru, PKPDK Tun Aminah Johor Bahru, PKPDK Aura Firdausi Bukit Besar Kota Tinggi, PKPDK Sri Cahaya Bandar Kota Tinggi, PKPDK Sinar Suria Adela Kota Tinggi, PKPDK Pagoh Muar dan PKPDK Maharani Muar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa berusaha memperkasakan PDK demi kepentingan rakyat khususnya golongan sasar OKU. Oleh itu, tadbir urus PDK perlulah sentiasa cekap dan berkesan bagi membantu kecemerlangan pelatih dan PDK.

Jabatan telah merancang beberapa pendekatan sebagai usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urus tadbir PDK Negeri Johor iaitu mengadakan Kursus Pengurusan PDK dan Tatacara Kewangan selari dengan kehendak dan peraturan Garis Panduan Pengurusan PDK dan Akta Pertubuhan 1966 bagi semua jawatankuasa baharu supaya meningkatkan ilmu dalam pengendalian PDK. Membuat pemantauan secara berkala terhadap pengurusan PDK. Mengadakan sesi penerangan berkaitan pengurusan Orang Kurang Upaya kepada jawatankuasa baharu supaya mereka lebih memahami penjagaan OKU dan memberikan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Baharu tentang pengurusan PDK agar lebih ramai OKU memperoleh manfaat daripada program PDK.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Maharani telah membangkitkan mengenai gejala kehamilan remaja dan pembuangan bayi. Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan semua jabatan dan agensi sama ada di peringkat negeri atau persekutuan sentiasa komited dan prihatin dengan masalah sosial yang berlaku khususnya di negeri Johor.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilakukan dalam mengurangkan permasalahan sosial yang berlaku yang kini menjadi barah dalam masyarakat kita pada masa kini. Iaitu, kes pembuangan bayi dan kehamilan remaja luar nikah. Berdasarkan statistik, majoriti kes remaja hamil luar nikah adalah melibatkan golongan remaja dalam lingkungan umur 10 hingga 19 tahun. Untuk makluman terdapat 22 kes kehamilan remaja yang telah dimaklumkan kepada pihak JKM berlaku di negeri Johor. Daerah Batu Pahat merupakan daerah yang tertinggi yang mencatatkan 5 kes, diikuti Johor Bahru sebanyak 4 kes, dan kemudian Kulai sebanyak 3 kes.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, berkaitan dengan kes pembuangan bayi pula, terdapat 577 kes dilaporkan sepanjang tahun 2015 hingga 2018 di seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2019, terdapat 65 kes yang telah dilaporkan di mana Johor mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 13 kes diikuti Selangor dan Kuala Lumpur yang mencatatkan 11 kes dan 7 kes masing-masing. Nilai nyawa bayi yang dibuang seolah-olah tidak dihiraukan. Di peringkat nasional untuk tempoh 2013 hingga 2015, seramai 296 bayi dibuang dengan hanya 103 bayi ditemui masih hidup. Sementara selebihnya atau 193 orang ditemui sudah meninggal dunia. Justeru, berdasarkan permasalahan ini kerajaan telah mengambil inisiatif iaitu pada tahun 2019, YPKDT telah melaksanakan program Diriku Permata Berharga (DERMAGA) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada sekolah kerajaan mahupun swasta dengan kerjasama ABIM.

Objektif program ini dilaksanakan adalah pertama, mendidik kumpulan sasar mengenai ilmu pengetahuan tentang pendidikan kesihatan reproduktif. Kedua, melahirkan kelompok prihatin yang berpengetahuan tentang pendidikan kesihatan reproduktif. Ketiga, menyebarkan luas pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan kesihatan reproduktif sosial dan remaja kepada mereka yang terlibat dalam membangunkan remaja dan ibu bapa dalam komuniti agar mereka memberi kesedaran dalam menangani isu sosial khususnya melibatkan seksualiti dalam kalangan remaja. Dan mewujudkan kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat yang bertindak sebagai *support group* atau kumpulan sokongan dalam memastikan isu-isu berkait tentang kesihatan reproduktif ini di dalam komuniti dapat dikenal pasti dicerakin dan diambil tindakan dengan lebih proaktif.

Program pada awalnya hanya mensasarkan seramai 1,000 orang remaja. Namun, sehingga Jun 2019, seramai 1,773 remaja telah menerima manfaat berbanding sasaran. Program ini telah diterima baik oleh pihak Jabatan Pelajaran, guru-guru dan juga pelajar. Tidak lupa juga YPKDT turut menjalankan program DERMAGA ini di Pusat Jagaan Kebajikan Generasi Ku Sayang. Pusat ini merupakan pusat perlindungan wanita hamil luar nikah. Program ini diberikan khusus kepada remaja luar nikah dan bekas pelatih pusat ini. Seramai 13 orang pelatih telah menyertai program DERMAGA ini. Selain itu, kerajaan juga telah merancang program lanjutan khusus bagi membendung permasalahan ini melalui program khas yang diberi nama Pembimbing Masyarakat Johor iaitu PRO. Program ini dirancang adalah demi kelestarian dan kesejahteraan rakyat negeri Johor melalui program di bawah pembangunan modal insan. Program ini adalah diharapkan sebagai langkah pencegahan awal di kalangan masyarakat setempat seterusnya membantu masyarakat negeri Johor mendapatkan saluran yang betul melalui ketua masyarakat, komuniti yang mempunyai akses terus dengan agensi kerajaan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Maharani membangkitkan juga isu warga emas. Tindakan pemerkasaan warga emas boleh dilaksanakan dengan merujuk kepada Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara. Perkhidmatan dan kemudahan untuk warga emas telah lama wujud di Malaysia dan dibekalkan oleh pelbagai pihak. Kerajaan dan badan kebajikan memainkan peranan penting dalam membekalkan perkhidmatan untuk warga emas terutama sekali melalui institusi penjagaan dan bantuan kepada golongan kurang upaya dan miskin. Berdasarkan maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia bakal didiami masyarakat menua atau *aging society* menjelang tahun 2030. Data yang dikumpulkan menjangka dalam tempoh berkenaan dianggarkan 7.2% daripada keseluruhan penduduk di negara ini akan berusia sekurang-kurangnya 65 tahun. Memandangkan bilangan penduduk tua meningkat dengan pesat dan aspirasi negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, perubahan perlu berlaku dengan cara kerajaan dan masyarakat perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran. Salah satu cabaran negara menua ialah perancangan untuk membekalkan perkhidmatan dan kemudahan yang dapat memenuhi keperluan rakyat pada masa yang sama dapat menguruskan perkembangan ekonomi negara.

Di bawah Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, telah diwujudkan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas sama ada di peringkat negeri mahupun daerah. Melalui JPWEN ini, telah menghimpunkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan untuk mengenal pasti dan merancang program keperluan dan permasalahan yang didapati oleh warga emas mengikut peranan jabatan berkenaan. Kerajaan melalui JKM telah mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di setiap kawasan Parlimen seluruh negara. Dalam negeri Johor, terdapat 12 buah PAWE yang telah ditubuhkan melibatkan 12 kawasan Parlimen dalam negeri Johor. Bagi tahun 2019, sebanyak 4 buah PAWE baharu akan ditubuhkan dalam negeri Johor. Antara program yang perlu dilaksanakan ialah Program Penua Sihat, Penuaan Positif, Penuaan Aktif, Penuaan Produktif dan Penuaan Menyokong.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, pengabaian dalam kalangan anak dewasa terhadap warga emas adalah merupakan masalah serius yang perlu dibendung bagi mencapai tahap

kehidupan yang sejahtera dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana golongan warga emas telah banyak menabur bakti dan jasa dalam pembangunan negara. Pada masa yang sama, golongan warga emas merupakan generasi penggerak dan pencetus kejayaan yang dinikmati dan dicapai oleh generasi muda pada masa ini. Oleh itu, generasi muda seharusnya dan wajar untuk tidak mengabaikan peranan mereka dalam menjaga warga emas untuk memenuhi keperluan mereka bagi mencapai kehidupan sejahtera dan mencapai proses penuaan yang sejahtera. Justeru, beberapa program yang telah dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan inter-generasi antara golongan muda dengan warga emas. Pelbagai program perlu dirancang bagi memberi kesedaran dan pengetahuan bukan sahaja kepada warga emas tetapi juga kepada pelbagai peringkat umur. Antara program yang diwujudkan adalah Program Intergenerasi Warga emas, Kanak-Kanak dan Remaja yang dilihat sebagai satu medium pelaksanaan yang berkesan bagi memberi kesedaran kepada kanak-kanak dan warga emas mengenai keperluan menjalankan aktiviti secara bersama.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dalam menyahut seruan kempen Tahun Melawat Johor 2020, Tourism Johor dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengadakan lawatan kerja ke daerah-daerah bagi meninjau tempat-tempat dan produk-produk pelancongan yang disyorkan oleh pentadbiran daerah yang berpotensi untuk dibangunkan, ditambah baik serta dipromosikan sebagai salah satu tarikan pelancongan di negeri Johor. Tourism Johor mengambil maklum tentang keperluan produk pelancongan daerah dan bersedia untuk menyemak keperluan penambah baik tersebut. Bagi kawasan-kawasan tinggalan sejarah pula seperti Minyak Beku dan Rumah Api Bukit Segenting, Tourism Johor akan berkolaborasi dengan jabatan atau agensi yang terlibat dengan pengurusan warisan seperti Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Warisan Negara untuk membangunkan semula dan mempromosikan tempat-tempat tersebut sebagai salah satu tarikan pelancong. Jabatan-jabatan tersebut akan diminta untuk mengenal pasti ketepatan dan kesahihan maklumat serta mengakreditasi lokasi tersebut sebelum dipromosikan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebagai penutup penggulungan saya pada petang ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan yang ada di dalam Dewan yang mulia pada hari ini agar kita semua bersama-sama menjadi Duta Pelancongan Negeri Johor dengan mengamalkan sikap mesra dan sopan kepada pelancong demi menjayakan kempen Tahun Melawat Johor 2020. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan jabatan-jabatan dan agensi di bawah portfolio saya atas kerjasama dan bantuan yang telah diberi kepada saya selama saya memegang jawatan ini. Ini tanah tumpah darah kita. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus memacu pertumbuhan dan pembangunan, memposisikan Johor sebagai destinasi pelancongan pilihan di rantau ini dan juga mengangkat martabat dan peranan wanita dalam kehidupan bernegara. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 7 Julai 2019, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:25 petang.